



# MABIMS

## التفسير العلمي

TAFSIR 'ILMI AYAT-AYAT KAUNIYYAT  
MABIMS



MENGENALI METODE  
DAN ALIRAN TAFSIR  
AL-QUR'AN SAINTIEIK

DITERBITKAN BERSAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, INDONESIA, MALAYSIA & SINGAPURA  
PENYELARAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM




# التفصير العلمي

TAFSIR 'ILMI  
(AYAT-AYAT KAUNIYYAT)  
MABIMS

**Mengenali Metode dan Aliran Tafsir Al-Qur'an Saintifik**

Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya



"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih"

**KATA MUTIARA**  
**TAFSIR 'ILMI (AYAT-AYAT KAUNIYYAT) MABIMS**

**BRUNEI DARUSSALAM**

Penerokaan isyarat-isyarat ilmiah di alam semesta tidak memisahkan antara wahyu dan sains. Al-Qur'an adalah saintifik tapi bukan buku sains. Al-Qur'an adalah kitab hidayah yang tersirat di dalamnya integrasi dalil naqli dan 'aqli kepada kuasa Allah s.w.t. Rabb sekalian alam. Oleh yang demikian, Usaha mentadabbur ayat-ayat Kauniyyat melalui manhaj Tafsir Ilmi yang sahih adalah untuk kita memandu kepada 'ibrah pengajaran dan keimanan yang berterusan. Semoga kitab yang sedang anda tatapi ini akan menjadi jambatan ke arah itu.

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman  
Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



**KATA MUTIARA**  
**TAFSIR 'ILMI (AYAT-AYAT KAUNIYYAT) MABIMS**

**MALAYSIA**

Al-Quran merupakan kitab yang terkandung nilai-nilai ilmu yang cukup tinggi, telah menggambarkan kekuasaan, keindahan dan keagungan-Nya. Usaha pengumpulan dan penghasilan Tafsir Ilmi yang menghimpunkan ayat-ayat kauniyyah mengenai penciptaan alam terutamanya berkaitan langit dan bumi amat bermanfaat untuk mengajak umat Islam merenung serta menghayati kebesaran Allah SWT. Saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada pihak Sekretariat MABIMS atas inisiatif menerbitkan Tafsir Ilmi Ayat-ayat Kauniyyat yang akan menjadi satu manuskrip dan khazanah rujukan kepada umat Islam.

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Malaysia



**REPUBLIK INDONESIA**

Tafsir Ilmi menjadi salah satu bukti keselarasan informasi Al-Qur'an dengan penemuan ilmiah dan perkembangan ilmu pengetahuan. Dalam Islam, agama dan sains berjalan beriringan, tidak berbenturan. Kerjasama antara negara-negara serumpun dalam kajian Al-Quran perlu terus dikembangkan dan ditingkatkan agar Al-Qur'an tetap menjadi sumber petunjuk dan inspirasi kemajuan umat dan peradaban dunia.



Yaqut Cholil Qoumas  
Menteri Agama, Republik Indonesia

**REPUBLIK SINGAPURA**

Alam semula jadi dan segala sumbernya diciptakan untuk manfaat dan kesejahteraan kehidupan manusia. Marilah kita bersama-sama memelihara, memakmurkan dan menghargai alam semula jadi sebagaimana yang diajar dalam agama Islam. Syabas kepada MABIMS atas kejayaan mempelopori badan ilmu ini sebagai langkah membantu masyarakat menghayati nilai-nilai murni yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan kita. Usaha ini juga bakal menghidupkan semangat masyarakat terhadap alam sekitar yang perlu dipupuk dan digalas untuk generasi seterusnya.



Masagos Zulkifli bin Masagos Mohammad  
Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga,  
Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri  
Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat  
Islam, Republik Singapura

## KATA PENGHANTAR

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى الله وصحبه اجمعين وبعد

Alhamdulillah syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan limpah kurniaNYA maka Buku Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS Jilid 1 telah berjaya diterbitkan bersama-sama oleh negara-negara anggota MABIMS. Projek Kerjasama Penulisan Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS ini adalah hasil daripada keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Ke-43 dan MABIMS Ke-18 yang bersidang di Bandar Seri Begawan pada 13 hingga 14 November 2018.

Ia merupakan satu sentimen kesepakatan di kalangan negara anggota MABIMS dengan menampilkan para penulis dan penyelidik yang berkualiter sehingga mampu menghasilkan satu buku Tafsir 'Ilmi. Tafsir 'Ilmi merupakan satu penulisan ilmiah yang berhubung kait dengan Al-Qur'an sekaligus menjadi rujukan bahan ilmiah bagi negara-negara anggota MABIMS. Ia berperanan dalam proses perkembangan ilmu tafsir berorientasikan ilmu tafsir Al-Quran yang diharapkan untuk menyajikan pembaca-pembaca dengan perspektif kehebatan mukjizat Al-Quran. Diharapkan buku Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS ini dapat mempertingkatkan kefahaman Al-Quran melalui tafsir ilmi kepada umat Islam dan masyarakat awam negara-negara anggota MABIMS selain ia dapat menambah sumber rujukan ilmiah tafsir 'Ilmi dirantau MABIMS, serataudan antarabangsa. Buku Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS ini merupakan penulisan Jilid 1 yang mengutarkan empat tajuk penulisan iaitu Kejadian Manusia, Air (Laut,Sungai, Hujan dan seumpamanya), Langit dan Bumi dan Tumbuh-tumbuhan.

Saya berharap agar kita akan dapat menghasilkan lagi tajuk-tajuk Ayat-Ayat Kauniyyat di masa akan datang. Ia setentunya meningkatkan dan memperluaskan lagi skop kerjasama di kalangan negara anggota MABIMS melalui Projek Kerjasama Penulisan Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pakar, penulis dan rakan-rakan negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura yang telah berusaha dalam sama-sama memberi sumbangan tenaga, buah fikiran, pandangan dan cadangan semasa proses penulisan Buku Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS Jilid 1 ini.

InshaAllah, berkat kerjasama padu dan usaha serta semangat persaudaraan negara anggota MABIMS, Buku Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS yang dihasilkan dan diterbitkan ini akan menjadi salah satu syi'ar Islam dan sumbangan MABIMS kepada masyarakat serataudan antarabangsa serta menjadi bahan rujukan dan penyelidikan kepada para ilmuan, para penyelidik dan mahasiswa.

Sekian.

وبالله التوفيق والهدایة والسلام عليکم ورحمة الله وبركاته

*Awang Haji Mohammad Rosli Bin Haji Ibrahim*

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam,  
selaku Ketua SOM Ke-47 bagi Negara Brunei Darussalam.

## SENARAI PENULIS

### BRUNEI DARUSSALAM

Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya  
Lead Sekretariat Khas Sementara (Pakar) bagi Projek Tafsir 'Ilmi

Dk Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin  
Pembantu Penyelidik

Awang Muhammad Hafizuddin bin Haji Muhammad Ridzuan  
Pembantu Penyelidik

### REPUBLIK INDONESIA

Dr. Muchilis Muhammad Hanafi, MA  
Ketua

Prof. Dr. H. Rosihon Anwar, MA  
Wakil Ketua

Prof. Dr. Ir. M. Rahman Djuansyah, MA  
Anggota

Dr. Hoeman Rozie Sahil  
Anggota

Dr. Solehudin, M. Ag, Ph.D  
Anggota

Dr. Dadang Darmawan, MA  
Anggota

Dr. Ahman Izzan, M. Ag  
Anggota

Dr. Reflita MA  
Anggota

Ecep Ismail, M. Ag  
Anggota

## SENARAI PENULIS

## ISI KANDUNGAN

### MALAYSIA

Puan Hazizah binti Yusoff  
*Ketua Penyelidik*

Puan Mahfuzah binti Zohdi  
*Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Kajian al-quran dan Hadis*

Puan Nor Shaidayani binti Samah  
*Penyelidik*

Prof. Madya Dato Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah  
*Panel Rujukan*

Encik Hifdzi Zaim bin Zamri  
*Pembantu Penyelidik*

Encik Muhammad Yusra bin Ahmad Hulaimi  
*Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Kajian al-quran dan Hadis*

### REPUBLIK SINGAPURA

Dr Muhammad Haniff Hassan  
*Zamil Penyelidikan (RSIS-NTU)*

i	iii	01
<b>Mutiara Kata</b>	<b>Kata Penghantar</b>	<b>Senarai Penulis</b>
19	01	vii
<b>Bab 2</b> AL-QUR'AN DAN SAINS	<b>Bab 1</b> PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR	<b>Prakata</b>
38	68	98
<b>Bab 3</b> DEFINISI TAFSIR 'ILMI	<b>Bab 4</b> KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI	<b>Kesimpulan</b>
		99
		<b>Bibliografi</b>

## PRAKATA

Penerbitan Tafsir 'Ilmi Ayat-Ayat Kauniyyat MABIMS dihasilkan menjadi satu wadah inovatif dan kreatif dalam rangka khidmat menyebarluaskan ilmu berkaitan al-Qur'an. Kerjasama antara negara-negara anggota MABIMS dalam usaha penerbitan ini juga dilihat sebagai satu titik permulaan kepada kesatuan sumber rujukan yang absah dan dipercayai untuk digunakan oleh masyarakat Islam di rantau ini. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu pada 24 November 2021M secara dalam talian telah membuat beberapa persetujuan berkaitan penyelidikan *Tafsir 'Ilmi* ini khususnya dalam penentuan tajuk bagi setiap negara anggota MABIMS. Bagi Negara Brunei Darussalam, tajuk yang ditentukan adalah "Kejadian Manusia".

Pentafsiran al-Qur'an giat diusahakan dengan pelbagai manhaj dan aliran. *Tafsir 'Ilmi* merupakan antara manhaj tafsir kontemporari dan menjadi trend era kini. Manhaj ini berperanan menyingkap tafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara saintifik berdasarkan ilmu yang benar dan terbukti secara eksperimental melalui kaedah dan alat kajian yang tidak terdapat pada zaman turunnya al-Qur'an. Al-Qur'an mengandungi pelbagai ilmu termasuk ilmu sains. Namun al-Qur'an bukanlah kitab sains, malah ia adalah kitab hidayah Allah s.w.t. dan mukjizat teragung Rasulullah s.a.w.

Penyelidikan, penulisan dan penerbitan berkaitan dengan *Tafsir 'Ilmi* terus berkembang dan meluas. Akan tetapi masih belum ada rujukan bersepada, padat, bernalas dan menepati ciri-ciri *Tafsir 'Ilmi* yang sahih. Kekeliruan dan salah faham berkaitan dengan al-Qur'an dilihat timbul akibat kerakusan manusia meraih perhatian, lebih-lebih lagi jika ia dikaitkan dengan hal ilmiah. Ditambah lagi dengan ledakan kemajuan teknologi yang segalanya boleh dicapai dengan hujung jari lantas menjadikannya tersebar atas nama "viral", "kebebasan bersuara", "akademik dan ilmiah" dan "dunia tanpa sempadan". Kewujudan fakta-fakta menarik yang saintifik dan kaitannya dengan al-Qur'an mencapai jangkauan mudah dan banyak. Masyarakat beranggapan hal ini sesuatu yang positif dalam usaha mendekatkan individu kepada Tuhan dan meningkatkan keimanan.

Namun tidak ramai yang sedar akan wujudnya polemik negatif antara agama Islam dan sains. Masih ada golongan sarjana yang berpegang dan percaya kepada teori evolusi manusia idea *Darwin* dan mengaitkannya dengan ayat-ayat al-Qur'an. Walhal cara mereka berhujah dengan ayat al-Qur'an tidak menepati kriteria dan kaedah yang diiktiraf dalam pentafsiran al-Qur'an, khasnya dalam ruang lingkup penyelidikan *Tafsir 'Ilmi*.

Begitu juga dalam aspek definisi antara *Tafsir 'Ilmi* dan *I'jaz 'Ilmi*, para ulama bidang Tafsir sendiri turut masih ramai yang keliru. Ada golongan yang menyamakan dan golongan lain membezakannya.

Dariuraian permasalahan ini, maka persoalan yang perlu dijawab di sini ialah apakah definisi metode dan aliran *Tafsir 'Ilmi Ayat-Ayat Kauniyyat* secara menyeluruh? Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk mencapai objektif menghuraikan dengan rinci metode dan aliran *Tafsir 'Ilmi Ayat-Ayat Kauniyyat*.

Penulisan ini menghuraikan definisi ilmu *Tafsir al-Qur'an* dan sejarah perkembangannya secara terperinci sebelum masuk kepada penjelasan maksud *Tafsir 'Ilmi* bagi mengenali dengan mendalam sejarah metode dan aliran tafsiran al-Qur'an secara saintifik. Juga dibahaskan korelasi antara al-Qur'an dan sains, maksud ayat *Kauniyyat* dan hubungannya dengan metode *Tafsir 'Ilmi* serta kedudukan dan hukum *Tafsir 'Ilmi* dalam arena perbahasan manhaj Tafsir al-Qur'an. Dalam isu ini, diketengahkan golongan yang menolak dan menerima manhaj *Tafsir 'Ilmi* beserta dengan pendapat masing-masing serta pengharmonian antara pendapat dua golongan tersebut. Kemudian dirumuskan senarai kriteria dan syarat ketat penerimaan *Tafsir 'Ilmi*.

## PRAKATA

Antara isi kandungan utama dalam perbahasan bahagian ini, diperincikan perbezaan antara *Tafsir 'Ilmi* dan *I'jaz 'Ilmi* kerana mengambil kira kekeliruan yang timbul terhadap kedua-dua istilah ilmu ini. Hal ini penting atas dasar amanah ilmiah lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan al-Qur'an. Sememangnya terdapat perbezaan antara kedua-duanya dan kekeliruan ulama kontemporari bidang al-Qur'an dan Tafsir sendiri semisal Fadhl 'Abbas (1999), al-Khalidi (1992 & 2000) dan lain-lain atas hujah sangka baik (*husnuzzon*) adalah mereka tidak mengiktiraf adanya *I'jaz al-Qur'an* dari aspek saintifik. Lantas menyebabkan mereka menyamakan antara keduanya dan hanya berpegang kepada prinsip asas ilmu *I'jaz al-Qur'an* hanya dari sudut *I'jaz Bayani*.

Bagi penulis sendiri, semakin mendalam meneliti kajian ilmu ini, semakin sukar membuat pilihan antara dua golongan tersebut, walaupun terdapat usaha segelintir golongan ulama antaranya Yusuf al-Qaradhawi (2006) yang memberi penekanan terhadap perkara ini bila beliau mengkhususkan satu bahagian perbahasan khas berkenaan dengan perbezaan antara *Tafsir 'Ilmi* dan *I'jaz 'Ilmi*.

Sungguhpun demikian, ini mencetuskan percambahan minda dan idea untuk mempertahankan tafsiran al-Qur'an secara sahih terutama dari aspek manhaj saintifik ini dengan menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan. Justeru, melihat kepada kepentingan penjelasan terperinci *Tafsir 'Ilmi* ini, dan hasil perjumpaan serta perbincangan bersama Yang Berhormat Menteri Ugama Negara Brunei Darussalam pada 08 Julai 2023, Yang Berhormat Pehin menyarankan agar bahagian pengenalan *Tafsir 'Ilmi* dan bahagian perbincangan tajuk "Kejadian Manusia" diterbitkan secara berasingan menjadi dua buah buku.

Begitu juga tentang kekeliruan, salah faham dan penyelewengan *Tafsir 'Ilmi*. Penulis berpendapat topik ini penting untuk diketengahkan, bukan sahaja sebagai contoh, bahkan lebih utama untuk memberikan solusi dan pencerahan terhadap beberapa contoh tular yang tidak menepati syarat dan kriteria *Tafsir 'Ilmi* yang sahih.

Hasil utama kajian dan penulisan ini membuktikan bahawa ilmu Sains yang sebenar adalah yang bertepatan dengan ayat-ayat Kauniyyat di dalam al-Qur'an dan ini hanya dapat dicapai menerusi manhaj *Tafsir 'Ilmi* yang tepat. Seterusnya ia akan membawa kepada keimanan terhadap kuasa Pemilik alam semesta Allah s.w.t.

Penulis sebagai pengkaji utama projek penerbitan mewakili Negara Brunei Darussalam mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam umumnya dan Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS KHEU khususnya kerana memberi kepercayaan kepada penulis dengan lantikan sebagai ahli Jawatankuasa Penyelaras Penerbitan Tafsir 'Ilmi Negara Anggota MABIMS Bagi Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2019 dan seterusnya selaku Lead Sekretariat Khas Sementara (Pakar) bagi Projek Penerbitan Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS pada tahun 2023 ini. Begitu juga kepada ahli-ahli sekretariat yang terdiri daripada pegawai-pegawai *i-ready* yang dilantik khusus untuk projek ini serta pihak Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam telah banyak memberikan kerjasama, idea, dan apa saja bantuan yang diperlukan. Diharapkan penulisan hasil kajian pihak sekretariat ini dapat memberikan manfaat ilmu kepada seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam khususnya dan negara-negara anggota MABIMS umumnya.

**PRAKATA**

جزاكم الله خير الجزاء  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya*

Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam,  
selaku Lead Sekretariat Khas Sementara (Pakar) bagi Projek Penerbitan Tafsir ‘Ilmi (Ayat-Ayat  
Kauniyyat) MABIMS bagi Negara Brunei Darussalam.

Rabiulakhir1445H/November 2023M

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Selain hidayah dan petunjuk, al-Qur'an juga merupakan mukjizat teragung Baginda Nabi s.a.w. Antara aspek kemukjizatan kitab suci ini ialah ilmu yang terdapat di dalamnya melangkaui tahap yang boleh dicapai oleh manusia. Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ لَوْكَانِ الْبَحْرُ مَدَادِ الْكَلِمَاتِ رِفْقًا لِنَفْدَ الْبَحْرِ قَلْ أَنْ تَقْدِيمَ كَلِمَاتٍ رِفْقًا لِوَجْهِنَا بِمِثْلِهِ مَدَادٌ ﴿٥٦﴾

### B A B 1

#### PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

##### PENDAHULUAN

Al-Qur'an diturunkan sebagai wahyu Allah kepada Rasulullah s.a.w. dan menjadi kitab panduan yang memberi hidayah bagi orang-orang yang beriman. Allah s.w.t. menegaskan hal ini dalam firmanNya:

وَلَقَدْ جَسَّنَاهُ بِكِتَابٍ عَلَىٰ هُدًى وَرَحْمَةً لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٥﴾

*"Dan demi sesungguhnya Kami telah mendatangkan kepada mereka sebuah kitab (al-Qur'an) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu atas dasar pengetahuan (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman".<sup>1</sup>*

(Surah al-A'raaf, 7: 52)

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Kalaulah (air) lautan itu dijadikan dakwat untuk (menulis) kalimah-kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimah -kalimah Tuhanmu walaupun Kami mendatangkan yang serupa dengannya sebagai tambahan".

(Surah al-Kahfi, 18: 109)

Pelbagai ilmu terkandung di dalam al-Qur'an yang sebahagian besarnya masih tidak diketahui hakikatnya selain Allah s.w.t. sahaja yang Maha Mengetahui. Namun dalam era perkembangan penyelidikan moden dan ledakan kemajuan teknologi terkini, banyak penemuan ilmu yang tersingkap bertepatan dengan apa yang termaktub di dalam al-Qur'an. Antaranya adalah penemuan ilmu sains yang selalunya didakwa hasil pelopor ahli sains Barat. Hakikatnya semua ilmu adalah milik Allah s.w.t. dan manusia mendapatkannya hanya dengan izinNya juga.

##### PENGENALAN ILMU TAFSIR

Asal perkataan tafsir adalah 'fasara' yang bermaksud menerangkan dan menghuraikan sesuatu. Dari segi bahasa, tafsir boleh dertiakan sebagai penerangan dan penjelasan Firman Allah s.w.t.:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جَعَلْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

*"Dan mereka (orang kafir) tidak mendatangkan kepadamu sesuatu yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami membawakan kepadamu kebenaran dan sebaik-baik penjelasan (untuk menangkis segala apa yang mereka katakan)".*

(Surah al-Furqan, 25: 33)

Menurut Ibnu Manzur (1999), Tafsir bermakna menyingkap sesuatu yang tertutup dan juga menerangkan maksud yang dikehendaki dari suatu lafadz yang *musykil* (yang sukar difahami) kepada maksud yang lebih jelas.

Dari sudut istilah pula, terdapat beberapa pengertian *Tafsir* sebagaimana dinukilkhan oleh para ulama, antaranya ialah:

<sup>1</sup> Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam penulisan ini adalah merujuk kepada Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, terbitan Pusat Da'wah Islamiah, 2014.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

(1) Abu Hayyan (1992) mendefinisikan terminologi *tafsir* sebagai satu ilmu yang membicarakan tentang kaifiat atau tatacara menyebut lafaz-lafaz al-Quran, *madlul-madluhyah* (makna dan petunjuk yang dapat difahami daripada sesuatu perkataan), hukum-hakamnya sama ada dari aspek lafaz-lafaz atau ungkapan. Ia bertujuan untuk mengetahui makna lafaz-lafaz al-Quran yang terhasil dari susunan ayat dan surah.

(2) Menurut Imam al-Zarkasyi (2001) pula, *tafsir* ialah satu ilmu yang dapat menghuraikan maksud al-Quran, keterangan makna-maknanya yang dapat di-istinbatkan (diambil kesimpulan) mengenai hukum-hakamnya dan mengeluarkan mutiara hikmahnya. Ilmu ini dibantu oleh Ilmu Bahasa Arab, *Nahu*, *Saraf*, Ilmu *al-Bayan*, *Usul al-Fiqh* dan *al-Qira'at* serta memerlukan pengetahuan mengenai sebab penurunan ayat, *nasikh* dan *mansukh*.

(3) Ada pula yang mendefinisikan ilmu *Tafsir* itu sebagai satu ilmu untuk mengetahui turunnya ayat-ayat al-Qur'an, keadaan dan latar belakangnya, kisah-kisahnya dan sebab-sebab ayat-ayat itu diturunkan. Seterusnya susunan *Makkiyyah* dan *Madaniyyahnya*, *Muhkam* dan *Mutasyabihnya*, *Nasikh* dan *Mansukhnya*, *Khas* dan *Amnya*, *Mutlak* dan *Muqayyadnya*, ringkas dan perinciannya, halal dan haramnya, janji baik dan janji buruknya, suruhan dan tegahannya, pengajaran dan perumpamaannya (Al-Suyuti, 1998).

Takrif di atas secara dasarnya membawa pengertian yang hampir sama. Kesemuanya menjelaskan bahawa ilmu *Tafsir* adalah ilmu yang menghuraikan dan membahaskan tentang apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. melalui ayat-ayat-Nya sesuai dengan kadar kemampuan atau tahap pemikiran manusia. Ianya merangkumi semua cabang ilmu yang berkaitan dengannya di dalam memahami makna dan menerangkan apa yang dimaksudkan (Al-Zahabi, 2005).

Selain perkataan *Tafsir*, terdapat juga istilah *Ta'wil* yang mengelirukan pengertiannya sama ada mempunyai maksud yang sama dengan *tafsir* atau sebaliknya. Perkataan *Ta'wil* berasal daripada perkataan *awl* (أَوْلَى) yang menurut bahasa bermakna kembali. Jadi perkataan *Ta'wil* bermaksud mengembalikan sesuatu kepada asalnya, seolah-olah orang yang menta'wilkan sesuatu perkataan itu mengembalikannya kepada makna yang mungkin terkandung dalam perkataan itu. Ada juga yang mengatakan bahawa *Ta'wil* berasal dari perkataan *iyalah* yang bermaksud *siyasah*. Ini bermakna orang yang menta'wilkan perkataan itu melakukan penyelidikan mengenai makna-maknanya dan mengumpulkannya mengikut kesesuaian tempatnya.

Terdapat beberapa tempat penggunaan lafaz *Ta'wil* di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah dalam surah Aali 'Imraan ayat 7, surah al-Nisaa' ayat 59 dan surah al-A'raaf ayat 53. Sebagai contoh, firman Allah s.w.t.:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ إِنَّتُ مُحَمَّدٌ بِّيْهُ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَآخَرُ  
مُتَشَبِّهُتُ فَإِنَّ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَبِيعٌ فَيَتَبَعُونَ مَا تَشَبَّهُ مِنْهُ أَبْيَانَةَ الْفِتْنَةِ وَأَبْيَانَةَ  
تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ إِنَّمَا يَهُ كُلُّ قِنْ  
عِنْ دِرِّنَا وَمَا يَدْرِي إِلَّا الْأُولُو الْأَلْبَابُ ﴿١﴾

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

*Dialah Yang menurunkan kepadamu (wahai Nabi yang mulia) Kitab Suci al-Qur'an, yang sebahagian daripadanya adalah ayat-ayat "Muhkamat" yang merupakan ibu (atau pokok) isi al-Qur'an dan sebahagian yang lain pula ialah ayat-ayat "Muhkamat". Adapun orang-orang yang dalam hatinya ada kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut perkara yang samar-samar dari al-Qur'an demi untuk mencari fitnah dan mencari-cari ta'wilnya padahal tidak ada orang yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya akan berkata: "Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tidak ada orang yang mampu mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang mempunyai pintu hati".*

(Surah Aali 'Imran, 3:7)

*Ta'wil* dalam istilah ulama salaf mempunyai dua makna (Al-Zahabi, 2005 & Salim, 1993):

- 1) Menafsirkan perkataan dan menerangkan maknanya, sama ada menepati zahirnya atau tidak. Menurut pendapat ini *tafsir* dan *ta'wil* mempunyai pengertian yang sama.
- 2) *Ta'wil* adalah menerangkan makna perkataan atau ayat menepati kehendak perkataan itu sendiri, jika perkataan itu bermaksud meminta, maka *ta'wil*-nya adalah perbuatan yang diminta itu sendiri. Demikian seterusnya, jika perkataan itu bermaksud berita maka *ta'wil*-nya adalah perkara yang diberitakan itu sendiri. Perbezaan di antara makna ini dan makna sebelumnya sangat jelas.

## SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Ilmu *Tafsir* melalui beberapa peringkat perkembangan dari semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w. hingga sekarang. Pembahagiaan perkembangannya ini bolehlah dibahagikan sebagaimana berikut:

### (A) TAFSIR PADA ZAMAN NABI S.A.W. DAN SAHABAT R.A.

Al-Qur'an diturunkan pada masyarakat Arab yang buta huruf yang kebanyakan mereka tidak boleh membaca dan menulis. Sesuai dengan *sunnatullah*, Allah s.w.t. mengutus kepada mereka Nabi Muhammad s.a.w. yang membawakan kepada mereka kitab suci al-Qur'an dalam bahasa mereka, iaitu bahasa Arab. Hal ini dijelaskan dalam al-Qur'an:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا لِبَلَّانِ قَوْمَهُ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فِي ضُلُلِ اللَّهُ مِنْ يَشَاءُ  
وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْغَيْرُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾

"Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia dapat menerangkan kepada mereka (*syari'atnya*) maka Allah membiarkan sesiapa yang dikehendakiNya (disebabkan keingkarannya) dan mengurniakan petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

(Surah Ibrahim, 14: 4)

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka dalam bahasa Arab sudah tentu memudahkan mereka mengetahui dan memahami sebahagian besar isinya. Apabila mereka tidak mengetahui maksud dan maknanya, maka mereka terus bertanya kepada Nabi yang berada bersama mereka. Hal ini seperti makna perkataan (الظلم) dalam ayat:

الَّذِينَ أَمْنُوا وَلَمْ يَلِسُو إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ هُمُ الْأَمْنَ وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٦﴾

*"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan (daripada bencana) dan mereka mendapat hidayah".*

(Surah al-An'aam, 6: 82)

Seorang sahabat bertanya: Siapakah di antara kami yang tidak pernah berbuat zalm? Nabi s.a.w. kemudian menjelaskan bahawa maksud perkataan tersebut adalah syirik, sebagaimana ditunjukkan oleh ayat berikut:

وَإِذْ قَالَ لَقْمَنَ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُلُهُ يَنْبُغِي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿٢٧﴾

*"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa dia memberi pengajaran kepadanya: "Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".*

(Surah Luqman, 31: 13)  
[HR al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi dan Ahmad]

Dari sini diketahui bahawa Nabi s.a.w. adalah pentafsir pertama al-Qur'an. Baginda telah dibekalkan kemampuan menjelaskan makna-makna ayat al-Qur'an. Oleh itu, Baginda menjadi rujukan para sahabat dalam mengetahui makna-makna al-Qur'an.

Para ulama kemudian merumuskan kedudukan Nabi berhubung dengan penjelasan Baginda terhadap al-Qur'an (Al-Zahabi, 2005):

- 1) Nabi menjelaskan maksud dan makna kata-kata al-Qur'an. Hal ini seperti penjelasan baginda bahawa yang dimaksud dengan (الضالل) dan (المغضوب عليهم) dalam surah al-Fatiha adalah kalangan Yahudi dan Nasrani.
- 2) Nabi menjelaskan perkara-perkara yang masih umum dalam al-Qur'an. Hal ini seperti penjelasan baginda mengenai waktu-waktu pelaksanaan solat, jumlah rakaat dan tata caranya, tata cara zakat, puasa, haji dan sebagainya.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

3) Nabi memberikan penjelasan-penjelasan atau aturan-aturan tambahan yang belum dinyatakan dalam al-Quran. Hal ini seperti penjelasan baginda terhadap keharaman bapa saudara berkahwin dengan anak saudaranya, kewajiban zakat fitrah dan lain-lainnya.

4) Nabi menjelaskan pembatalan (*nasakh*) hukum sesuatu ayat. Hal ini seperti sabda Baginda s.a.w. : (لا وصية لوارث) yang bermaksud "*tidak ada wasiat bagi ahli waris*" [HR Abu Dawud, Ibnu Majah, al-Tirmizi, & al-Nasa'i] yang membatalkan hukum nas al-Qur'an tentang keharusan wasiat bagi orang tua dan ahli keluarga.

5) Nabi memberikan penjelasan-penjelasan yang menguatkan pernyataan-pernyataan al-Qur'an. Seperti sabda Baginda s.a.w.:

لَا يَحِلُّ مَالَ امْرَئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِطَيْبِ نَفْسِهِ

Harta seorang muslim adalah tidak halal kecuali ia diberikan dengan kerelaan hati daripadanya.

[HR Ahmad & al-Baihaqi]

Kenyataan ini sesuai dan menguatkan kandungan makna ayat:

وَلَا تَأْكُلُ أَمْوَالَكُمْ بِيَنْكُمْ بِالْبَطْلِ

*"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang bathil..."*

(Surah al-Baqarah, 2:188)

Sesudah wafatnya Nabi, para sahabat terus mempelajari al-Qur'an. Di antara mereka, beberapa sahabat terkenal sebagai rujukan sahabat yang lain dalam menafsirkan al-Qur'an, iaitu: sahabat 'Abdullah bin 'Abbas, 'Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit, Abu Musa al-Asy'ari, 'Abdullah bin al-Zubair, Sayyidah 'Aishah ummul Mu'minin, dan empat Khalifah Rasyidin iaitu sahabat Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan 'Ali r.a.

Di antara mereka, yang paling banyak meriwayatkan tafsir adalah Ibnu 'Abbas r.a. Beliau dikenali sebagai *Tarjuman al-Qur'an* (*Pentafsir al-Qur'an*). Kehebatan beliau dalam mentafsir al-Qur'an, antara lain adalah kerana doa Nabi s.a.w. untuk beliau:

اللَّهُمَّ فَقِهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِمْهُ التَّأْوِيلَ

*Ya Allah, berikankan kepadanya (Ibnu 'Abbas) kefahaman dalam masalah agama, dan ajarkanlah kepadanya ta'wil (tafsir al-Qur'an).*

[HR Ahmad & Ibnu Hibban]

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Dalam kalangan Khulafa' Rasyidin, Saidina 'Ali r.a. didapati orang yang paling banyak meriwayatkan tafsir al-Qur'an. Pedoman dan sumber utama para sahabat dalam menafsirkan al-Qur'an ada empat perkara (Al-Zahabi, 2005 & Al-Khalidi, 2012):

- (1) Penjelasan yang terdapat dalam al-Qur'an sendiri.
- (2) Penjelasan Nabi berhubung dengan makna ayat.
- (3) Kemampuan mereka dalam *berijtihad* dan mengambil intisari makna ayat (*istinbat*), di antaranya melalui pengetahuan tentang ilmu bahasa dan sebab-sebab turunnya ayat.

(4) Keterangan-keterangan dari bekas ahli kitab yang diiktiraf oleh sahabat. Hal ini kerana al-Qur'an memiliki berbagai kesesuaian dengan kitab Taurat dan Injil, khususnya dalam masalah cerita para nabi dan cerita tentang umat-umat terdahulu.

### (B) TAFSIR PADA ZAMAN TABI'IN

Kalangan tabi'in mempelajari al-Qur'an daripada para sahabat. Mereka belajar dengan para sahabat yang masyhur dalam bidang *Tafsir al-Qur'an* secara berkelompok di daerah mereka masing-masing. Sesetengah mereka belajar dengan Ibnu 'Abbas r.a. di Mekah, dengan Ibnu Mas'ud r.a. di Kufah, Iraq dan Ubai bin Ka'ab r.a. di Madinah.

Di antara mereka, tabi'in Mekah iaitu murid daripada Ibnu 'Abbas r.a. adalah yang paling masyhur dalam tafsir al-Qur'an. Mereka antara lain ialah Imam Mujahid bin Jabr, Sa'id bin Jubair, 'Ikrimah, Tawus bin Kisan al-Yamani dan 'Ata' bin Abi Rabah. Kalangan tabi'in yang belajar tafsir kepada Ubai bin Ka'ab r.a. yang paling terkenal ialah Imam Zaid bin Aslam, Abu al-'Aliyyah dan Muhammad bin Ka'ab al-Qardhi. Sedangkan di Iraq, kalangan tabi'in yang belajar tafsir kepada 'Abdullah bin Mas'ud r.a., yang paling terkenal ialah Imam 'Alqamah bin Qais, Masruq, al-Aswad bin Yazid, Murrah al-Hamadani, 'Amir al-Sya'bi, al-Hasan al-Basri dan Qatadah.

Pada abad kedua Hijrah juga semakin ramai para ulama yang menulis kitab tentang hadith, lalu ilmu hadith pun mulai berkembang. Sebahagian ulama mengumpulkan hadith-hadith yang secara khusus berkenaan dengan tafsir al-Qur'an dalam satu bab yang khas. Di antara mereka adalah Zaid bin Harun al-Sulami, Syu'bah bin al-Hajjaj, Sufian bin 'Uyainah dan Waki' bin Jarrah. Mereka adalah ulama hadith, tetapi hasil karya mereka mengandungi tafsir (Al-Qattan, 2000). Pedoman dan rujukan para tabi'in dalam mentafsir al-Qur'an adalah (Al-Zahabi, 2005):

- (1) Penjelasan yang terdapat dalam al-Qur'an sendiri.
- (2) Penjelasan Nabi s.a.w. berhubung dengan makna ayat.
- (3) Penjelasan sahabat berhubung dengan makna ayat.
- (4) Keterangan-keterangan dari bekas ahli kitab yang diiktiraf oleh sahabat.
- (5) Kemampuan mereka dalam *berijtihad* dan mengambil intisari makna ayat (*istinbat*).

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

### (C) TAFSIR PADA ZAMAN PEMBUKUAN

Pembukuan tafsir terbahagi kepada dua, iaitu tafsir sebagai salah satu bab dari pembukuan hadith-hadith Nabi s.a.w. dan tidak diasingkan suatu pembukuan khas bagi tafsir al-Qur'an secara tersusun surah demi surah dan ayat demi ayat. Ini berlaku pada akhir pemerintahan Bani Umayyah. Sementara yang kedua pula ialah pembukuan tafsir secara berasingan dan terpisah daripada hadith dan menurut tertib susunan Mushaf (Al-Zahabi, 2005 & Al-Rumi, 1414H).

Pembukuan tafsir ini berlaku pada masa *Tabi'i al-Tabi'in*. Salah satu karya mereka yang kekal hingga masa kini adalah *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, karya Imam Muhammad bin Jarir al-Tabari (wafat 310H). Tafsirnya masih menyebutkan salasilah sanad, sama seperti riwayat lengkap sebuah hadith. Pentafsirannya dalam bentuk riwayat-riwayat kelihatan lebih ketara. Meskipun demikian, tafsir ini masih menjadi pedoman utama rujukan keterangan yang bersifat tata bahasa sampai pada hari ini. Ibnu Taimiyah (t.th) apabila ditanya tentang kitab Tafsir yang paling sahih, beliau menjawab bahawa Tafsir Muhammad bin Jarir al-Tabari inilah yang paling betul dan sahih; ia menyebutkan pandangan-pandangan *salaf* dengan *sanad-sanad* yang betul dan tidak menukil atau mengambil apa-apa pun dari orang-orang yang tidak dipercayai.

Selepas Imam Muhammad bin Jarir al-Tabari, berbagai-bagai tafsir kemudian disusun dan ditulis. Antara yang sangat masyhur dan terkenal ialah:

1. *Ahkam al-Qur'an*, karya Imam Ahmad bin 'Ali al-Jassas (w.370).
2. *Bahr al-'Ulum*, karya Imam Abu al-Layth al-Samarqandi (w.373H).
3. *Tanzih al-Qur'an 'an al-Mata'in*, karya al-Qadi 'Abd al-Jabbar (w.415H).
4. *Al-Kashf wa al-Bayan fi tafsir al-Qur'an*, karya Imam Abu Ishaq al-Tha'labi (w.427H).
5. *Ahkam al-Qur'an*, karya Imam 'Ali bin Muhammad al-Tabari al-Kiyaharrasi (w.504H).
6. *Ma'alim al-Tanzil*, karya Abu Muhammad Husain al-Baghawi (w.510 H).
7. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Ta'wil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, karya Jar Allah al-Zamakhsyari (w.538H).
8. *Ahkam al-Qur'an*, karya Imam Muhammad bin 'Abdillah bin Muhammad al-Ma'afiri al-Andalusi yang terkenal dengan Ibn al-'Arabi (543H).
9. *Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Qur'an al-'Aziz*, karya Imam Ibn 'Atiyyah al-Andalusi (w.546H).
10. *Mafatih al-Ghaib*, karya Imam Fakhr al-Din al-Razi (w.606H).
11. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, karya Imam Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (w.671H).
12. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, karya Imam 'Abd Allah bin 'Umar al-Baidawi (w.685H).
13. *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*, karya Imam Abd Allah bin Ahmad al-Nasafi (w.701H).
14. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, karya Imam 'Ali bin Muhammad al-Khazin (w.741H).
15. *Al-Bahr al-Muhit*, karya Imam Muhammad bin Yusuf ibn 'Ali bin Yusuf ibn Hayyan (w.745H).
16. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, karya Imam Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir (w.774H).
17. *Al-Jawahir al-Hisan fi Tafsir al-Qur'an*, karya Imam 'Abd al-Rahman al-Tha'alibi (w.876H).
18. *Nazm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar*, karya Imam Ibrahim bin Umar al-Biqa'i (809-885H/1406-1480M).
19. *Ghara'ib al-Qur'ian wa Ragha'ib al-Furqan*, karya Nizam al-Din bin al-Hasan al-Naisaburi.
20. *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*, karya Imam Jalal al-Din al-Suyuti (w.911H).

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

21. *Tafsir al-Jalalain*, karya Imam Jalal al-Din al-Mahalli (w.864) dan Imam Jalal al-Din al-Suyuti (w.911H).
22. *Al-Siraj al-Munir*, karya Imam al-Khatib al-Syarbini (w.977H).
23. *Irsyad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karim*, karya Imam Muhammad bin Muhammad bin Mustafa Abu Su'ud (w.982H).
24. *Fath al-Qadir*, karya Imam Muhammad bin 'Ali ibn 'Abdillah al-Syaukani (w.1250H).
25. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*, karya Imam Syihab al-Din al-Alusi (1217-1270H/1802-1854M).

### (D) TAFSIR PADA ABAD 19 HINGGA SEKARANG

Permulaan penulisan dan pembukuan *Tafsir* era baru pada zaman moden sebenarnya telah bermula sejak abad ke 12 hijrah dengan kemunculan kitab tafsir "Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani" karya Syihab al-Din al-Aalusi (wafat 1270H) ('Abbas, 1997).

Kitab-kitab tafsir yang ditulis pada masa ini mewakili zaman era kebangkitan Islam setelah sekian lama terperuk pada abad-abad sebelumnya. Kitab-kitab tersebut memiliki ciri dan karakter yang lebih ringkas, mudah difahami, menolak *taqlid* dan menyebarkan seruan *ijtihad* dan menyebarkan semangat perjuangan dan kebangkitan umat Islam. Oleh itu, kitab-kitab ini banyak menyorot masalah-masalah kemasyarakatan dan perkembangan keilmuan, di samping perbahasan-perbahasan masalah keagamaan (Al-Fanisan, 1997).

Beberapa tafsir yang terkenal pada masa ini ialah:

1. *Mahasin al-Ta'wil*, karya Syeikh Jalal al-Din al-Qasimi (1283-1332H/1866-1914H).
2. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, karya Syeikh al-Sayyid Muhammad Rashid Ridha (1282-1353H/1865-1935M).
3. *Al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an*, karya Syeikh Tantawi bin Jauhari (w.1358H).
4. *Tafsir al-Maraghi*, karya Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi (w.1371H/1952 M).
5. *Adhwa' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an*, karya Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti (1320-1393 H).
6. *Fi Zilal al-Qur'an*, karya al-Syahid Sayyid Qutb (1324-1387H/1906-1966M).
7. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, karya Syeikh Muhammad bin al-Tahir bin 'Asyur (1296-1393H/1879-1973M).
8. *Safwat al-Tafasir*, karya Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni.
9. *Rawa'i' al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam*, karya Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni.
10. *Al-Tafsir al-Wadih*, karya Syeikh Mahmud Hijazi.
11. *Al-Tafsir al-Wasit*, karya al-Imam al-Akbar Syeikh al-Azhar Prof. Dr. Muhammad Sayyid Tantawi.
12. *Tafsir al-Sha'rawi*, karya Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi.
13. *Al-Tafsir al-Munir*, karya Prof. Dr Wahbah al-Zuhaili.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

### TAFSIR AL-QUR'AN KARYA ULAMA MELAYU NUSANTARA

Peranan para ulama Melayu di alam Nusantara tidak dapat disangkal di dalam penulisan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an, khasnya ilmu *Tafsir* yang merupakan antara ilmu yang terawal dikarang dan ditulis serta dibukukan oleh mereka, di samping ilmu-ilmu yang lain seperti *Tasawwuf*, 'Aqidah, *Fiqh* dan sebagainya. Aktiviti penulisan *Tafsir* di alam Melayu telah bermula semenjak dahulu lagi iaitu kurang lebih pada kurun ke-17, sejajar dengan perkembangan agama Islam itu sendiri. Ada yang menulis *Tafsir* al-Qur'an keseluruhannya dan ada juga yang hanya menulis sebahagiannya atau beberapa surah pilihan sahaja. Terdapat juga kitab-kitab *Tafsir* yang tidak dibukukan dan disebarluaskan kepada masyarakat awam, bahkan kekal sebagai manuskrip yang menjadi rujukan bagi orang-orang yang berkaitan dan ahli *takhassus* sahaja seperti mereka yang mengajar di masjid-masjid, rumah-rumah dan sebagainya. Penulisan *Tafsir* pada masa dahulu itu tidaklah begitu banyak. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh keterikatan metodologi pengajaran dengan rujukan-rujukan khas dan tertentu sahaja iaitu kitab-kitab *Tafsir* berbahasa Arab yang telah sedia ada. Ditambah dengan ketidak-upayaan para ulama Melayu pada masa itu untuk menulis *Tafsir* di dalam bahasa Melayu dengan baik. Ini disebabkan mereka telah lama bermastautin di negara-negara Arab seperti di Mekah dan Madinah, menjadikan mereka tidak lagi petah dan fasih berbahasa Melayu.

Antara ulama Melayu yang menyumbangkan usaha dalam penulisan *Tafsir* dan pembukuannya di alam Nusantara ini dari sejak kurun ke-17 hingga sekarang (Mazlan Ibrahim, 2007, Amin Maulana & Zulkifli Hj Mohd Yusoff, 2009, & Mustaffa Abdullah, 2009):

1. Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri: menulis *Tafsir* al-Qur'an keseluruhannya dengan bahasa Melayu tulisan jawi dengan nama "*Tarjuman al-Mustafid*".
2. Syeikh al-Nawawi al-Bantani: mengarang kitab *Tafsir* yang diberi nama "*Marah Labid*" (مراح لبید) dan ia merupakan *Tafsir* al-Qur'an pertama karangan ulama Melayu ulama Melayu di dalam bahasa Arab.
3. Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi: mengusahakan penulisan *Tafsir* al-Qur'an al-Karim yang bernama "*Tafsir al-Qur'an al-Marbawi*".
4. Prof. Dr. Muhammad Hasbi al-Siddiqi: menulis beberapa kitab berkaitan *Tafsir* al-Quran, antaranya seperti: "*Tafsir al-Nur*" atau "*Tafsir al-Qur'an al-Majid*" dan "*Tafsir al-Bayan*".
5. Prof. Dr. Haji Abd al-Karim Amr Allah (HAMKA) (1908M-1981M): mengarang kitab "*Tafsir al-Azhar*".
6. Prof. Dr. Hj. Quraisy Shihab: mengarang kitab "*Tafsir al-Misbah*".
7. Beberapa orang ulama di bawah naungan Team Dewan Penyelenggara Pentafsir al-Quran, Departmen Agama Republik Indonesia mengambil inisiatif menghasilkan kitab tafsir yang dinamakan "*al-Qur'an dan Tafsirnya*".
8. Haji Abdullah Abbas Nasution: mengusahakan penterjemahan al-Qur'an al-Karim ke dalam bahasa Melayu dan diberi nama "*Al-Qur'an al-Karim dan Maknanya dalam Bahasa Melayu*".
9. Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih: mengarang kitab "*Tafsir Pimpinan Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*".
10. Ustaz Ahmad Sonhaji Muhammad: menulis kitab "*Tafsir 'Ibra al-Athir – Tafsir di Radio*" yang asalnya merupakan kuliah Tafsir yang dirakam dan diterbitkan di radio Singapura.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Sementara di Negara Brunei Darussalam, usaha penulisan Tafsir dan penterjemahan al-Quran al-Karim terkemudian sedikit daripada negara-negara di rantau ini. Penulisan Tafsir al-Qur'an di Brunei sebenarnya telah bermula sebelum merdeka iaitu pada tahun 1972 telah muncul terbitan pertama dalam bentuk majalah bersiri yang dikenali dengan nama Siri Tafsir Darussalam. Teks asal Tafsir ini adalah ceramah Tafsir al-Quran di Masjid Omar Ali Saifuddien yang diadakan pada tiap-tiap hari Sabtu malam Ahad bermula selepas sembahyang Maghrib hingga masuk waktu 'Isya (Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1975). Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada masa itu telah bertanggungjawab untuk mengaturkan pegawai-pegawaiannya, khasnya lepasan Universiti Al-Azhar, Mesir, untuk menulis teks ceramah Tafsir tersebut. Maka dari naskhah-naskhah tafsir yang mereka tulis dan ceramahkan inilah dikumpul dan disunting agar bersesuaian untuk tujuan penerbitan. Sehingga tahun 1986, ia telah diterbitkan sebanyak 114 siri oleh Bahagian Penerangan dan Tabligh tersebut (Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, 1986). Apabila Pusat Dakwah Islamiyyah ditubuhkan dan bahagian tersebut diserapkan ke bawah pentadbirannya, usaha penerbitan siri Tafsir tersebut dengan sendirinya berada di bawah kelolaan Pusat itu. Siri Tafsir tersebut hanya mencapai setakat siri 136 iaitu sehingga juz ke-22 dari surah As-Saaffat (Pusat Da'wah Islamiah, 1998, Muhammad Nur Lubis, 2002, & Muhammad Nur Lubis, 2009).

Kemudian Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya diterbitkan susulan penerbitan Mushaf al-Qur'an bertulisan tangan yang dinamakan "Mushaf Brunei Darussalam" pada tahun 1992 dan cetakan kedua Mushaf edisi kecil pada tahun 2007. Asal penerbitan "Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya" terdiri daripada sepuluh jilid yang mengandungi tiga juz al-Qur'an dalam setiap jilid. Ia mula diterbitkan pada tahun 2009 dengan penerbitan jilid pertama terdiri daripada juz 1 hingga 3 al-Qur'an. Penerbitannya dilakukan secara berperingkat-peringkat sehingga selesai kesemuanya dengan terbitan jilid terakhir iaitu jilid kesepuluh yang terdiri daripada juz 28-30 al-Qur'an (Sarinah Yahya, 2015).

"Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya" ini sebenarnya sudah lama disiapkan sebelum mula diterbitkan, iaitu pada tahun 1994. Pusat Da'wah Islamiah telah menyiapkan terjemahan 30 juz al-Qur'an yang diusahakan semenjak tahun 1987 oleh beberapa orang pegawai lepasan Universiti al-Azhar. Terjemahan tersebut telah selesai disemak dalam tahun 1997 oleh pegawai-pegawai utama dan tenaga akademik Institut Pengajian Islam. Ia telah siap dinaipset dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi persiapan untuk diterbitkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Penerbitannya secara berperingkat-peringkat dimaksudkan supaya memberi kesempatan bagi sebarang pembetulan, jika ada, dan juga mengemas-elokkan sebelum diterbitkan sepenuhnya tiga puluh juz.

Selepas lengkap penerbitan secara berperingkat tersebut, edisi lengkap 30 juzuk atau dalam bentuk satu jilid saja "Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya" dilancarkan pada 17 Ramadhan 1435H bersamaan dengan 14 Julai 2014M. Ia disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijrah/2014 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Menurut titah baginda, detik tersebut merupakan satu lagi catatan sejarah yang terpahat bagi Negara Brunei Darussalam dalam bidang pengajian dan penterjemahan al-Qur'an. Ia adalah hasil usaha seratus peratus anak tempatan yang diterbitkan bagi memberi kemudahan kepada umat Islam di Negara ini untuk memahami, mendalami isi al-Qur'an dan membuat sebarang rujukan berkaitan dengannya. Ia juga merealisasikan hasrat Negara untuk memiliki bahan rujukan memahami kandungan al-Qur'an dengan 'inayah dan petunjuk Allah s.w.t.

Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usaha menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya sebagai kesinambungan kepada Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang telah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lancarkan penerbitannya semasa Majlis Nuzul al-Qur'an Peringkat Negara bagi Tahun 1435H/2014M. Satu garis panduan penyusunan dan penyemakan projek penulisan dan penerbitan Tafsir ini telah diberikan untuk memudahkan kerja penyusunan dan menghindari daripada sebarang kesulitan atau kesamaran (Unit Tafsir, 2015). Ia juga bertujuan untuk menghasilkan penyusunan yang menepati kaedah atau metodologi pentafsiran ayat al-Qur'an yang betul, memastikan kandungan teks tidak bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah al Jama'ah dan fiqh mazhab Syafi'e, menyeragamkan kerja penyusunan tafsir yang dilaksanakan secara beramai-ramai dan memudahkan kerja penyemakan di peringkat redaksi dan masyayikh.

### METODE ASAS PENTAFSIRAN AL-QUR'AN

Secara umumnya, pendekatan ulama-ulama tafsir dalam menafsir al-Quran boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu apa yang dikenali sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'y*, iaitu tafsir yang berpandukan *nas* (dalil dari al-Qur'an dan Hadith) dan tafsir yang berdasarkan pandangan akal (*ijtihad*). Huraian lanjut adalah seperti berikut:

#### (1) TAFSIR BI AL-MA'THUR

Dari sudut perbincangan tatabahasa Arab, perkataan *al-ma'thur* berasal dari kata akar *athara* dari wazan qatala iaitu dari segi *tasrif*-nya ia adalah *isim maf'ul* (sesuatu yang kena buat atau objek). Jadi makna *al-ma'thur* di sini adalah merujuk kepada maksud *al-manqul*, iaitu sesuatu yang dinukil (yang diambil, dipetik dan dipindah dari sumber-sumber tertentu) (Al-Fayyumi, 1997).

*Tafsir bi al-Ma'thur* bermaksud menghuraikan dan menafsirkan ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain yang menerangkan maksud sebenar ayat tersebut. Ia merangkumi aspek bacaan dan juga makna sesuatu ayat. Seringkali terjadi salah satu bentuk bacaan ditafsirkan oleh yang lainnya. Termasuk dalam kategori *Tafsir bi al-Ma'thur* apabila sesuatu ayat ditafsir sendiri oleh Nabi s.a.w.. Lazimnya, terdapat juga ayat-ayat yang bersifat umum diperincikan oleh Sunnah, dan ayat yang bersifat umum dan mutlak diperincikan dan dihubungkan dengan Sunnah (Al-'Akk, 1993).

Ringkasnya, *tafsir bi al-ma'thur* adalah berlandaskan riwayat yang sahih iaitu menafsirkan al-Quran dengan merujuk kepada ayat al-Quran lain, atau menafsirkannya dengan Sunnah yang menerangkan maksud-maksud ayat al-Quran itu, atau menafsirkannya dengan merujuk kepada riwayat para sahabat sebab mereka adalah orang yang paling tahu berkenaan dengan al-Quran selepas berakhirnya era kenabian (Al-Qattan, 2000).

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Termasuk dalam skop *Tafsir bi al-Ma'thur* juga apa yang dirujuk kepada para tabi'in mengenai sesuatu ayat berhubung penjelasan dan penerangan yang bersesuaian dengan kehendak Allah s.w.t. yang terdapat dalam al-Qur'an itu (Al-Zahabi, 2005). Terdapat *ikhtilaf* ulama mengenai pengambilan tafsir dari para tabi'in, sama ada dianggap sebagai *Tafsir bi al-Ma'thur* atau pun *Tafsir bi al-Ra'y*. Ini kerana ada yang mengatakan ianya diambil dari sumber-sumber ahli kitab dan orang yahudi. Namun jika tiada syak atau ragu dan diyakini bahawa tafsir para tabi'in itu tidak mengandungi unsur-unsur *Isra'iliiyat*, maka dibolehkan mengambil tafsiran mereka itu (Al-Zahabi, 2005).

Unsur-unsur *Isra'iliiyat* ini bermaksud ahli tafsir menjadikan kisah-kisah dan riwayat tertentu sebagai pengukuh untuk menjelaskan maksud dan tafsiran ayat-ayat tertentu di dalam al-Qur'an. Perkara ini boleh memberikan kesan yang buruk terhadap kewibawaan ilmu *Tafsir* itu sendiri.

Orang-orang Yahudi memiliki warisan keagamaannya yang berasaskan kepada Kitab Taurat, sementara golongan Nasrani (Kristian) pula mewarisi ajaran yang berasaskan Kitab Injil (*Bible*). Malah, ramai orang Yahudi dan Nasrani yang hidup bercampur-gaul dengan masyarakat Islam dan tinggal di bawah pemerintahan Islam.

Harus diingat bahawa ajaran yang dibawa oleh al-Qur'an lebih lengkap daripada apa yang terdapat dalam Taurat dan Injil. Terdapat juga sesuatu kisah yang berkaitan dengan para Nabi dan umat terdahulu di dalam kitab-kitab lama, tetapi kisah-kisah yang ada di dalam al-Qur'an lebih bersifat umum dan bermotifkan global, namun ia menfokuskan kepada pengajaran dan iktibar tanpa menjelaskannya secara terperinci seperti tarikh berlaku sesuatu kisah, nama-nama negeri dan orang yang terbabit. Sementara Kitab Taurat dan Injil pula menjelaskan hal-hal tersebut secara agak terperinci.

Setelah sebahagian ahli Kitab memeluk Islam, mereka telah membawa warisan pengetahuan agama mereka yang meliputi berita-berita dan kisah-kisah yang terdapat dalam ajaran kitab mereka. Apabila mereka mendengar kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran, mereka mengaitkannya dengan apa yang terdapat dalam kitab-kitab mereka. Maka, para sahabat bersikap neutral (tidak mempercayainya dan tidak juga menolaknya). Ianya sebagai mematuhi arahan Nabi s.a.w.: "Janganlah kamu mempercayai ahli Kitab dan jangan pula mendustakan mereka, tetapi katakanlah bahawa kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami". [HR al-Bukhari]

Dengan demikian, sering terjadi perbincangan antara sahabat dengan para ahli kitab berkenaan dengan perkara-perkara tersebut. Berita-berita yang dibicarakan oleh ahli kitab yang telah dimasukkan dalam tafsir al-Qur'an, maka unsur-unsur seperti inilah yang dikenali sebagai *Isra'iliiyat* (Al-Qattan, 2000).

Elemen *Isra'iliiyat* itu sebenarnya menunjukkan adanya pengaruh Yahudi dan Nasrani terhadap pentafsiran al-Qur'an, iaitu dalam bentuk wawasan dan ciri-ciri peradaban mereka. Namun pengaruh Yahudi lebih terserlah berbanding pengaruh Nasrani, justeru banyak riwayat dan kisah diambil daripada kebudayaan dan peradaban mereka. Hal ini juga terjadi kerana pada masa itu bilangan orang-orang Yahudi yang tinggal dalam masyarakat Islam adalah lebih ramai dan mereka memainkan peranan yang lebih ketara berbanding dengan orang-orang Nasrani. Ibnu Khaldun (2000) pernah mencatatkan sejarah permulaan masuknya elemen *Isra'iliiyat* ini ke dalam tafsir dan sebabnya, iaitu keinginan bangsa Arab sendiri yang mahu mengetahui sesuatu tentang kisah-kisah atau sejarah lampau daripada umat terdahulu, lalu mereka menanyakannya kepada golongan ahli kitab daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Golongan ahli kitab ini pula apabila memeluk agama Islam, pengetahuan dan ilmu mereka mengenai sejarah lalu tersebut masih berbekas di dalam hati dan jiwa mereka.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Namun demikian, kewujudan pengaruh kedua-dua agama ini tidak menjadikan kewibawaan tafsir al-Qur'an, kerana jumlahnya terlalu kecil dan mudah dikenalpasti oleh para ulama yang muktabar.

Bentuk-bentuk *Isra'iliiyat* dan kaedah penilaianya terbahagi kepada tiga kategori:

(i) Cerita yang sudah diketahui kebenarannya yang bersumber daripada Nabi s.a.w. dan ianya boleh diterima dan tidak ada keraguan mengenainya.

(ii) Cerita yang sudah diketahui kebohongannya kerana bercanggah dengan apa yang diyakini dalam syariat, dan ia tidak boleh diterima dan tidak boleh diriwayatkan, kerana ia bercanggah dengan syariat Islam.

(iii) Cerita yang berada di antara dua keadaan, iaitu di antara unsur yang pertama dan unsur yang kedua. Bentuk-bentuk cerita seperti ini tidak boleh dipercayai dan tidak pula boleh didustakan, kerana kadang-kala ia mempunyai kebenarannya dan kadang-kala ia sememangnya palsu. Kebiasaannya ia tidak memberi apa-apa faedah pun kepada urusan agama. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: (*Janganlah kamu mempercayai ahli Kitab dan jangan pula mengingkari sepenuhnya*). [HR al-Bukhari]

Sebagai contoh kepada *Tafsir bi al-Ma'thur* ini, seperti yang telah disebutkan sebelum ini mengenai tafsir ayat surah al-An'aam ayat 82 tentang makna perkataan zalim (الظالم).

Contoh lain seperti dalam surah *al-Fatiyah*, ayat ﴿لَهُمْ لِلّٰهِ وَرَبِّ الْعَالَمِينَ﴾ tidak dijelaskan apakah pentafsiran ungkapan رَبِّ الْعَالَمِينَ yang bermaksud: "Segala pujian untuk Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam", tetapi maksudnya telah dijelaskan dalam ayat lain iaitu (Al-Syanqiti, 1995):

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿ۚۖ﴾ قَالَ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنْ كُثُرْ مُوْقِنِينَ ﴿ۖۖ﴾

"Fir'aun bertanya: "Dan siapakah tuhan sekalian alam (yang engkau katakan engkau menjadi utusanNya) itu?". Nabi Musa menjawab: "(Dialah) Pencipta dan Pentadbir langit dan bumi serta segala apa yang ada di antara keduanya. (Itulah Tuhan kamu) jika benar kamu mempercayainya".

(Surah al-Syu'ara', 26: 23-24)

### (2) TAFSIR BI AL-RA'YI

*Tafsir bi al-Ra'y* adalah pentafsiran al-Qur'an yang dilakukan dengan cara melakukan kajian dan penyelidikan yang mendalam (*ijtihad*) terhadap teks al-Quran. Hal ini dilakukan sebagai usaha mendapatkan pengertian yang jelas (*istinbat*) terhadap makna teks.

Tafsir ini disebut dengan *Tafsir bi al-Ra'y* (penafsiran dengan menggunakan pendapat atau pandangan sendiri) atau *Tafsir bi al-Ma'qul* (penafsiran dengan akal) kerana peranan akal yang kelihatan lebih ketara dalam proses penafsiran itu. Dalam hal ini, ia berbeza dengan *Tafsir bi al- Athar* atau *tafsir bi al-Ma'thur*, yang kesemuanya lebih menumpukan pada keterangan-keterangan dari Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a.

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Tafsir ini disebut juga dengan *Tafsir bi al-Dirayah* (pentafsiran dengan menggunakan ilmu pengetahuan), kerana kajian berhubung al-Quran daripada sudut bahasa, alam semesta dan yang lainnya dirasakan lebih ketara daripada sumber-sumber riwayat daripada Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a. Dalam hal ini, pengertian tafsir ini boleh dianggap sebagai berlawanan dengan mafhum *Tafsir bi al-Riwayah* (tafsir berdasarkan riwayat) iaitu *Tafsir bi al-Ma'thur* (Al-Zahabi, 2005 & Al-Khalidi, 2012).

Sebagai sebuah hasil kajian dan penyelidikan (*ijtihad*) manusia, maka *Tafsir bi al-Ra'y* ini dibahagi menjadi dua:

(i) **Pentafsiran yang dipuji (*al-Mahmud*)**. Hal ini kerana ia dilakukan dengan cara pengambilan makna yang tepat sesuai dengan tata bahasa Arab dan metodologi keilmuan.

(ii) **Pentafsiran yang dicela (*al-Mazmum*)**. Hal ini kerana penafsiran ini hanya berdasarkan akal semata-mata dan tidak berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang benar sesuai dengan tuntutan tata bahasa Arab. Berhubung perkara ini, Nabi s.a.w. telah bersabda:

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلِيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Sesiapa yang berkata tentang al-Quran tanpa ilmu (iaitu dengan berdasarkan pemikiran semata-mata) maka dia dipersilakan menempah tempat duduknya di neraka.

[HR al-Tirmizi]

Larangan melakukan tafsir secara yang tercela ini juga tercakup dalam sebahagian daripada pengertian ayat 169 surah al-Baqarah:

إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٩﴾

“Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahanatan dan perkara-perkara yang keji, dan menyuruh kamu berkata (dusta) terhadap Allah pada perkara yang kamu tidak ketahui”.

(Surah al-Baqarah, 2: 169)

Pentafsiran secara akal yang dicela juga boleh terjadi kerana ia berkaitan dengan motivasi ahli tafsir tersebut yang jahat, yang secara sengaja mahu menyelewengkan ayat al-Qur'an kepada makna yang tidak sepatutnya. Pentafsiran ini meskipun kadang-kala sesuai dengan maksud ayat, tetapi ia tetap dianggap sebagai salah. Dalam hal ini, baginda s.a.w. telah bersabda:

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ

Sesiapa yang memberikan pendapat tentang al-Qur'an (menafsirkannya) berdasarkan pemikirannya (semata-mata), maka walaupun benar, maka sesungguhnya dia telah tersasar.

[HR Abu Dawud & al-Tirmizi)

Dengan demikian, makna *al-Ra'y* dalam hadith di atas bermaksud hawa nafsu (Al-Qurtubi, 2000).

Berdasarkan kepada kedua-dua pengertian tersebut, maka tidak ada asas bagi larangan *Tafsir bi al-Ra'y* sebagaimana dimaksud dalam kedua riwayat hadith tersebut. Ia memberi kesimpulan bahawa *Tafsir bi al-Ra'y* tidak terlarang selama ianya dilakukan dengan cara mengambil makna (*istinbat*) yang tepat sesuai dengan kaedah-kaedah metodologi kajian dan penyelidikan (*ijtihad*).

Malah, *Tafsir bi al-Ra'y* ini dianjurkan sesuai dengan semangat dan suruhan Allah s.w.t. supaya manusia mengkaji dan *tadabbur* al-Qur'an, seperti dalam firman-Nya:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبِ أَقْفَالِهَا ﴿٦٦﴾

“Maka tidakkah mereka itu memerhatikan (dan memikirkan tentang) isi al-Qur'an? Ataukah di hati mereka ada kunci (menghalang daripada menerima ajaran al-Qur'an)?”

(Surah Muhammad, 47:24)

Demikian pula ayat berikut:

كَذَّبُوكُمْ نَّحْنُ إِلَيْكُم مُّبَرِّئُونَ إِنَّمَا يَذَّكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٦﴾

“(Al-Qur'an ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran”.

(Surah Saad, 38: 29)

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Firman Allah s.w.t. lagi:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْكَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوْجَدُوا فِيهِ أَخْيَالًا كَثِيرًا ﴿٤﴾

Maksudnya:

*“Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Qu’ran? Kalaulah al-Qu’ran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya”.*

(Surah al-Nisaa’, 4: 82)

Oleh itu, para ulama memberikan syarat-syarat yang ketat bagi orang yang ingin menafsirkan al-Qu’ran, di antaranya (Al-Zahabi, 2005):

- (1) Memiliki kemampuan bahasa Arab yang mencukupi, sama ada dalam kajian tatabahasa mahu pun sasteranya.
- (2) Memiliki pengetahuan yang lengkap berhubung dengan riwayat, seperti sebab *Nuzul*, *Nasikh*-*Mansukh*, *Qira’ah* dan sebagainya.
- (3) Memiliki pengetahuan yang cukup mengenai tata cara pengambilan hukum (*istinbat*), yang bererti ia mesti menguasai berbagai kajian, utamanya *Usul al-Tafsir* dan *Usul al-Fiqh*.
- (4) Memiliki pengetahuan yang cukup berhubung dengan sejarah dan sosiologi masyarakat Arab, tempat dan suasana al-Qu’ran diturunkan.

Dengan melengkapkan diri dengan berbagai-bagai ilmu seperti ini, ahli tafsir diharapkan mampu menghuraikan makna-makna ayat al-Qu’ran secara tepat sesuai dengan tatacara pengambilan kesimpulan dan metodologi keilmuan. Dengan metodologi itu, diharapkan agar ahli tafsir dapat menjelaskan rahsia ayat-ayat al-Qu’ran dan melalui huraian itu hidayah al-Qu’ran dapat disingkap. Berhubung perkara ini, Ibnu ‘Abbas r.a. pernah menegaskan bahawa tidak ada orang yang lebih memahami al-Qu’ran dan dapat mentafsirkannya kecuali para alim ulama yang berwibawa. Jadi bukan semua orang boleh mentafsirkan al-Qu’ran, kecuali ulama yang memenuhi syarat-syaratnya.

## KEPENTINGAN DAN KEUTAMAAN ILMU TAFSIR

Setiap ilmu mempunyai kepentingan dan faedah yang tersendiri. Sebaik-baik ilmu itu pula ialah ilmu yang berkaitan dengan Kitab Allah s.w.t. dan kajian mengenainya. Antara faedah-faedah ilmu yang berkaitan dengan al-Qu’ran ini merujuk kepada memperlengkapkan diri seseorang itu dengan ilmu pengetahuan yang amat bernilai yang terkandung dalam al-Qu’ran, sebagai persediaan dan pertahanan yang begitu baik lagi berkesan bagi menjaga kesucian Kitab suci dan agung ini. Seterusnya bagi kemudahan membongkar dan menyelongkar makna isi kandungan al-Qu’ran. Juga bagi mengetahui usaha dan inisiatif yang dicurahkan oleh para mufassirin, khasnya di zaman silam dalam mengkaji dan memahami makna isi ayat-ayat al-Quran serta sumbangan dan perhatian mereka dalam memberi khidmat bakti semata-mata untuk al-Qu’ran dan memeliharanya daripada gangguan anasir-anasir jahat (Al-Zarqani, 2000 & Al-Rumi, 1420H).

## PERKEMBANGAN ILMU TAFSIR

Menyentuh tentang kepentingan ilmu *Tafsir* secara khusus pula, Imam al-Suyuti (1998) telah menyebutkan bahawa ilmu *Tafsir* ini memiliki kemuliaan yang tinggi dari tiga sudut, iaitu:

### PERTAMA: DARI SUDUT MAWDHU’ (TOPIK DAN KANDUNGAN AL-QUR’AN).

Topik al-Qu’ran ialah kalam atau percakapan Allah s.w.t. . ia merupakan sumber segala ilmu dan hikmah, khazanah bagi segala kebaikan dan fadilat, di dalamnya khabar sejarah zaman lampau dan juga khabar yang akan datang. Juga terdapat hukum syari’at dan tidak akan berkurang keajaibannya.

### KEDUA: DARI SUDUT TUJUAN.

Tujuan utama ilmu *Tafsir* ialah berpegang teguh dengan agama Islam agar dapat mencapai kepada kebahagiaan hakiki di akhirat kelak.

### KETIGA: DARI SUDUT KEPERLUAN.

Setiap kesempurnaan agama dan dunia, cepat atau lambat, semestinya memerlukan kepada ilmu dan syariat serta pengetahuan agama. Ini tidak lain hanya akan dapat diperoleh melalui ilmu pengetahuan mengenai al-Qu’ran dan isi kandungan serta makna tafsirannya.



## BAB 2

### PENDAHULUAN

Islam memandang tinggi martabat ilmu dan ulama. Ini dibuktikan dari sejak turunnya wahyu pertama yang menjadikan kriteria pembacaan sebagai asas ilmu; khususnya dalam mengenali Tuhan (Surah al-'Alaq, 96: 1-5). Allah s.w.t. juga menekankan perkara ini dalam firmanNya:

لَمْ يُؤْذِنْ لِأَقِيلَ أَشْرُورَ فَإِنْ شُرِّعَ لِلَّهِ الَّذِينَ أَمْوَالُهُمْ كُنْكُنٌ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

*"Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat".*

(Surah al-Mujadalah, 58: 11)

### AL-QUR'AN DAN SAINS

Allah s.w.t. berfirman lagi:

قُلْ هَلْ يَسْمَعُونِ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْمَلُونَ إِنَّمَا يَنْتَهِي كُثُرُ أَفْوَاهُ الْأَلْبَابِ

*"Katakanlah adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)".*

(Surah al-Zumar, 39: 9)

Dalam konteks ilmu sains dalam al-Qur'an, terdapat banyak ayat-ayatnya yang menyebutkan tentang ilmu yang tidak mampu dicapai oleh akal manusia. Al-Qur'an mengandungi tiga unsur tema utama iaitu aqidah, hukum-hakam syari'at dan kisah-kisah umat terdahulu. Dalam ketiga-tiga unsur ini termasuk juga ayat-ayat berkaitan alam semesta. Untuk memahami ayat-ayat ini memerlukan kepada kefahaman ilmu sains. Dengan erti kata lain, al-Qur'an mengandungi maklumat sebagai petunjuk atau isyarat mengenai perkara-perkara yang menjadi bidang tumpuan kajian sains (Mohd Ridhuan & Redwan, 2014: 3).

Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang kejadian alam adalah seperti penciptaan langit dan bumi, penciptaan manusia, kejadian tumbuh-tumbuhan dan banyak lagi. Dalam hal ini, al-Qur'an sebenarnya mengandungi ilmu sains yang banyak lebih awal mendahului penemuan saintifik yang digali oleh manusia. Pun begitu, al-Qur'an sekali-kali bukan buku sains, akan tetapi al-Qur'an tetap digelar kitab hidayah yang memberikan petunjuk kepada sekalian alam dalam menjalani kehidupan menuju akhirat.

### ELEMEN SAINTIFIK AL-QUR'AN

Hari ini ilmu sains moden dilihat memiliki tiga bahagian utama iaitu sains tulen, sains gunaan dan sains sosial. Sains tulen terbahagi kepada bidang kajihayat, ilmu fizik dan kimia. Sains gunaan pula merangkumi pelbagai cabang antaranya teknologi. Begitu juga bidang sains sosial terdiri daripada bidang yang banyak seperti pengajian agama. Sungguhpun ada yang menolak bidang sains sosial termasuk dalam ilmu sains secara umum, namun menurut Dzulkifli Abdul Razak (2020) sains sosial penting dikategorikan sebagai cabang ilmu sains secara umum untuk membuktikan kewajaran kesatuan ilmu pengetahuan (*unity of knowledge*). Ini kerana dahulunya sains lebih dikenali sebagai falsafah alam semula jadi (*natural philosophy*) yang bertujuan untuk menjelaskan fenomena alam semula jadi.

Dari itu, tidak boleh disangkalkan bahawa penyelidikan ilmu sains yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an termasuk di dalam kerangka ilmu sains moden sebagai salah satu cabang ilmu sains sosial. Menurut Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad (2007) falsafah sains di dalam al-Qur'an dibahagikan kepada tiga elemen utama, iaitu elemen Saintifik Ketuhanan (*Divine Science*), elemen Saintifik Sosial (*Social Science*) dan elemen Saintifik Natural atau Tabi'i (*Natural Science*). Di antara ketiga-tiga falsafah sains al-Qur'an ini, Sains Ketuhanan adalah prinsip utama dalam pembentukan teori sains sosial dan sains natural. Kesepaduan ketiga-tiga elemen saintifik ini membentuk hakikat sains di dalam al-Qur'an yang seterusnya membangun tamadun manusia.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Berikut didatangkan beberapa contoh ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi kesepadan tiga elemen saintifik al-Qur'an; ketuhanan, sosial dan tabi'i (Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2007). Allah s.w.t. berfirman:

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ يُرْسَلَ الرِّيَاحُ مُبَشِّرًا وَلِيُذِيقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَلَتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

*"Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan (dengan turunnya hujan) untuk merasakan kamu sedikit daripada rahmatNya dan supaya kapal-kapal belayar dengan perintahNya dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki daripada limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur".*

(Surah al-Ruum, 30: 46)

Ayat ini menceritakan antara bukti keesaan Allah s.w.t. sebagai Tuhan semesta alam; iaitu mengirimkan hujan sebagai berita gembira. Dengan turunnya hujan, bumi yang kering kontang dapat menumbuhkan tumbuh-tumbuhan yang menjadi makanan manusia dan juga haiwan ternakan. Dengan hembusan angin pula kapal-kapal dapat belayar merentasi lautan yang luas dengan membawa makanan, pkoko dan buah-buahan dari satu tempat ke tempat lain. Seterusnya manusia mampu berusaha mencari rezeki dengan memanfaatkan semua kurnia yang diberikan Allah s.w.t. dan manusia perlu bersyukur atas limpahan nikmat ini (al-Maraghi (terj.), 2001).

Dari penjelasan tafsiran ayat ini, kita boleh membahagikan unsur sains yang terdapat di dalamnya kepada tiga; iaitu:

i. **Unsur sains natural;** iaitu angin dan hujan yang dapat menyuburkan tanah yang kering untuk menghasilkan tanaman dan buah-buahan untuk manusia dan ternakan. Juga angin dan lautan yang dapat melayarkan kapal-kapal manusia untuk memperdagangkan hasil tanaman dan ternakan.

ii. **Unsur sains sosial;** iaitu manusia mampu bekerja dan berusaha mendapatkan rezeki untuk meneruskan kehidupan dengan adanya hasil unsur sains natural.

iii. **Unsur sains ketuhanan;** iaitu suruan kepada manusia agar bersyukur atas limpahan nikmat dari Allah s.w.t. Akhirnya menguatkan keimanan tentang kewujudan dan kekuasaan Allah s.w.t. terhadap semua perkara di dunia ini, bukannya hanya bergantung kepada unsur sains tabi'i semata-mata.

Contoh lain firman Allah s.w.t.:

يُنِيبُ لَكُمْ بِهِ الْزَّرْعُ وَالرِّيَّتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِنْ كُلِّ الْثَمَرَاتِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ. وَسَحَرَ لَكُمْ أَلَيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالقَمَرَ وَالنُّجُومُ مُسَحَّرٌ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَعْقُلُونَ.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

*"Dialah juga yang menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir. Dan Dia menundukkan (memudahkan) bagi kamu malam (untuk berehat) dan siang (untuk mencari rezeki dan menjadikan) matahari dan bulan untuk kamu. Dan bintang-bintang ditundukkan dengan perintahNya (untuk keperluan kamu). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal (untuk berfikir)".*

(Surah al-Nahl, 16: 11-12)

Ayat ini merupakan dalil atas kekuasaan Allah berupa

Air hujan turun menyuburkan tanah dan tanaman (unsur sains natural)

Buah-buahan nikmat kepada manusia (sains social)

Kebesaran Allah bagi orang yang berfikir (sains ketuhanan)

﴿وَلَقَدْ أَتَيْنَا دَاءُ دَمِّ مِنَّا فَضْلًا صَيْحَانٌ أَوَّلِيٌّ مَعَهُ وَالظَّيْرَ وَأَنَّا لَهُ أَخْدِيدُ . أَنِ اعْمَلْ سَيِّئَتْ وَقَدْرٌ فِي السَّرْدِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

*"Dan demi sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Nabi Daud limpah kurnia daripada Kami, (Kami berfirman): "Hai gunung-ganang dan burung-burung! Bertasbihlah bersama-sama Nabi Daud," dan Kami juga telah melembutkan besi baginya. (Serta Kami wahyukan kepadanya:) "Buatlah baju-baju besi yang labuh dan ukurlah jalinannya sekadar yang dikehendaki dan kerjakanlah amalan salih. Sesungguhnya Aku Maha Melihat apa yang kamu kerjakan".*

(Surah Saba', 34: 10 – 11)

Ayat ini menuturkan kisah Nabi Daud a.s. dan anugerah besar yang khusus untuk Baginda iaitu kenabian, kitab Zabur, tunduknya gunung-ganang, tunduknya bangsa burung, dan lunaknya besi dan mengajarkannya cara membuat baju besi. Kemudian Allah perintahkan Nabi Daud agar baju besi yang dibuat itu perlu labuh. Ukurannya pula dijalin mengikut sekadar yang diperlukan untuk menahan dari ditembusi anak panah dan tidak berat. Seterusnya Allah memerintahkan keluarga Nabi Daud untuk melakukan amalan salih dan jangan hanya bergantung kepada kedudukan ayah mereka. Sesungguhnya Allah melihat apa yang mereka kerjakan dari amalan salih tersebut (al-Sabuni (terj.), 2020).

Unsur sains yang terdapat di dalam dua ayat ini ialah seperti yang berikut:

- Unsur sains natural;** iaitu besi yang merupakan hasil kejadian sumber alam.
- Unsur sains sosial;** iaitu besi tersebut dijadikan bahan untuk membuat pelbagai peralatan dan dimanfaatkan oleh manusia.
- Unsur sains ketuhanan;** iaitu suruan agar manusia membuat amalan baik kerana Allah melihat segala amalan para hamba.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Dari paparan contoh yang telah dikemukakan ini jelas kaitan antara unsur sains yang berlainan yang terdapat di dalam al-Qur'an. Ini menunjukkan sains tidak terputus dari agama; kedua-duanya saling berkait rapat kerana Allah s.w.t. yang Berkuasa dan Maha Pencipta segalanya.

Untuk lebih memahami maksud secara menyeluruh setiap elemen ini, dirumuskan penjelasannya seperti yang berikut (Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2007, Selamat Amir, 2016):

### (I) ELEMEN SAINTIFIK KETUHANAN (DIVINE SCIENCE)

Ketuhanan bermaksud sifat keadaan tuhan iaitu Allah s.w.t. sebagai Tuhan yang berhak disembah. Ilmu yang membahaskan tentang Tuhan ini dinamakan "sains ketuhanan" yang biasa dikenali dengan istilah ilmu *uluhiyah* (ketuhanan), metafizik, teologi (ilmu ketuhanan), *tawhid*, *kalam*, *usuluddin* dan *'aqidah*.

Ringkasnya, falsafah sains ketuhanan al-Qur'an memfokuskan perbahasan tentang kewujudan Allah s.w.t. dari tiga aspek pengertian yang berikut:

1. Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir yang Maha Agong.
2. Manusia sebagai hamba Allah dan khalifah di dunia.
3. Alam yang diciptakan oleh Allah sebagai nikmat kesejahteraan kepada manusia.

### (II) ELEMEN SAINTIFIK SOSIAL (SOCIAL SCIENCE)

Sains sosial bermaksud ilmu kemasyarakatan, iaitu ilmu yang membahaskan tentang laku manusia dan semua persoalan sosio budaya kehidupan manusia dalam masyarakat bagi membentuk suatu sistem kesatuan masyarakat manusia. Ia juga mengkaji individu, komuniti dan institusi dalam masyarakat dengan focus terhadap perhubungan dan interaksi antara individu, keluarga dan komuniti dalam konteks agama serta etika system perbandaran, kerajaan serta faktor sosial lain (Ensiklopedia Pendidikan Sains dalam al-Quran, 2005).

Ilmu sains sosial ini penting yang berfungsi menyusun kehidupan manusia kerana ilmu sains tabi'i terhad kepada melahirkan manusia yang pakar dalam bidang sains dan teknologi. Ia tidak dapat membentuk personaliti manusia secara teori dan praktikal. Di sinilah ilmu sains sosial mengambil peranan dalam membentuk dan mengawal tingkah laku serta membentuk personaliti individu dalam pelbagai disiplin ilmu, seperti psikologi, pengurusan, akhlak dan lain-lain lagi. Tumpuan utama sains sosial ini adalah kajian tentang sifat, fungsi dan perkembangan hal ehwal masyarakat manusia.

Jika dilihat dari sudut ayat-ayat al-Qur'an pula, falsafah sains sosial ini sangat luas merangkumi sosiologi keluarga, pendidikan, perdagangan, psikologi, antropologi budaya, fizikal, arkeologi, linguistik, gunaan (*applied anthropology*), sains politik, ekonomi, sejarah, undang-undang dan akhlak.

Ringkasan secara umum, falsafah sains sosial al-Qur'an menyatu-padukan antara ilmu sains ketuhanan dan sains natural yang mampu membina personaliti manusia yang bertanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah di dunia. Ini menepati firman Allah s.w.t.:

## AL-QUR'AN DAN SAINS

"Dan Dialah yang menjadikan kamu sebagai khalifah di bumi ini dan meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjah untuk menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu sangat cepat seksaanNya dan sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

(Surah al-An'aam, 6: 165)

### (III) ELEMEN SAINTIFIK TABI'I (NATURAL SCIENCE)

Sains Tabi'i adalah yang berkaitan dengan tabiat, fitrah, alam atau ciptaan. Segala kejadian alam ini merupakan ciptaan Allah dan mengikut sunnatullah; iaitu sesuatu itu terjadi mengikut kebiasaan, seperti api yang bersifat membakar. Oleh kerana semua itu ciptaan Allah, maka Allah juga berkuasa mengubah keadaan semula jadi sesuatu itu, seperti api yang biasanya panas dan membakar berubah menjadi sejuk di dalam kisah Nabi Ibrahim a.s. yang dibakar oleh raja Namrud (Surah al-Anbiyaa', 21: 69)

Falsafah sains *natural* al-Qur'an bermaksud kajian tentang alam tabi'i atau kosmologi menurut pandangan al-Qur'an. Ia merangkumi kedua-dua bahagian sains *natural*, iaitu:

1. Ilmu kehidupan (*life science*) yang membincangkan makhluk hidup di alam ini seperti manusia, haiwan dan tumbuhan; dan
2. Ilmu kebendaan (*physical science*) yang membincangkan tentang benda mati di alam ini seperti batu, gunung, lautan, angin, bintang, matahari dan sebagainya.

Perbincangan umum falsafah sains natural di dalam al-Qur'an terdiri daripada beberapa aspek seperti biologi, fizik, astronomi, matematik, kimia, kejuruteraan, perubatan, geologi dan sebagainya.

Dariuraian yang singkat ini boleh difahami bahawa tafsiran ilmiah atau saintifik al-Qur'an berkisar tentang alam semesta yang merangkumi ketiga-ketiga elemen saintifik ketuhanan, sosial dan tabi'i. Ia juga dikenali dengan istilah "ayat-ayat Kauniyyat" yang akan dijelaskan lebih lanjut.

### AYAT-AYAT KAUNIYYAT

Pentafsiran al-Qur'an secara saintifik setentunya berkaitan dengan ayat-ayat *Kauniyyat* (الكونيات). Perkataan *Kauniyyat* diambil daripada perkataan "al-Kaun" (الكون) yang bermaksud sesuatu yang wujud secara mutlak dan umum (Al-Mu'jam al-Wasit, t.t.). Ia adalah alam semesta dan darinya timbul ilmu kosmologi; iaitu salah satu bidang falsafah yang mengkaji asal usul, proses, dan struktur alam semesta (Kamus Dewan, 2007).

Apabila membicarakan soal ayat-ayat *Kauniyyat* dalam topik *Tafsir Ilmi* ini, ia terbahagi kepada dua pengertian. Pertama secara literal "ayat" di sini bermaksud alamat atau tanda. Maksud ayat *Kauniyyat* menurut pengertian pertama ini adalah tanda-tanda kejadian dan kewujudan alam semesta yang menunjukkan kepada kebesaran dan kehebatan Penciptanya.

Manakala pengertian kedua pula bermaksud kalam Allah di dalam al-Qur'an yang menyebut tentang alam semesta. Maka sebenarnya *Tafsir Ilmi* lebih menjurus kepada pengertian kedua; iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang kejadian alam semesta. Dengan tidak secara langsung, ini juga bermakna *Tafsir Ilmi* mengisyaratkan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. menerusi penciptaan alam.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Al-Qur'an mengandungi banyak ayat yang menyebutkan tentang kejadian alam semesta. Tidak dapat dipastikan berapakah jumlah ayat *Kauniyyat* yang pasti. Tantawi Jawhari (1350H) telah menyebutkan bahawa terdapat lebih daripada 750 ayat *Kauniyyat*. Mustafa Muslim (2005) pula menyatakan lebih daripada 900 ayat *Kauniyyat* dan Zaghlul al-Najjar (2012) pula menganggarkan kira-kira 1000 ayat *Kauniyyat* termaktub di dalam al-Qur'an.

Dari perbezaan pernyataan bilangan ini, dapat dirumuskan bahawa yang demikian itu adalah hasil penyingkapan makna ayat-ayat al-Qur'an seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan ilmu pengetahuan serta teknologi yang belum diterokai sebelumnya (Ahmad Bazli dan Zulkarnain (2015).

Penulis tertarik untuk menukil kata-kata ahli tafsir Sa'id Hawwa (1993) bahawa ayat-ayat *Kauniyyat* ini menjadi perantaraan dakwah yang berkesan bukan sahaja kepada non muslim, malah juga terhadap umat Islam sendiri. Alam kosmos merupakan mandala kajian ilmu tauhid moden. Jika ahli tafsir dahulu mengandaikan bahawa pembaca kitab tafsir mereka adalah dari kalangan penuntut ilmu atau ilmuwan yang mempunyai keimanan yang teguh, namun sebaliknya bagi Sa'id Hawwa. Beliau menegaskan bahawa semua itu tidak semestinya benar untuk umat Islam kini (Mat Rofa Ismail, 2017). Perkara ini menjadi kenyataan bila kita lihat masyarakat sekarang yang terdiri daripada pelbagai lapisan dan tahap pendidikan serta latar belakang kehidupan yang berbeza berminat mengkaji ayat-ayat al-Qur'an dari sudut saintifik. Oleh kerana itu amat penting untuk menyediakan suatu kemudahan bagi mereka memahami dengan betul tafsiran saintifik ayat-ayat *Kauniyyat* iaitu melalui manhaj *Tafsir Ilmi* yang sahih.

### SAINS ISLAM VS SAINS BARAT MODEN

Berbalik kepada perbincangan ilmu sains dan al-Qur'an, ia tidak akan lari daripada pengistilahan "Sains Islam" dan "Sains Barat Moden". Adakah ilmu sains ini perlu diasingkan mengikut istilah ini, atau sebenarnya boleh dikenali dengan istilah umum sahaja, atau boleh digabung-jalin antara kedua-duanya?

Untuk menjawab persoalan ini, beberapa persoalan lain timbul dan perlu dijawab terlebih dahulu. Penulis membahagikan skop persoalan ini dalam tiga bentuk utama; iaitu:

#### A. BAGAIMANA STATUS ILMU SAINS DARI PERSPEKTIF AL-QUR'AN?

Pada asasnya agama Islam memandang ilmu sains sama seperti disiplin ilmu yang lain dan menjadi kewajipan manusia untuk menuntutnya. Hubungan golongan Islam dengan ilmu sains adalah hubungan fitrah dan asas sehingga menghasilkan kemajuan ilmiah, umat yang cerdik pandai dan tamadun hadhari yang tinggi. Semua ini telah terhasil dan terbukti dalam sejarah manusia kerana al-Qur'an dan juga Sunnah Nabi s.a.w. telah mengembalikan kesucian fitrah manusia dan mengenepikan segala rintangan kesan daripada zaman *jahiliyyah* yang membenggu mereka. Para Sahabat, Tabi'in r.a. dan orang-orang selepas mereka telah membuktikan kejayaan dalam membangun kerajaan dan negara yang gemilang dengan berkat kecerdikan fahaman mereka tentang nas-nas al-Qur'an. Seterusnya mereka berjaya mempersempurnakan sebaik-baik model teladan dalam membina tamadun yang kuat asasnya untuk generasi mendatang merentasi beberapa zaman.

Dari itu, mempelajari ilmu sains secara mendalam dan empirikal (*tajribi*) adalah wajib berdasarkan kepada beberapa dalil (al-Musleh, 2011), iaitu:

## AL-QUR'AN DAN SAINS

### I. KEIMANAN MEMERLUKAN ILMU SAINS TAJRIBI

Mempelajari rahsia dan undang-undang yang ada di alam ini adalah jalan untuk sampai kepada keimanan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah s.w.t. Setiap kali tersingkap suatu penemuan saintifik yang baharu merupakan bukti baharu kepada kekuasaan Allah. Apabila bertambah keyakinan manusia dengan kuasa Tuhan ini bertambah juga rasa takut dan geran terhadap Allah s.w.t., menepati firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادُ الْمُلْمَكَوْنَ

"...Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hamba-hambaNya hanyalah 'ulama..."

(Surah Faathir, 35: 28)

### II. PENGHORMATAN (TAKRIM) ALLAH TERHADAP MANUSIA MEMERLUKAN ILMU SAINS TAJRIBI

Allah s.w.t. memuliakan kedudukan manusia dengan menganugerahkan akal yang waras berfikir dan menjadikannya khalifah di bumi, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

"...Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi..."

(Surah al-Baqarah, 2: 30)

Allah juga memudahkan urusan kehidupan manusia seperti yang disebutkan di dalam ayat:

وَسَرَّلَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعاً مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرٌ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan Dia memudahkan apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya untuk kegunaan kamu (sebagai rahmat) daripadaNya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir".

(Surah al-Jaathiyah, 45: 13)

Jika diteliti kesemua bentuk takrim yang disebutkan ini (akal, dijadikan khalifah, diberikan kemudahan dunia) kita akan lebih memahami tuntutan terhadap manusia agar menambah ilmu pengetahuan dari perspektif rahsia-rahsia alam semesta dan sunnah fitrah alam yang tetap dan sentiasa bergerak seiring dengan kehidupan manusia. Tidak dapat diragukan lagi bahawa semua ini boleh diselidik dan dibongkar dengan cara ilmu sains *tajribi*.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

### III. KEKUATAN MEMERLUKAN ILMU SAINS TAJRIBI

Ilmu adalah kekuatan dan kita disuruh menyediakan kekuatan tersebut pada masa dan tempat yang sesuai apabila dikehendaki. Sifat kuat adalah antara sifat yang wajib ke atas golongan Mukmin untuk bersifat dengannya. Allah s.w.t.:

وَأَعْدُوا لَهُم مَا أَسْتَطْعُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْغَيْلِ

*"Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) dengan apa jua kekuatan yang kamu termampu dan daripada kuda-kuda yang disediakan untuk berperang..."*

(Surah al-Anfaal, 8: 60)

Kita juga boleh ambil 'ibrah dan pengajaran dari ayat ini:

قَالَتْ لِهِنَّهُمَا يَأْبَى إِنْ سَتَّرْجِهِ لَئِنْ خَيْرٌ مِنْ أَسْتَرْجِنَ الْقَوْيُ الْأَمِينُ ۝

"Seorang daripada mereka berkata: "Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah".

(Surah al-Qasas, 28: 26)

Selain itu, ilmu sains secara eksperimen telah menjadi lebih berkuasa dalam era moden berbanding sebelum ini. Oleh yang demikian jelas daripada bukti dan dalil yang disebutkan di atas bahawa pencapaian ilmu sains secara teori dan praktikal yang ada kaitan dengan bidang pertanian, industri, perubatan, dan ruang angkasa merupakan kewajipan secara syara'.

Sebab itu juga kebanyakan ulama sepakat bahawa setiap ilmu yang diperlukan dalam kehidupan masyarakat adalah *fardhu kifayah* yang mesti ditunaikan. Jika tidak, seluruh masyarakat berdosa. Antara kewajipan *fardhu kifayah* ini ialah mendirikan hujah ke atas golongan *non-Muslim* dan menolak syak wasangka terhadap Islam. Dalam ruang lingkup inilah aspek *Tafsir Ilmi* dan *I'jaz Ilmi* dimasukkan dan mengambil peranan sebagai hujah yang sesuai terhadap golongan materialis dan atheis pada zaman ini.

### B. APA SUMBANGAN ULAMA ISLAM LAMPAU DALAM BIDANG SAINS TAJRIBI?

Usaha umat Islam dalam ilmu Sains Tajribi nampak jelas dan mereka sangat mengambil berat terhadapnya melalui pemahaman nas-nas al-Qur'an dan Sunnah yang menggalakkan menuntut ilmu. Allah s.w.t. berfirman:

أَقْرَبُ الْأَسْعَادِ مَنْ تَذَكَّرَ بِالْحَقِّ ۝

*"Bacalah (wahai nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)".*

(Surah al-'Alaq, 96: 1)

## AL-QUR'AN DAN SAINS

فَنَعَلَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا نَعْجَلُ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُلْ رَبِّ زَادَ فِي عِلْمًا ۝

"...dan berdoalah: "Ya Tuhanku! Tambahilah aku ilmu".

(Surah Taahaa, 20: 114)

وَلَا نَنْقُضُ مَا أَلَّا يَرَىٰ عَلَيْهِ ۝

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya..."

(Surah al-Israa', 17: 36)

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَبِيمًا بِالْقُسْطِ لِإِلَهٍ لَا إِلَهُ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti) bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melain-kan Dia, yang mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang- orang yang berilmu (berikrar dan mengakui juga bahawa) tiada tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

(Surah Aali 'Imraan, 3: 18)

Sabda Nabi s.a.w.:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

*Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah s.w.t. akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga.*

[HR Muslim]

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

*Apabila seseorang itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya.*

[HR Muslim]

Oleh itu, aktiviti ilmiah mula aktif secara meluas pada awal abad kedua Hijrah. Keadaan waktu itu menjadi stabil, orang Parsi dan Rom mula mendekati negara Islam, dan orang Islam bergabung dengan bangsa lain serta mereka dapat mempelajari tamadun mereka dan meraih manfaat daripadanya.

## AL-QUR'AN DAN SAINS


Aktiviti ilmiah juga tersebar di seluruh negara Islam, contohnya di Cordova, yang mengambil tempat yang tinggi dalam kemajuan tamadun. Ia adalah pusat sains dan ilmu pengetahuan yang hebat. Terdapat banyak sekolah dan institusi pengajian tersebar di seluruh negara dan dihadiri oleh para pelajar sains dari semua arah untuk menyertainya.

Selain itu, ada juga masjid-masjid yang menjadi terkenal mengajar pelbagai ilmu dengan guru-guru yang berkepakaran untuk mengajar. Pengajian di sekolah-sekolah tidak terhad kepada ilmu agama sahaja, malah juga diajar ilmu sains tabi'i seperti kejuruteraan, perubatan, dan matematik. Perpustakaan juga mula dibangunkan di negara-negara Islam dan ia berkembang hasil daripada penyebaran ilmu, dan minat para sarjana dan pelajar terhadap buku. Selain itu, gerakan penterjemahan yang dilakukan oleh ulama memberi impak yang besar terhadap kemajuan ilmu pengetahuan.

Minat umat Islam terhadap ilmu sains mempunyai kesan yang besar dan terbukti dalam manifestasi kemajuan sains, teknologi, tamadun, dan keunggulan pembangunan di seluruh dunia Islam yang luas.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Sebagai contoh kepada kenyataan ini apa yang dinyatakan oleh Dr Sigrid Hunke (1962)<sup>2</sup> bahawa hakikatnya orang Arablah yang mencipta kaedah penyelidikan saintifik yang sebenar berdasarkan eksperimen. Penyelidikan saintifik yang sebenar berdasarkan pemerhatian dan eksperimen tidak bermula kecuali dari kalangan orang Arab. Fakta-fakta saintifik muncul sebagai hasil usaha yang teliti dalam mengukur dan memerhati dengan penuh kesabaran yang tidak pernah mengenal putus asa, Juga dengan eksperimen saintifik yang mendalam dan tidak terkira banyaknya, orang Arab menguji segala teori, kaedah dan pendapat saintifik berulang kali, demi membuktikan kesahihan dan membetulkan kesilapan serta menyediakan alternatif lain bagi yang melakukan kesilapan tersebut.




Sumber:

<https://www.amazon.com/Allahs-Sonne-%C3%BCber-dem-Abendland/dp/3421015902>

<sup>2</sup> Sigrid Hunke kelahiran Jerman menerbitkan karya sejarah ini pada tahun 1962. Buku ini mengkaji tentang sejarah Arab dan pengaruhnya terhadap Barat dalam bidang sains dan reka cipta, meneroka hubungan antara kemajuan dan perkembangan bahasa moden dalam budaya Arab Islam. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa antaranya Bahasa Inggeris bertajuk "Allah's Sun Over the Occident" dan Bahasa Arab dengan tajuk "شمس العرب نسطخ على الغرب". <https://asif.org/library/allahs-sun-over-the-occident/>

## AL-QUR'AN DAN SAINS



Sumber:

<https://asif.org/library/allahs-sun-over-the-occident/>

<sup>3</sup>

Oleh sebab itu, tidak menghairankan ramai cendekiawan Islam telah cemerlang dalam pelbagai bidang ilmu dan mencipta inovasi yang tiada tandingannya. Beberapa tokoh tersohor ini perlu sering disebut agar sentiasa diingati sepanjang zaman, iaitu:

<sup>3</sup> Senarai nama-nama tokoh ini dan contoh-contoh yang akan datang dalam penulisan ini hanya sekadar menyebut beberapa contoh untuk menunjukkan kegemilangan umat Islam zaman lampau yang telah mendahului Barat. Keterangan lanjut sila rujuk: al-Musleh, 'Abd Allah bin 'Abd al-'Aziz. (2011). Al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Qur'an al-Karim Hujjah wa Burhan. Arab Saudi: Dar Jiyad. Hlm. 124-154. Zulekha Yusoff & Pisol Maidin. (2012). Perkembangan Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam. Dalam: Pisol Maidin (Peny.). (2012). Kesepadan Agama dan Sains. Malaysia: Penerbit UiTM Universiti Teknologi MARA. Hlm. 86-89. Mohd Yusof Hj Othman. (2014). Sains Islam: Mengimbau Zaman Silam, Meneroka Masa Depan. Dalam: Khalijah Mohd Salleh (Peny.). (2014). Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 16-17. Mat Rofa Ismail. (2016). Bicarawara Sains Islam Menerobos Kerdipan Sejarah dan Falsafah Sains yang Mengubah Dunia. Malaysia: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd. & Inspirasi Media. Hlm. 2-51.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

### JADUAL 1

#### CONTOH TOKOH-TOKOH ILMUWAN ISLAM TERNAAMA ZAMAN SILAM

No.	Tokoh	Sumbangan
1	<b>Al-Khawarizmi (780 – 850M)</b>  Abu 'Abdullah Muhammad bin Musa al-Khawarizmi, pengasas ilmu algebra dan berpengaruh dalam pemikiran matematik moden.	Sistem nombor – Algebra – Trigonometri – Penggunaan matematik dalam astronomi.
2	<b>Ya'qub al-Kindi (801 – 873M)</b>  Abu Yusuf Ya'qub bin Ishaq al-Sabbah al-Kindi.	Meneroka ilmu fizik, khususnya dalam bidang optik dan cahaya.
3	<b>Al-Razi (865 – 925M)</b>  Abu Bakar Muhammad bin Zakaria al-Razi. Berketurunan Parsi. Pengarang lebih 200 karya tentang perubatan dan falsafah.	Penemuan penyakit cacar dan campak serta membuat pengelasan kepada sebatian kimia.
4	<b>Al-Zahrawi (936 – 1013M)</b>  Abu al-Qasim Khalaf bin al-'Abbas al-Zahrawi. Dikenali sebagai bapa pembedahan moden.	Mencipta alat-alat pembedahan seperti alat pemeriksaan luar telinga, alat pemeriksaan luar uretra dan alat mengeluarkan benda asing daripada kerongkong.
5	<b>Ibnu al-Haytham (963 – 1039M)</b>  Abu 'Ali al-Hasan bin al-Hasan bin al-Haytham	Sumbangan dalam ilmu optik, menerangkan struktur dan fungsi beberapa bahagian mata manusia dan menamakan komponen mata "kornea" yang digunakan oleh sarjana Barat hingga sekarang.
6	<b>Al-Biruni (973 – 1050M)</b>  Abu Rayhan Muhammad bin Ahmad al-Biruni.	Menulis buku dalam pelbagai ilmu sains seperti kosmologi, sejarah, geografi, fizik, kimia, geologi dan biologi.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

No.	Tokoh	Sumbangan
7	<b>Ibnu Sina (980 – 1037M)</b>  Abu 'Ali al-Husayn bin 'Abd Allah bin Sina. Digelar sebagai "Penghulu Para Doktor" dan dikenali di Barat sebagai "Avicena."	Memperkenalkan ilmu perubatan psikosomatik, memberiuraian tepat tentang penyakit Meningitis, mengkaji fungsi anak mata dan menggunakan unsur psikologi dalam rawatan pesakit. Karya teragung " <i>al-Qanun fi al-Tibb</i> ".
2	<b>Ibnu al-Nafis (1213 – 1288M)</b>  Ala-al-din Abu al-Hassan Ali ibn Abi-Hazm al-Qarshi al-Dimashqi.	Paling awal menemukan sistem peredaran darah dalam tubuh manusia.

Sementara itu, terdapat juga sebahagian daripada penemuan sarjana Barat yang terkenal sebenarnya telah pun ditemui dan dibincangkan lebih awal oleh sarjana Islam, seperti dalam jadual yang berikut: (Mohd Yusof, 2014).

### JADUAL 2

#### PENEMUAN SAINS OLEH SARJANA ISLAM YANG MENDAHULUI SARJANA BARAT

Penemuan Sains	Sarjana Islam	Sarjana Barat
Peredaran darah	Ibnu al-Nafis	William Harvey (1578-1657)
Pembiasan cahaya	Ibnu al-Haytham	Isaac Newton (1642-1727)
Udara dan beratnya	Al-Khazin	Toricelli (1608-1647)
Hukum gravity	Al-Khazin	Isaac Newton (1642-1727)
Prinsip-prinsip astronomi	Al-Battani Al-Farghani Al-Fazani Al-Biruni	Corpenicus (1473-1543) Galileo Galilie (1564-1642)
Kaedah sains	Ibnu Sina Ibnu Al-Haytham Al-Biruni	Francis Bacon (1561-1626)

Sumber: Mohd Yusof Hj Othman. (2014). Sains Islam: Mengimbau Zaman Silam, Meneroka Masa Depan. Dalam: Khalijah Mohd Salleh (Peny.). (2014). *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 17.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Dari aspek pembinaan pusat dan institusi pengajian dan penyelidikan saintifik, dunia Islam juga mencatat sejarah yang cemerlang dalam tamadun Islam. Antaranya ialah seperti universiti, hospital, balai cerap dan perpustakaan. Sejarah merekodkan masjid-masjid merupakan pusat pengajian ilmu, bukan saja ilmu agama Islam, malah juga pelbagai ilmu yang lain. Antara yang paling terkenal adalah Masjid Nabawi di Madinah, Masjid Umawi di Damsyiq Syria, Jami' Qurtubah di Cordova Sepanyol, dan Jami' al-Azhar di Kaherah Mesir. Malah universiti terawal di dunia yang terbina sejak kurun ke-9 adalah universiti Islam iaitu Universiti al-Qawariyyin di Fez, Maghribi. Ia mendahului university terawal di Eropah seperti di Paris dan Oxford yang dibina dalam kurun ke-13.

Manakala perpustakaan yang paling masyhur dalam sejarah tamadun manusia ialah Dar al-Hikmah di Baghdad, Iraq. Ia diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rashid dan mencapai keagungannya semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun. Asal penubuhannya berperanan sebagai sebuah perpustakaan yang akhirnya bertukar menjadi pusat penyelidikan dan pengembangan ilmu (Mat Rofa Ismail, 2016).

### C. ADAKAH SUMBANGAN ULAMA ISLAM DALAM BIDANG SAINS MASA KINI STATIK?

Dalam persoalan terakhir ini kita berbalik kepada persoalan asal iaitu adakah istilah "Sains Islam" berlainan daripada istilah "Sains Moden" yang biasanya dilihat lebih dipelopori oleh dunia barat. Penjelasan jawapan sebelum ini telah menjawab persoalan ini, namun di sini lebih fokus melihat kepada skop masa kini. Jika zaman lampau telah membuktikan golongan Islam adalah generasi yang kuat ilmu saintifik berdasarkan bukti kajian dan hasil eksperimen mereka. Akan tetapi, bila dikaji dan diteliti era moden ini, kenapa seakan masyarakat Islam terkebelakang sedikit dalam ruang hasil kajian saintifik. Sedangkan telah jelas sebelum ini dinyatakan bahawa al-Qur'an dan Sunnah sebagai sumber wahyu utama agama Islam memartabatkan ilmu pengetahuan berkaitan alam semesta.

Sungguhpun terdapat pelbagai pendapat para ilmuwan sekitar topik ini, sangat sukar untuk memilih pendapat mana yang kuat, betul dan sesuai dengan tuntutan era kini atau sekurang-kurangnya mengambil jalan tengah. Mohd Yusof (2014) memberikan uraian menarik berkaitan dengan Sains Islam dengan mengimbau zaman silam dan meneroka masa depan. Dengan merujuk takrif sains berupa analisis fenomena alam tabi'i secara sistematis, mantik dan objektif dengan kaedah khusus yang diperantikan untuk mewujudkan penumpukan pengetahuan yang boleh dipercayai, terdapat lima unsur asas dalam realiti pembangunan sains kini, terdapat empat isu besar yang dunia hadapi masa kini dalam meneroka masa depan pembangunan sains; iaitu: isu alam sekitar, isu ekonomi, isu sosial, isu politik. Maka pendekatan agama boleh digunakan sebagai kaedah utama dalam penyelesaian isu dan permasalahan ini, dan bukan hanya menggunakan pendekatan sains sahaja. Fungsi agama tidak terhad kepada aspek ritual semata-mata, malah dari perspektif yang lebih luas, umat Islam mampu menjalankan peranan sebagai khalifah Allah menyelamatkan dunia dari pelbagai ancaman musibah dan masalah.

Menurut Mohd Radhi Ibrahim (2023) pula, para sarjana telah banyak mengemukakan penelitian faktor kemerosotan sains dan teknologi umat Islam kini. Antaranya faktor dalaman seperti perbutan kuasa dan faktor luaran seperti penjajahan dan serangan pihak luar. Mohd Radhi (2023) juga seterusnya menyenaraikan lebih lanjut empat faktor lain yang berkaitan dengan konsep integrasi ilmu dalam Islam; iaitu:

- i. Krisis epistemologi dalam kalangan umat Islam.
- ii. Pengabaian aspek saintifik daripada al-Qur'an.
- iii. Penolakan sebab tabi'i
- iv. Penolakan terhadap falsafah

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Penulis tertarik untuk merumuskan faktor-faktor ini kerana sangat bertepatan dengan persoalan yang dibincangkan. Misalnya kesilapan memahami konsep ilmu menyebabkan ilmu sains tulen atau tabi'i seperti fizik, biologi dan kimia terasing dan tiada ruang untuk disatukan dengan ilmu agama. Hal ini memberi kesan negatif terhadap agamawan yang tidak mampu memahami dengan mendalam ilmu sains tersebut, sedangkan al-Qur'an sebagai sumber utama Islam banyak menyebutkan topik berkaitan ilmu sains. Contohnya firman Allah s.w.t.:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْأَيْمَانِ كَيْفَ خُلِقَتْ <sup>وَالْأَسْمَاءُ كَيْفَ نُعْطِتْ</sup> <sub>وَالْجَهَنَّمُ</sub>  
كَيْفَ نُصْبِتْ <sup>وَالْأَرْضُ كَيْفَ سُطِحَتْ</sup>

"Tidakkah mereka memerhatikan unta bagaimana ia diciptakan? Dan langit bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi bagaimana ia dihamparkan?".

(Surah al-Ghaashiah, 88: 17 – 20)

Ayat-ayat ini menjelaskan maksud tersurat konsep ibadah kepada Allah s.w.t. sebagai Pencipta makhluk-makhluk yang disebutkan. Namun di sebalik itu, ayat-ayat ini juga mengandungi makna tersirat suruhan agar manusia merenung dan memikirkan dengan mendalam bagaimana kejadian makhluk-makhluk tersebut dicipta. Di sinilah nyata keperluan mengetahui ilmu sains seperti bidang biologi, zoologi, astronomi, astrologi, geografi dan geologi. Kajian saintifik dalam bidang-bidang ini setentunya melahirkan keimanan manusia dan manifestasi keagungan kuasa Allah s.w.t.

Pun begitu, disebabkan faktor pengabaian aspek saintifik di dalam al-Qur'an ini menjadikan metode penelitian dan analisis terhadap aspek tersebut tidak diadaptasi lagi oleh ilmuwan Islam masa kini. Lantas sarjana Barat mengambil kesempatan daripada kelemahan ini untuk lebih mendalami metode ini yang akhirnya mereka lebih masyhur dikenali sebagai pelopor metode-metode penyelidikan saintifik.

Hal ini juga disebabkan oleh penolakan umat Islam terhadap dua perkara; iaitu sebab *tabi'i* (*natural causes*) dan falsafah. Mereka menganggap kedua-dua faktor ini menyalahi akidah Islam jika lebih mempercayai ilmu sains. Implikasi daripada semua inilah yang menjadi sebab umat Islam statik, kalau bukan tahap mundur, dalam sumbangan penyelidikan saintifik yang akhirnya pembangunan sains dan teknologi dalam kalangan umat Islam tiada kemajuan yang boleh dibanggakan (Mohd Radhi, 2023).

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Walau bagaimanapun, semua ini tidak menafikan peranan agama Islam dalam ilmu sains. Masih ada sumbangan para ulama Islam kini dalam bidang ilmu sains. Contoh yang paling ketara ialah pendekatan yang pelbagai dalam mentafsirkan ayat-ayat Kauniyyat seperti yang dilakukan oleh Sa'id Hawwa, Zaghlul al-Najjar, Harun Yahya dan ramai lagi telah berusaha menyumbang kepada pendekatan kesepaduan sains dan wahyu. Namun menurut Mat Rofa Ismail (2017), pendekatan Sa'id Hawwa dan Zaghlul al-Najjar boleh dijadikan contoh pendekatan ulil-albab yang merenungi alam bumi dan kosmos dengan penuh keinsafan yang akhirnya mengiktiraf keagungan Allah.

Contoh lain sumbangan ulama Islam kini dalam bidang ilmu sains ialah penghasilan fatwa semasa yang berkaitan dengan sains yang sentiasa berkembang berdasarkan faktor-faktor tertentu (Mohd Afandi, 2011). Antara contoh fatwa tersebut adalah seperti hukum-hukum berkaitan dengan pembedahan plastik, bank mani, transplan organ dan mati otak, derma darah, pengklonan manusia, alkohol dalam makanan, minuman, wanigan dan ubat-ubatan, penggunaan vaksin, kaedah khidmat ibu tumpang (*surrogate motherhood*), pengembiran kucing dan lain-lain lagi.

Oleh itu, amat penting untuk umat Islam mengerak langkah ke arah faktor kebangkitan dan perkembangan saintifik, agar jelas tiada pemisahan agama daripada sains, yang akhirnya akan melahirkan umat Islam yang berperanan dalam kepimpinan intelektual dunia. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Ramli Awang, Zulkiflee Haron dan Mohd Nasir Ripin (2012) bahawa perhatian perlu diberikan kepada beberapa perkara:

1. Keperluan mempelajari segala ilmu yang bermanfaat daripada orang lain sama seperti yang telah dilakukan oleh para ilmuwan dan saintis pada awal era Islam. Umat Islam berupaya melepaskan interpretasi *materialism* Barat daripada ilmu sains dan mengantikannya dengan *tauhidisme* dalam paradigma berteraskan *world view* Islam.
2. Keperluan membangun semula kesepaduan antara agama dengan sains tabi'i yang pernah wujud pada zaman kegemilangan tamadun Islam dahulu. Kesedaran ini penting untuk dipupuk dalam kalangan para intelek, saintis, guru sains dan ahli akademik di universiti. Oleh itu, prinsip sains terkini perlu diajar di fakulti pengajian Islam, sekolah agama, dan institusi pendidikan agama yang lain. Akan tetapi perkara ini jangan sampai mengeneplikan atau mengurangkan pengajian Islam itu sendiri. Ini akan memberi peluang kepada para pengkaji dan sarjana agama menggunakan penemuan sains bagi menjelaskan perkara berkaitan dengan hukum syara'.
3. Keperluan melatih pakar dalam semua bidang penting sains, teknologi dan perindustrian dengan menubuhkan pusat penyelidikan yang fokus utama ke arah penyelidikan sains dan agama.
4. Keperluan pengajaran penyelidikan saintifik sebagai dasar penting di seluruh tahap pengajian, tanpa perlu bergantung sepenuhnya pada pihak Barat dalam hal penyelidikan saintifik. Ini juga menyahut kewajipan yang selaras dengan ajaran al-Qur'an.
5. Keperluan kerjasama antara negara-negara Islam dalam bidang penyelidikan saintifik.

<sup>4</sup> Antara rujukan yang digunakan sila lihat: Overbye, D. (2001). "How Islam Won, and Lost, the Lead in Science". The New York Times. <https://www.nytimes.com/2001/10/30/science/how-islam-won-and-lost-the-lead-in-science.html>, Stearns, Justin. 2001. "Writing the History of the Natural Sciences in the Pre-modern Muslim World: Historiography, Religion, and the Importance of the Early Modern Period". History Compass. <https://compass.onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/j.1478-0542.2011.00810.x>, Yousefi, N. al-Din. (2008). Secular Sciences and the Question of "Decline." Iranian Studies, 41(4), 559–579. <http://www.jstor.org/stable/25597490>. Mohd Radhi Ibrahim. (2023). Integrasi Ilmu Menurut Epistemologi Islam. Negeri Sembilan, Malaysia: Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia. Hlm.89-96.

## AL-QUR'AN DAN SAINS

Rumusan dari perbincangan ini, penulis berpendapat pengistilahan "Sains Islam" atau "Sains Moden" atau "Sains Barat" tidak begitu signifikan dan tiada keperluan. Ilmu sains bersifat universal, yang membezakan hanya dari sudut pemahamannya mengikut perspektif orang yang mengkajinya. Jika diistilahkan dengan nama khas beginilah yang menyebabkan agama dan sains itu dilihat terpisah, sedangkan al-Qur'an mengandungi ayat-ayat *Kauniyyat* yang berkaitan dengan disiplin ilmu sains. Istilah "Sains Islam" juga bukan hanya sekadar menyebutkan fakta saintifik dan mendatangkan ayat al-Qur'an yang berkaitan dengannya, malah perlu lebih daripada itu. Maka metodologi *Tafsir 'Ilmi* berperanan menjustifikasi agama Islam tidak terasing daripada ilmu sains. Ia boleh diangkat menjadi metode utama dalam penyelidikan saintifik ayat-ayat al-Qur'an. Dengan cara ini umat Islam mampu bangkit kembali membangun kegemilangan hasil penyelidikan saintifik yang bermatlamat hanya kepada satu tujuan iaitu iman kepada Yang Maha Pencipta alam semesta Allah s.w.t.

Tidak dinafikan juga terdapat banyak kritikan golongan sekular, orientalis dan modernis yang begitu skeptikal terhadap penemuan sains dalam al-Qur'an. Mereka mengatakan setiap kali para saintis menemukan satu fakta sains atau isu kemasyarakatan, maka orang agama terus mengatakan Islam telah awal lagi menemukannya sebelum saintis Barat. Maka untuk menjawab kritikan ini, Dr Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2021) menjelaskan bahawa sebelum para saintis membuat penemuan-penemuan dan sebelum mereka sedari perkara ini, apakah keperluan bagi ulama Islam - yang telah mengetahui hakikat ini dalam al-Qur'an yang masih belum lagi ditemui para saintis - untuk mengatakan ia ada dalam al-Qur'an. Ini bermaksud apabila ada keraguan dan tohmahan dilemparkan terhadap al-Qur'an dan Islam, maka barulah tiba masanya untuk menjelaskannya. Dengan demikian, penulis beranggapan al-Qur'an sudah cukup saintifik kandungannya tanpa perlu diberikan istilah nama khas. Apa yang perlu adalah metode atau manhaj penjelasannya sejajar dengan kaedah *Tafsir 'Ilmi* yang diterima pakai.

## B A B 3

### DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Istilah *Tafsir 'Ilmi* (تفسیر علمی) terdiri daripada dua patah perkataan. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai makna secara khusus dan apabila ditemukan ia bermaksud satu pengertian yang lain pula. Selanjutnya ia menjadi satu istilah moden bagi suatu ilmu yang berkaitan dengan tafsir al-Qur'an.

Maksud *Tafsir* telah dijelaskan sebelum ini. Secara istilah sebagaimana dinyatakan oleh al-Zahabi (2005) *Tafsir* merupakan suatu ilmu yang menghuraikan dan membahaskan tentang apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. melalui ayat-ayatNya sesuai dengan kadar kemampuan atau tahap pemikiran manusia. Ianya merangkumi semua cabang ilmu yang berkaitan dengannya dalam memahami makna dan menerangkan apa yang dimaksudkan.

Sementara perkataan '*Ilmi*' (علمی) berasal daripada kata '*ilm*' (علم) yang secara umum bermaksud ilmu pengetahuan. Dalam konteks perbahasan *Tafsir 'Ilmi* ini, ia

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

merupakan kata sifat bagi tafsir. ‘Ilm adalah kata terbitan yang bermaksud kefahaman dan pengetahuan. ‘Ilm dalam konteks mudah bermaksud sains; iaitu ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematis yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Ia juga adalah satu cabang ilmu pengetahuan berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata, seperti ilmu fizik, kimia, biologi dan lain-lain (Kamus Dewan, 2007). Ilmu sains juga adalah satu kumpulan ilmu yang tersusun dan teratur berkaitan dengan fenomena alam tabi‘i; sama ada yang bernyawa atau pun tidak, dengan kaedah yang objektif melalui kajian eksperimental dan cerapan untuk menghasilkan prinsip dan kenyataan yang boleh dipercayai dan dapat diuji kebenarannya (Sulaiman, 1993 & Mazlan, 2002). Fahd al-Rumi (2005) menjelaskan bahawa ‘Ilm ialah ilmu pengetahuan yang eksperimental dan apa yang berkaitan dengannya daripada ilmu tabi‘i yang terdapat dalam kejadian alam semesta (al-Kawn) seperti fizik, kimia, geologi, biologi, oseanografi, astronomi dan sebagainya. (Ahmad Bazli & Zulkarnain, 2015).

Dari definisi dua perkataan *Tafsir* dan ‘Ilmi di atas, maka gabungan istilah *Tafsir ‘Ilmi* pula bermaksud satu metodologi dalam mentafsirkan al-Qur'an dengan menyingkap hubungan antara ayat-ayat al-Qur'an berkaitan alam semesta (ayat-ayat *Kawniyah*) dengan penemuan kajian ilmu sains teori dari aspek menzahirkan *I'jaz* al-Qur'an dan membuktikan sumber aslinya serta relevansinya pada setiap zaman dan tempat. Kebenaran penemuan saintifik dalam ayat-ayat al-Qur'an itu pula tidak diketahui pada zaman turunnya wahyu (Abu Hajar, 1991). Al-Khalidi (2006) memberikan takrif yang lebih harmoni bagi *Tafsir ‘Ilmi*; iaitu satu trend atau aliran pentafsiran al-Qur'an secara ilmiah yang bertepatan dengan kaedah-kaedah ilmu sains moden dan penjelasan ciri-ciri kandungan saintifik bagi ayat-ayat al-Qur'an selaras dengan ketentuan dan analisis sains moden. (Ahmad Bazli & Zulkarnain, 2015).

Justeru, *Tafsir ‘Ilmi* bukan sekadar membincangkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan penciptaan alam semesta, malah lebih dari itu. *Tafsir ‘Ilmi* menzahirkan kebenaran al-Qur'an dan ilmu sains menjadi bukti keabsahannya sebagai penguat hakikat kebenarannya. *Tafsir ‘Ilmi* juga bukan sahaja berkaitan dengan ilmu sains semata-mata, malah melangkaui kesemua ilmu pengetahuan manusia tanpa batas. Ramai sarjana masa kini telah cuba memperkenalkan istilah-istilah baharu dan lebih moden bagi mewakili *Tafsir ‘Ilmi*. Munirah Abd Razzak (2021) telah menyebutkan beberapa contoh istilah tersebut antaranya ialah *Tafsir ‘Ilmi Tajribi*, *Scientific Exegesis*, *Scientific Interpretation*, *Tafsir Sains*, *Tafsir Saintifik* dan *Tafsir Sains Tauhidik*. Pelbagai justifikasi diberikan oleh para sarjana ini dalam pendefinisian istilah *Tafsir ‘Ilmi* antaranya seperti yang dikemukakan oleh Nor Shamimi, Haziyah dan Wan Nasryudin (2016) bagi menterjemahkan ke Bahasa Melayu, *Tafsir Sains Tauhidik* dilihat lebih sesuai bagi mengelakkan kekeliruan penggunaan istilah sains yang dikemukakan oleh sarjana barat. Ini penting agar tidak menundukkan ayat-ayat al-Qur'an kepada teori-teori ilmiah yang belum terbukti kesahihannya. Pun begitu, walau apa pun istilah baharu diberikan, istilah *Tafsir ‘Ilmi* adalah memadai dan perlu dikekalkan ketulenan istilah tersebut di dalam Bahasa Arab. Majoriti ulama yang memiliki kepakaran dalam bidang *Tafsir* juga lebih cenderung menggunakan ia dalam karya penulisan mereka.

### Matlamat Tafsir ‘Ilmi

Al-Qur'an diturunkan sebagai hidayah melalui *tadabbur* dan pemahaman maksud ayat-ayatnya. *Tadabbur* al-Qur'an sebenarnya bukan satu istilah baru, malah ia termaktub dalam al-Qur'an. Disedari atau tidak, *Tadabbur* berperanan penting dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an menepati konteks yang betul dan seterusnya hidayah dapat diraih. Namun, sayang sekali kita umat Islam seakan terlepas pandang terhadap fungsi *Tadabbur* ini menyebabkan ia seolah-olah diabaikan. Secara tidak langsung pula mengakibatkan isi kandungan al-Qur'an tidak difahami dan dihadam

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

dengan mendalam. Seringkali perkara pembacaan atau tilawah al-Qur'an saja yang dititikberatkan.

Al-Qur'an menekankan perihal *Tadabbur* al-Qur'an melalui empat ayat berasingan. Sungguhpun zahir ayat-ayat tersebut tidak mengisyaratkan suruhan wajib secara langsung, namun tersirat suruhan Allah untuk melaksanakannya. Namun Dr 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani (2009) menyatakan kewajipan *Tadabbur* al-Qur'an adalah sejak era *Makkiy* penurunan al-Qur'an lagi dalam ayat 29 dari surah Saad. Penjelasan bagi setiap ayat berkaitan *Tadabbur* al-Qur'an mengikut turutan era *Makkiy* dan *Madaniy* adalah seperti berikut:

### (1) Surah Saad, ayat 29:

**كُنْ أَوْلَىٰ نَّاسٍ إِلَيْكَ مُبْرُوكٌ لَّمْ يَدْرِوْ أَيْمَانَهُ وَلَيَتَذَكَّرْ أَفْلَأُ الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾**

“(Al-Qur'an ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

(Surah Saad, 38:29)

Ayat ini berada dalam kelompok ayat yang menceritakan tentang hari Kebangkitan, pahala dan dosa serta kelebihan al-Qur'an. Korelasi antara topik hari Kebangkitan, pahala dan dosa dengan topik kelebihan al-Qur'an sangat jelas; iaitu jalan kebahagiaan yang abadi di Akhirat nanti adalah dengan mengikuti al-Qur'an. Ia diturunkan bukan setakat hanya untuk dibaca, bahkan untuk ditadabbur dan difikirkan sedalam-dalamnya tentang makna isi kandungannya. Maka orang-orang yang waras akal dapat mengambil hikmah dan pengajaran daripada al-Qur'an jika benar-benar melaksanakan *Tadabbur*. (Al-Zuhayli, 1998). Profesor Hamka (2017) berkata: "...bukanlah al-Qur'an buat semata-mata dilakukan, melainkan buat difahamkan dan direnungkan sehingga dapat diambil inti sarinya".

### (2) Surah al-Mu'minun, ayat 68:

**أَفَلَمْ يَدْرِوْ الْقَوْلَ أَفْجَاهَهُمْ مَا لَمْ يَرُواٰتْ إِبَاءَهُمْ أَلَّا يُؤْلِمُونَ**

“Maka adakah mereka tidak memikirkan tentang ajaran-ajaran (al-Qur'an) atau adakah telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada bapa-bapa (dan datuk nenek) mereka dahulukala?”

(Surah al-Mu'minun, 23: 68)

Ayat ini menceritakan tentang sikap orang-orang kafir Quraisy yang tidak muhah memikirkan ayat-ayat al-Qur'an. Mereka menyangka perutusan Rasulullah s.a.w. adalah suatu perkara yang bercanggah dengan kebiasaan. Ibnu Juzay al-Kalbi (1995) berpendapat bahawa ayat dalam bentuk pertanyaan ini merupakan celaan bagi orang-orang kafir. Perutusan kenabian Rasulullah s.a.w. bukanlah sesuatu yang baru atau diada-adakan, malah telah pernah diutus nabi-nabi sebelum itu sejak zaman datuk moyang mereka. Maka jika mereka benar-benar mentadabbur al-Qur'an, mereka tidak akan mengingkarinya.

### (3) Surah al-Nisaa' ayat 82:

**أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْكَانَ مِنْ عِنْدِ عَنْبَرِ اللَّهِ لَوْجَدُوا فِيهِ أَخْتِلَافًا كَثِيرًا**

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

"Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Qur'an? Kalaulah al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya".

(Surah al-Nisaa', 4: 82)

Ayat ini berkaitan dengan ayat-ayat sebelumnya berkenaan dengan sikap orang-orang munafiq dalam menghadapi perperangan. Allah s.w.t. menekankan suruhan mentaatiNya dan RasulNya. Orang-orang munafik sememangnya bersikap lain di depan, lain di belakang. Di hadapan Rasulullah, mereka berkata mereka taat. Akan tetapi di belakang Baginda s.a.w., mereka ingkar dan berpaling. Oleh itu, Allah menyatakan persoalan dalam bentuk ingkar (Al-Sabuni, t.t.) tentang apakah alasan mereka tidak mahu *Tadabbur* al-Qur'an. Jika mereka benar-benar meneliti isi kandungan al-Qur'an, nescaya mereka tidak akan berpura-pura. Mereka sebenarnya memang sudah diketahui dan dimaklumi enggan mentadabbur al-Qur'an. Ibnu Kathir berpendapat bahawa ayat ini adalah suruhan dari Allah s.w.t. kepada orang-orang munafik untuk *Tadabbur* al-Qur'an dan laranganNya dari mengingkari atau meninggalkan al-Qur'an (Ibnu Kathir, 2000).

### (4) Surah Muhammad, ayat 24:

**أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبِ أَقْفَالِهِمْ**

"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur'an? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'an)?".

(Surah Muhammad, 47:24)

Ayat ini juga berkaitan dengan keadaan orang-orang munafiq yang berpaling daripada mendengarkan al-Qur'an. Ayat ini berbentuk *istifham* iaitu pertanyaan, akan tetapi membawa maksud celaan. Pertanyaan seperti ini tidak berkehendakkan jawapan, malah membawa maksud hinaan terhadap orang-orang munafiq. Sungguhpun ayat ini berada dalam kelompok ayat tentang kaum munafiq, ia juga ditujukan kepada selain mereka. Al-Zuhayli berkata bahawa zahir ayat menujuk kepada orang-orang kafir (Al-Zuhayli, 1998). Namun demikian, bagaimana situasi umat Islam masa kini? Adakah melaksanakan *Tadabbur* al-Qur'an sehingga tidak termasuk dalam makna ayat ini?!

Dariuraian ayat-ayat tentang *Tadabbur* al-Qur'an ini nyata menunjukkan bahawa tersirat suruhan secara tidak langsung untuk kita memahami, mendalami, meneliti dan merenungkan makna tafsiran ayat-ayat al-Qur'an. *Tadabbur* adalah nama terbitan kepada perkataan "tadabbara" (تدبر). Menurut al-Zamakhshari (2001) maksud *Tadabbur* adalah meneliti sesuatu perkara dan memerhati apa yang ada di sebaliknya dari segi akibat dan penghujungnya. Kemudian al-Zamakhshari mengertikan *Tadabbur* al-Qur'an dengan meneliti, memikirkan, merenung dan memahami dengan betul serta mendalam maksud tersurat dan tersirat dari ayat-ayat al-Qur'an.

Al-Qurtubi (2000) menjelaskan bahawa ayat-ayat yang menyatakan tentang *Tadabbur* membuktikan suruhan untuk melihat, meneliti dan mendalami maksud sebenar ayat-ayat al-Qur'an dan melarang *taklid*. Ini bermaksud *Tadabbur* juga perlu mengikut garispandu yang betul dalam memahami tafsiran yang tepat bagi ayat-ayat al-Qur'an. Al-Ghazali (2001) pula merumuskan bahawa *Tadabbur* al-Qur'an merupakan antara amalan batin semasa pembacaan al-Qur'an. Dr 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani (2009) pula menyatakan bahawa *Tadabbur* adalah satu proses pemikiran yang menyeluruh terhadap makna al-Qur'an sehingga mampu menyampaikan kepada sesuatu

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

isyarat yang terdapat di dalamnya serta mengetahui maksud dan tujuannya dengan lebih jauh dan mendalam (Muhammad Alihanafiah Norasid & Mustaffa Abdullah, 2016). Manakala al-Qaradhawi (2006) mengkategorikan *Tadabbur* makna-makna al-Qur'an antara adab *tilawah* al-Qur'an yang paling utama. Bagi beliau, maksud *Tadabbur* ialah melihat dan memerhatikan apa yang adadi sebalik semua perkara. Ia hampir sama dengan maksud "tafakkur"; akan tetapi *tafakkur* adalah respons jiwa atau akal dengan memerhati bukti yang ada, manakala *Tadabbur* adalah respons jiwa atau akal dengan memerhati pada akibat dan pengakhiran sesuatu

Ayat-ayat tentang *Tadabbur* al-Qur'an yang disebutkan awal tadi juga tersirat suatu hakikat yang menarik. Ayat pertama tentang suruhan *Tadabbur* adalah dalam bentuk pernyataan tentang keperluan kitab al-Qur'an untuk *ditadabbur* dan diambil pengajaran. Kemudian tiga ayat yang lain pula adalah dalam bentuk pertanyaan secara retorik; yang membawa maksud celaan dan hinaan serta dipersoalkan keengganan kaum kafir dan munafiq yang tidak mahu untuk mentadabbur al-Qur'an. Susunan ayat juga berbentuk umum dahulu dan kemudian khusus. Ini menunjukkan bahawa perkara *Tadabbur* al-Qur'an perlu diambil perhatian yang sangat berat dan tidak diabaikan oleh umat Islam agar tidak tergolong dalam golongan yang dicela.

### Tadabbur, Tilawah dan Tafsir

Dalam proses *Tadabbur* al-Qur'an, *Tilawah* dan *Tafsir* memainkan peranan yang sangat penting. Segelintir masyarakat masih kurang memahami perbezaan antara *Tadabbur*, *Tilawah* dan *Tafsir*.

Secara amnya, *Tilawah* (تلاوة) maksudnya sama seperti *Qira'ah* (قراءة): iaitu bacaan atau pembacaan. Cuma terdapat sedikit perbezaan antara keduanya yang dijelaskan oleh al-Raghib al-Asfahani (1421H) secara ringkasnya seperti berikut:

(i) Maksud asal *Tilawah* ialah mengikut sesuatu atas turutan yang boleh dilihat. Firman Allah s.w.t.:

**وَالنَّفَرُ لِذِكْرِهِ**

"Demi bulan apabila mengiringi matahari".

(Surah al-Shams, 91: 2)

(ii) *Tilawah* bermaksud mengikut Kitab-kitab Allah yang diturunkan kepada para Rasul; seperti firman Allah s.w.t.:

**لَيْسُوا أَسْوَاءٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أَمْ هُمْ قَائِمُهُمْ يَسْأَلُونَ إِلَيْهِمْ أَلَّا يَرَوْنَهُمْ وَهُمْ يَسْجُدُونَ**

"Mereka itu tidak sama. Antara Ahli Kitab ada golongan yang tetap beriman (dan berpegang teguh kepada agama Allah dan kepada Nabi Muhammad s.a.w.), mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Qur'an) pada waktu malam semasa mereka bersujud (mendirikan sembahyang)".

(Surah Aal 'Imraan, 3: 113)

Maka maksud *Tilawah* di sini lebih khusus daripada *Qira'ah*; kerana setiap *Tilawah* itu adalah *Qira'ah* dan bukanlah setiap *Qira'ah* itu *Tilawah*.

(iii) *Tilawah* bermaksud *Qira'ah*. Antara ayat al-Qur'an yang menyebutkan pengertian ini seperti firman Allah s.w.t.:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا نُذِكِّرُ عَلَيْهِمْ مَا يَعْلَمُونَ  
رَأَدَهُمْ إِيمَانُهُمْ عَلَىٰ رَبِّهِمْ يُوَكِّلُونَ

“Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakkal”.  
(Surah al-Anfaal, 8: 2)

(iv) *Tilawah* juga bermaksud mengikuti bacaan ayat-ayat al-Qur'an dengan ilmu dan juga mengamalkannya; iaitu melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Allah s.w.t. berfirman:

الَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتَلَوُنَهُ وَهُوَ أَفْلَقُكُمْ بِهِ وَمَن يَكْفُرْ بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

“(Sebahagian orang-orang Yahudi dan Nasrani) yang Kami kurniakan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (sebagaimana ia diturunkan dan tanpa menukar dan mengubah maksudnya), mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman dengannya. Dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang yang rugi”.

(Surah al-Baqarah, 2: 121)

Dari huraian ini, dapat difahami bahawa *Tilawah* bermaksud membaca al-Qur'an dengan memikirkan dan memahami apa yang dibaca (*Tadabbur*) serta mengikuti atau mengamalkannya. Sementara *Qira'ah* pula ialah membaca secara umum tanpa *Tadabbur*. Ini jelas dapat difahami dari firman Allah s.w.t.:

أَقْرَبْنَا سَمْعَكَ الَّذِي حَلَقَ

“Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)”.

(Surah al-'Alaq, 96: 1)

Juga firman Allah dalam ayat yang lain:

فَاقْرَأْهُ وَمَا تَسْرِيْهُ مِنْهُ

“...Oleh itu bacalah apa yang mudah daripada al-Qur'an...”.

(Surah al-Muzzammil, 73: 20)


Dari sini jelas kaitan *Tilawah* dengan *Tadabbur*. *Tilawah* al-Qur'an sepatutnya disertai dengan *Tadabbur*, iaitu membaca diiringi dengan penelitian dan renungan mendalam tentang maksud ayat-ayat yang dibaca. Ini bertepatan dengan pendapat al-Samarqandi (2010) semasa mentafsirkan ayat 24 dari Surah Muhammad bahawa *Tadabbur* al-Qur'an adalah mendengarkan al-Qur'an, mengambil pengajaran dan memikirkan dengan mendalam kandungannya dari aspek janji baik dan janji buruk serta keajabainnya yang banyak sehingga tahu dan mengakui al-Qur'an adalah benar-benar wahyu Allah s.w.t.

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Sementara itu, maksud *Tafsir* (تفسير) telah dijelaskan perincian takrifnya sebelum ini. Secara ringkas, dari sudut istilah sebagaimana dinukilkkan oleh para ulama. Al-Zahabi (2005) merangkumkan kesemua pendapat ulama bagi maksud *Tafsir* dan menyimpulkannya dengan definisi yang lebih sepadu, iaitu:

“Ilmu Tafsir adalah ilmu yang menghuraikan dan membahaskan tentang apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. melalui ayat-ayatNya sesuai dengan kadar kemampuan atau tahap pemikiran manusia. Ianya merangkumi semua cabang ilmu yang berkaitan dengannya dalam memahami makna dan menerangkan apa yang dimaksudkan”.

Dari pengertian Tafsir ini dapat difahami bahawa *Tadabbur* al-Qur'an dapat diperoleh melalui Tafsir ayat-ayat al-Qur'an. Tanpa tafsiran dan huraian ayat-ayat al-Qur'an, *Tadabbur* al-Qur'an sukar dicapai sepenuhnya. Dari penjelasan ini juga dapat disimpulkan korelasi antara ketiga-tiga terma yang dibincangkan ini dalam rajah berikut:



Rajah 1  
Korelasi Antara Tadabbur, Tafsir dan Tilawah

Rajah grafik 1 di atas menunjukkan perkaitan antara tiga terma yang dibincangkan, iaitu: *Tadabbur*, *Tafsir* dan *Tilawah* yang seterusnya membawa kepada hidayah al-Qur'an secara keseluruhan. *Tilawah* dan *Tafsir* berfungsi sebagai mekanisme *Tadabbur* al-Qur'an. Seterusnya menuju matlamat hidayah al-Qur'an yang diimpikan.

Intergrasi antara *Tilawah* dan *Tafsir* dalam mencapai tahap *Tadabbur* al-Qur'an yang sebenar ini sebenarnya dicontohi daripada amalan para Sahabat r.a. sebagai model *Tadabbur* al-Qur'an. Antaranya seperti yang diriwayatkan oleh Abu Abd Rahman al-Sulami menceritakan perihal para Sahabat r.a. huffaz al-Qur'an bahawa apabila turun kepada mereka sepuluh ayat (atau diajarkan kepada mereka sepuluh ayat), mereka tidak akan meneruskan mempelajari ayat yang lain sehinggalah mereka mengetahui ilmu dan amal yang terkandung dalam ayat tersebut. Mereka berkata: “Kami mempelajari al-Qur'an, ilmu dan amal secara serentak”. (Ibnu Taymiyyah, 1997). Sheikh Khalid al-'Akk (1994) memberikan komentar bahawa riwayat ini merupakan nas terawal sebagai bukti untuk kita ketahui cara atau kaedah para Sahabat r.a. mempelajari al-Qur'an, *tafsir* dan *tadabbur*. Dari Mujahid pula beliau berkata: aku bentangkan mashaf ke atas Ibnu 'Abbas (maksudnya membaca) sebanyak tiga kali bentangan (ada riwayat lain mengatakan 30 kali); aku berhenti pada

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

setiap ayat, lalu menanyakan beliau tentang ayat tersebut. (Ibnu Taymiyyah, 1997 & Ibnu Kathir, 2000).

Dari penjelasan ini nyata bahawa matlamat utama Tafsir 'Ilmi adalah tadabbur. Oleh kerana itu, didapati ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan ayat-ayat Kauniyyat sering diiringi dengan suruhan dalam bentuk pertanyaan agar melihat, mendalami dan memikirkan segala ayat-ayat Allah berkaitan alam semesta. Misalnya firman Allah s.w.t.:

وَمِنْ شَرَّتِ النَّخْيِلِ وَالْأَعْنَبِ لَعَذْدُونَ مِنْهُ سَكَرٌ أَوْ زَقْ حَسَنًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِيَّةً لِّقَوْمٍ يَعْقُلُونَ ﴿٧﴾

*“Dan daripada buah kurma dan anggur kamu membuat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik (yang tidak memabukkan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat suatu tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang menggunakan akal fikiran”.*

(Surah al-Nahl, 16: 67)

وَمِنْ أَيْمَنِهِ أَنْ حَقَّ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ كُلُّ أَرْوَاحِ السَّكُونِ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ  
مَوْدَةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِيَّةً لِّقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ ﴿٨﴾

*“Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadaNya dan dijadikanNya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir”.*

(Surah al-Ruum, 30: 21)

وَفِي الْأَرْضِ عَيْنٌ لِّمَوْقِنٍ ﴿٩﴾ وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفْلَامٌ بَصِرُونَ ﴿١٠﴾

*“Dan di bumi terdapat tanda-tanda keesaan dan kekuasaan Allah bagi orang-orang yang yakin. Dan (begitu juga) pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mau memerhatikannya?”*

(Surah al-Zaariyat, 51: 20 - 21)

Dari perbincangan ini, Mazlan Ibrahim (2002) menyimpulkan tiga tujuan utama *Tafsir 'Ilmi* ayat-ayat Kauniyyat, iaitu:

(1) Menetapkan keyakinan kewujudan Allah s.w.t. sebagai Tuhan Yang Maha Pencipta seluruh alam. Hakikat ilmiah yang ada pada langit, bumi, bahkan diri manusia sendiri menjadikan manusia memikir, mengkaji dan meneliti perincian keunikan kejadian alam ini. Akhirnya akal akan dapat mengiktiraf adanya Allah s.w.t. yang Maha Berkuasa mencipta semuanya. Ini sebagaimana yang disarankan oleh al-Ghazali (1988) agar memikirkan tentang ciptaan Allah dan bukan memikirkan pada hal berkait dengan zat Allah. Ini bermaksud bahawa ilmu mengenali zat Allah adalah setinggi-tinggi ilmu. Ia tidak dapat ditanggung oleh kebanyakan akal dan kefahaman. Oleh itu, ilmu selainnya adalah dikehendaki untuk sampai kepadanya (al-Ghazali (terj.), 2021).



Sumber: Adobe Stock oleh MVProductions

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

(2) Menolak dan membantah pendapat golongan kafir dan seumpama mereka yang tidak mengimani kewujudan Allah s.w.t. Hujah mereka adalah iman atau keyakinan hanya akan wujud menerusi pencapaian perkara oleh lima pancaindera utama manusia; dilihat, dirasa, dihidu, didengar dan disentuh. Dengan hasil kajian ilmiah yang dilaksanakan terhadap ayat-ayat *Kauniyyat* dan dibuktikan kebenarannya dengan eksperimen alat-alat saintifik yang moden dan berteknologi canggih, barulah golongan seperti ini akan terkunci mulut mereka dan terhenti akal mereka untuk melawan kewujudan Allah.



Sumber: Adobe Stock oleh Anna


Kita boleh ambil contoh kejadian benda yang lebih kecil daripada atom atau *zarrah*. Kajian saintifik pada kurun ke-20 telah membuktikan bahawa atom terbahagi kepada bahagian yang lebih kecil yang kandungannya dikenali sebagai *nucleus* dan *electron* (Madhat Hafiz Ibrahim, 1993). Ini direkodkan dalam firman Allah s.w.t.:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِنَا الْسَّاعَةُ قُلْ بَلْ وَرَبِّنَا لَتَأْتِنَّنَا مَعْلَمَ الْعِيَّبِ  
لَا يَعْزِزُ عَنْهُ مَقْالٌ ذَرَقَ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا  
أَكْبَرُ لِأَفْكَثُ مُؤْمِنٍ ﴿١١﴾

*“Dan orang-orang yang kafir berkata: “Hari Kiamat itu tidak akan datang kepada kami.” Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): “Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanmu, hari Kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu. Dialah yang mengetahui perkara ghaib. Tidak akan luput daripada pengetahuanNya sekalipun sebesar zarrah sama ada yang ada di langit dan juga di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil daripada itu dan tidak ada yang lebih besar melainkan semuanya (tertulis) di dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh)”.*

(Surah Saba', 34: 3)

### Inside the Atom



Sumber: <https://www.toppr.com/ask/content/concept/discovery-of-electrons-and-protons-202784/>

(3) Antara wasilah moden untuk mendapatkan dalil kemukjizatan al-Qur'an adalah *Tafsir 'Ilmi*. Ini juga membuktikan pemeliharaan Allah s.w.t. terhadap al-Qur'an sebagai peringatan untuk seluruh manusia hingga ke akhir zaman. Allah s.w.t. berfirman:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

"Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Qur'an dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan)".

(Surah al-Hijr, 15: 9)

### Sejarah Kemunculan dan Perkembangan Tafsir 'Ilmi

Sebenarnya agak sukar menentukan titik permulaan munculnya metode Tafsir 'Ilmi ini. Sesetengah pengkaji mengategorikannya sebagai metode tafsir terkini. Akan tetapi apabila diteliti dan dikaji lebih mendalam, pentafsiran al-Qur'an secara saintifik dan ilmiah sudah bermula seawal zaman Sahabat r.a. Hanya sahaja metode ini tidak diberikan nama khas atau istilah secara spesifik.

Perkembangan Tafsir 'Ilmi sangat perlahan namun seiring dengan proses pentafsiran al-Qur'an secara umum. Para Sahabat r.a. memahami nas-nas ayat *Kauniyyat* mengikut tahap keilmuan dan kefahaman mereka bersesuaian dengan keadaan zaman. Tiada keperluan mendesak untuk mendalami ayat-ayat *Kauniyyat* kerana mereka berjaga-jaga agar tidak terjerumus dalam pentafsiran yang batil. Oleh kerana itu, para Sahabat r.a. meninggalkan banyak ayat-ayat *Kauniyyat* tanpa pentafsiran yang mendalam. Mereka merasa cukup hanya dengan *manhaj* mereka tersendiri sahaja menurut tahap kefahaman masing-masing. Mereka mentafsirkan ayat-ayat *Kauniyyat* dengan tidak menyalahi aspek bahasa dan juga dari al-Qur'an itu sendiri dan al-Sunnah (Al-Musleh, 2011). Pun begitu, ulama Islam tidak lalai dalam penelitian mereka terhadap pentafsiran ayat-ayat *Kauniyyat* apabila mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an, malah mereka mencuba menyelami tafsirannya sedaya usaha mereka sesuai dengan ilmu dan pengetahuan yang ada pada zaman mereka ('Urjun, 1989). Antara contoh Tafsir 'Ilmi dari kalangan Sahabat, Tabi'in dan para mufassir muktabar seperti yang berikut:

- Ibnu 'Abbas r.a. (wafat tahun 68H)

Ibnu 'Abbas antara para Sahabat yang mentafsirkan sebahagian ayat-ayat al-Qur'an secara tafsir 'ilmi. Antara contohnya seperti pentafsirannya bagi firman Allah s.w.t.:

أَوْلَئِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا تِقَافِنَتَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ  
الْمَاءَ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٤﴾

"Dan tidakkah orang-orang yang kafir itu memerhatikan bahawa langit dan bumi kedua-duanya dahulu bercantum (satu) lalu Kami pisahkan kedua-duanya. Dan Kami telah menjadikan tiap-tiap sesuatu yang hidup itu daripada air. Maka tidakkah mereka mau beriman?".

(Surah al-Anbiyaa', 21: 30)

Ibnu 'Abbas mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa memang dahulunya langit itu terpadu, tidak dapat menurunkan hujan; dan bumi terpadu dengannya sehingga tidak dapat menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Setelah Allah menciptakan bagi bumi orang yang menghuninya, maka Dia memisahkan langit dari bumi dengan menurunkan hujan, dan memisahkan bumi dari langit dengan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan (Ibnu Kathir, 2000).

Contoh lain diriwayatkan ada seorang lelaki bertanya kepada Ibnu 'Abbas r.a.: Terdapat dua ayat di dalam kitab Allah menyalahi antara satu sama lain. Sesungguhnya aku datang untuk mendapatkan pendapatmu. Dua ayat tersebut ialah firman Allah s.w.t.:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

قُلْ إِنَّمَاٰ لَتَكْفِرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ وَجَعَلَ عَلَيْنَ لَهُ أَنْدَادًا ذَلِكَ  
رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَسَىٰ مِنْ فُوْقَهَا وَنَزَكَ فِيهَا قَوْمٌ فِي أَفْوَاهِهِنَّ  
أَرْبَعَةٌ أَيَّاً وَرَوَاهُ سَوَآءٌ لِلْسَّابِلِينَ ﴿٢﴾ ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا  
وَلِلْأَرْضِ أَثْنَيْنِ طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتْ أَلَيْنَا طَآبِعِينَ ﴿٣﴾

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Mengapa kamu mengingkari Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua hari (masa), dan kamu pula mengadakan sekutu-sekutu bagiNya. Yang demikian (sifat dan kekuasaanNya) ialah Allah, Tuhan Pencipta dan Pentadbir sekalian alam. Dan Dia menjadikan gunung-ganang di atasnya, serta Dia memberkatinya (dengan berbagai-bagai kebaikan) dan menentukan makanan-makanan (rezeki bagi keperluan hidup penduduknya) dalam empat hari (masa) memadai untuk memenuhi keperluan mereka yang memerlukannya. Kemudian Dia menujukkan kehendakNya untuk menciptakan langit sedang langit itu masih berupa asap lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: "Kamu berdua turutlah perintahKu sama ada dengan sukarela atau terpaksa." Kedua-duanya berkata: "Kami berdua taat menurut perintahMu".

(Surah Fussilat, 41: 9 – 11)

وَلِلْأَرْضِ بَعْدَ ذَلِكَ دَحْمَهَا ﴿١﴾

"Dan sesudah itu dihamparkanNya bumi (untuk kemudahan penduduknya)".

(Surah al-Naazi'aat, 79: 30)

Ibnu 'Abbas menjawab: "Bumi diciptakan sebelum langit. Kemudian langit diciptakan kemudian dihamparkan bumi selepas diciptakan langit". (al-Tabari, 1999 dan athar riwayat al-Bukhari).

Contoh lain lagi firman Allah s.w.t.:

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا

"Allah jualah yang meninggikan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu lihat ...".

(Surah al-Ra'd, 13: 2)

Ibnu 'Abbas berkata: "Tidak diketahui kemungkinan ada tiang akan tetapi kalian tidak melihatnya". (al-Suyuti, 1998)

- Mujahid (21 – 104H)

Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجَ بَتْلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada percantuman air mani (laki-laki dan perempuan) yang Kami hendak mengujinya (dengan berbagai-bagai kewajipan), oleh itu Kami menjadikannya mendengar dan melihat".

(Surah al-Insaan, 76: 2)

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Mujahid (1989) berkata bahawa maksud أَنْشَأْنَا di sini ialah air mani lelaki dan air mani perempuan bercampur salah satu dengan yang lainnya. Lalu Allah jadikan daripada kedua-duanya makhluk lain (anak).

- Ibnu Jarir al-Tabari (224 – 310H)


Firman Allah s.w.t.:

فَلَمَّا أَقْبَلُوا عَلَى الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا جَاءَ سِلَالٌ لِعَاهَمْ  
يَهْتَدُونَ ﴿١﴾

"Maka Aku bersumpah dengan bintang-bintang. Yang beredar dan terbenam".

(Surah al-Takwir, 81: 15 - 16)

Ibnu Jarir al-Tabari (1999) berkata bahawa ahli tafsir berlainan pendapat tentang maksud ayat ini. Sebahagian mereka mengatakan ia adalah lima planet yang beredar di paksinya, kemudian ia kembali dan terbenam. Lalu ia bersembunyi di tempatnya seperti rusa bersembunyi di dalam gua. Lima planet tersebut adalah Marikh (火星/Mars), Zuhal (土星/Saturn), Merkuri (水星/Mercury), Venus (金星/Venus) dan Musytari (木星/Jupiter). Ia adalah planet yang hilang cahayanya apabila siang, dan beredar dan terbenam apabila malam.



Sumber: <https://www.nationalgeographic.com/science/art-cle/160120-planet-parade-stargazing-astronomy>

- Ibnu Kathir (701 – 774H)

Allah s.w.t. berfirman:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا جَاءَ سِلَالٌ لِعَاهَمْ  
يَهْتَدُونَ ﴿١﴾

"Dan Kami telah menjadikan gunung-ganang di bumi supaya bumi itu tidak bergoncang bersama-sama mereka dan Kami telah menjadikan padanya jalan-jalan yang luas sebagai tempat lauan supaya mereka dapat petunjuk (arah yang hendak dituju)".

(Surah al-Anbiyya', 21: 31)

Ibnu Kathir (2000) berkata maksudnya adalah gunung-ganang yang mengukuhkan, memantapkan dan memperberat bumi; agar ia tidak goncang Bersama manusia, iaitu goncang dan bergerak sehingga mereka tidak dapat tenang di dalamnya. Kerana, gunung-ganang itu tertutup di dalam air melainkan seperempatnya sahaja yang menjulang di udara dan mendekati matahari, agar penghuninya boleh menyaksikan langit seta tanda-tanda yang melimpah, hikmah-hikmah dan petunjuk yang terkandung di dalamnya. Maka itu Dia berfirman:

أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ

"Supaya bumi itu (tidak) goncang bersama mereka".

Maksudnya agar bumi tidak menggoncangkan mereka (Alu Syaikh (terj.), 2023).

Demikian antara sedikit contoh pentafsiran para ulama salaf dari kalangan Sahabat, Tabi'in r.a. dan juga ulama selepas mereka. Pentafsiran ilmiah ayat-ayat al-Qur'an bergerak sama dengan metode dan aliran tafsir yang lain. Cuma saja ia tidak dikenali dengan nama atau istilah khusus dan hanya mula giat dikaji apabila kajian-kajian ilmu sains mula berkembang. Oleh kerana itu, metode dan aliran *Tafsir 'Ilmi* terdapat dalam hampir kesemua kitab tafsir, lebih-lebih lagi kitab-kitab tafsir kontemporari.

### Hukum dan Kedudukan Tafsir 'Ilmi

*Tafsir 'Ilmi* tergolong dalam pendekatan pentafsiran al-Qur'an secara *al-Ra'y* (رأي) atau pendapat dan ijтиhad. Sebagaimana *Tafsir bi al-Ra'y* (التفسير بالرأي) perlu menepati syarat-syarat penerimaannya, begitu juga *Tafsir 'Ilmi* terdapat golongan yang menolak dan ada juga yang menerimanya. Setiap golongan ini mengutarakan pendapat dan hujah masing-masing dalam mempertahankan prinsip mereka dalam penerimaan *Tafsir 'Ilmi*.

Para ulama berbeza pendapat tentang *Tafsir 'Ilmi* sejak abad pertama, secara khusus pada zaman 'Abbasiyyah. Antara yang paling menonjol dan aktif menaikkan aliran *Tafsir 'Ilmi* ini ialah Abu Hamid al-Ghazali. Kemudian aliran ini semakin berkembang dengan tafsiran Fakhruddin al-Razi, al-Qadhi Abu Bakr bin al-'Arabi, Ibnu Abi al-Fadhl al-Mursi, dan Jalal al-Din al-Suyuti. Akan tetapi dalam masa yang sama, aliran ini ditentang hebat oleh orang lain.

Abu Hamid al-Ghazali yang paling menyokong pentafsiran saintifik dengan cara yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan beliau banyak menyebutkannya di dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din* dan *Jawahir al-Qur'an*. Dalam kitab *Ihya'* beliau mengkhususkan bab keempat tentang adab membaca al-Qur'an dikhurasukan untuk memahami al-Qur'an dan pentafsirannya secara *al-Ra'y*. Al-Ghazali mengatakan bahawa al-Qur'an mengandungi rujukan kepada koleksi ilmu yang tidak berkesudahan, dan beliau juga berkata bahawa bagi setiap ayat terdapat enam puluh ribu pemahaman, dan apa yang tertinggal baki dalam pemahamannya lebih banyak (al-Ghazali, 2001).

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

Kemudian al-Ghazali menjelaskan lanjut dalam kitabnya *Jawahir al-Qur'an* yang terkemudian daripada kitab *Ihya'*, dia menjadikan bab keempat dan kelima di dalamnya tentang semua ilmu agama dan dunia, seumpama ilmu perubatan dan bintang-bintang (astronomi), ilmu tentang keadaan alam (geografi), dan ilmu berkenaan bentuk badan haiwan dan potongan-potongan anggota badannya (anatomji), dan sebagainya. Kemudian di akhir bab beliau menyarankan agar berfikir tentang isi kandungan al-Qur'an dan carilah segala keajaibannya; nescaya akan menemui padanya tempat terkumpul dan terkandungnya ilmu orang-orang terdahulu dan terkemudian, juga segala perkara dasar dan asasnya (al-Ghazali, 1988 & (ter.) 2021).

Selain Imam al-Ghazali, Imam Fakhruddin al-Razi juga mengangkat panji *Tafsir 'Ilmi* setinggi-tingginya. Al-Razi tidak meninggalkan ayat yang berbicara tentang langit dan bumi, lautan, sungai, gunung, dan segala ayat-ayat berkaitan alam semesta melainkan dia berusaha menafsirkannya menurut apa yang boleh dicapai oleh pengetahuan pada zamannya. Kemudian Imam al-Zarkashi di dalam kitabnya *al-Burhan* (2001) dan Imam al-Suyuti di dalam kitab *al-Itqan* (1998), kedua-duanya terkesan dengan al-Ghazali dan menukil pendapatnya bahawa al-Qur'an mengandungi tujuh puluh tujuh ribu ilmu, dan setiap kalimah mempunyai zahir dan batin, batas dan permulaan (al-Ghazali, 1988). Kemudian Imam al-Suyuti menukil banyak perkara berkaitan *Tafsir 'Ilmi* daripada Abi Al-Fadl Al-Mursi, dan al-Qadhi Abi Bakr bin al-'Arabi.

Selepas era mereka ini, zaman moden datang dengan pembongkaran dan ilmu pengetahuan tentang rahsia alam. Antara mereka termasuk Imam al-Qasimi dalam tafsirnya, Sheikh Muhammad Rasyid Reda, Sheikh Muhammad Abdullah Daraz, dan Sheikh Muhammad Mutwally al-Sha'rawi. Mereka banyak membicarakan tentang penemuan saintifik, dan mengaitkannya dengan ayat-ayat al-Qur'an serta penemuan saintifik, dan kemukjizatan saintifik (*al-I'jaz al-'Ilmi*) dalam al-Qur'an.

Juga Syeikh Tantawi Jawhari dan tafsirnya yang terkenal dalam trend *Tafsir 'Ilmi* adalah tafsiran keseluruhan al-Quran. Begitu juga Dr. Muhammad al-Ghamrawi dalam kitabnya *al-Islam fi 'Asr al-'Ilm* (Islam di Zaman Ilmu Saintifik), Hanafi Ahmed dalam kitabnya *al-Tafsir al-'Ilmi li al-Ayat al-Kawniyah* (*Tafsir 'Ilmi* bagi Ayat-Ayat Kawniyat), Dr. Abdul Aziz Ismail dalam kitabnya *al-Islam wa al-Tibb al-Hadith* (Islam dan Perubatan Moden), dan Dr Abdul Razaq Nawfal yang menulis kitabnya *al-I'jaz al-'Adadi* (Kemukjizatan al-Qur'an dari Aspek Nombor).

Antara mereka ini terdapat golongan yang melampau dan keterlaluan dalam mentafsir ayat al-Qur'an secara saintifik, seperti Tantawi Jawhari. Majoriti kalangan ulama Tafsir moden menolak kitab tafsir Tantawi dan meletakkannya di dalam kategori kitab tafsir yang menyeleweng, seperti yang ditegaskan oleh Dr Solah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (2006). Pun begitu, Dr Fadhl 'Abbas (2016) bersikap berkecuali dengan mempertahankan tafsir *al-Jawahir* karangan Tantawi sebagai satu khidmat dan sumbangan dalam arena pentafsiran al-Qur'an secara saintifik. Cuma saja memang diakui wujudnya beberapa kekurangan di dalam kitab tersebut, sama seperti kitab-kitab lain yang pasti ada banyak kekurangan. Antara kecacatan kitab *al-Jawahir* Tantawi ini ialah seperti sering mengeluarkan ugutan atau ancaman terhadap umat Islam khususnya para ulama dan terlalu berbangga dengan kitab tafsirnya sendiri, terlampau mengangkat kata-kata ilmuwan Barat sebagai dalil, terlalu banyak gambar, dan sangat gemar bercakap tentang roh sehingga mengaitkannya dengan ilmu menghadirkan roh (Fadhl 'Abbas, 2016). Bagi penulis sendiri, cukuplah kita merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang lebih muktabar atas manhaj Ahli Sunnah WalJama'ah.

Dalam masa yang sama, terdapat barisan pembangkang yang menentang aliran *Tafsir 'Ilmi* ini, dan

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

kebanyakan mereka adalah yang pakar dalam ilmu syari'ah dan sastera, diketuai oleh Imam al-Shatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqat*, Sheikh Mahmud Shaltut dalam tafsirnya, 'Abbas al-'Aqqad dalam karangannya *al-Falsafah al-Qur'aniyyah* (*Falsafah al-Qur'an*), Dr. Muhammad Hussein al-Zahabi dalam kitab masyhurnya *al-Tafsir wa al-Mufassirun*, dan Amin al-Khouli dalam beberapa kitabnya. Mereka menyebut banyak perkara seperti mengingkari *Tafsir 'Ilmi*, dan menegaskan bahawa al-Qur'an adalah kitab hidayah, dan bukan teori kejuruteraan, perubatan, atau astrologi. Mereka juga menekankan bahawa al-Qur'an menyeru kepada ilmu yang membimbing manusia kepada jalan Allah s.w.t.

### Pengharmonian Antara Pendapat Dua Golongan Menolak dan Menerima

Jika dilihat perkembangan masa kini, ramai pengkaji moden lebih bersifat *neutral* dalam hal *Tafsir 'Ilmi*. Mereka lebih terbuka minda dalam menerima pentafsiran al-Qur'an secara saintifik, asal sahaja menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Alasan mereka adalah ayat-ayat al-Qur'an sememangnya perlu difahami dan ditadabbur maknanya; tidak kira sama ada yang berkaitan dengan kisah-kisah umat terdahulu, hukum syari'at, akidah dan sebagainya. Ini termasuk ilmu-ilmu yang berkaitan dengan *Kauniyyat* yang terbukti lebih menimbulkan keinsafan dan meningkatkan keimanan terhadap kekuasaan Allah s.w.t.

### Syarat Penerimaan Tafsir 'Ilmi

Setelah perbincangan pendapat-pendapat ulama berkaitan penerimaan dan penolakan aliran tafsiran al-Qur'an secara saintifik ini, dan solusi bagi mengharmonikan kedua-dua pendapat tersebut; dapat difahami bahawa *Tafsir 'Ilmi* dibolehkan dan ia dikategorikan sebagai metode *Tafsir bi al-Ra'y*. Selagi mana menepati syarat-syarat *Tafsir bi al-Ra'y* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, *Tafsir 'Ilmi* juga boleh diterima dengan tambahan beberapa syarat yang lain. Antaranya seperti yang berikut (Al-Musleh, 2011):

- (i) Mengetahui kaedah-kaedah Tafsir.
- (ii) Mengetahui bahasa Arab dan kaedah-kaedah Nahu serta ilmu Usuluddin.
- (iii) Memiliki anugerah kefahaman ilmu yang mendalam untuk tadabbur ayat-ayat al-Qur'an.
- (iv) Tidak memutuskan secara pasti tafsiran yang diberikan itu adalah makna sebenar nas al-Qur'an dan mendakwa apa yang selainnya adalah salah. Malah perlu ditekankan tafsiran yang diberikan itu tidak memberi kesan terhadap kesucian ayat-ayat al-Qur'an. Ini kerana pentafsiran al-Qur'an berdasarkan teori dan hipotesis masih boleh berubah dan menyebabkan kesamaran jika teori dan hipotesis itu salah dan tidak signifikan.

Selain itu, terdapat juga beberapa **syarat yang perlu diambil kira dari aspek ilmu sains dalam penyelidikan tafsiran al-Qur'an secara saintifik** ini, antaranya (Jami'ah al-Madinah al-'Alamiyyah, 2009):

Pertama	Ilmu sains yang diseru oleh Islam ialah ilmu yang membimbing manusia kepada petunjuk dan kebaikan di dunia dan akhirat.
Kedua	Al-Qur'an menghuraikan secara meluas tentang alam semesta, dan menarik perhatian para ulama kepada tanda-tanda kekuasaan dan penciptaan di alam semesta ini yang membawa kepada mentauhidkan Allah.
Ketiga	Kemukjizatan al-Qur'an tidak bergantung sepenuhnya pada persamaan hasil penemuan ilmiah terkini dengan beberapa ayat al-Qur'an. Kemukjizatan al-Qur'an sudah terbukti dengan cara yang tidak terkira banyaknya sebelum penemuan saintifik ini menjadi jelas.

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Keempat	Mustahil ada fakta saintifik yang bercanggah dengan al-Qur'an, kerana Pencipta alam semesta dan yang menurunkan al-Qur'an adalah Allah, maka mustahil untuk kedua-duanya bertentangan.
Kelima	Al-Qur'an tidak memerlukan ilmu sains moden untuk membuktikan kesahihannya, manakala ilmu sains moden perlu dibuktikan kesahihannya. Oleh itu, tidak adil untuk menilai apa yang terdapat dalam penemuan saintifik, dalam masa yang sama kita menilai kalam Allah kepada kata-kata manusia.
Keenam	Hakikat saintifik adalah suatu perkara, dan mentafsirkan al-Qur'an dengan hakikat saintifik dan mengimplikasikan ke atasnya dengan sewenang-wenangnya adalah suatu perkara yang lain. Bukan suatu keperluan yang wajib untuk membawa setiap hakikat saintifik kepada nas-nas al-Qur'an dan mentakwil maknanya. Sesungguhnya al-Qur'an telah mendahului sains moden.
Ketujuh	Kita mesti melihat semua yang ada di dalam al-Qur'an sebagai fakta dan hakikat sebenar. Apa sahaja penemuan saintifik moden yang menepati al-Qur'an pasti kita menerimanya, dan jika tidak, maka teori-teori tersebut tertakluk kepada eksperimen dan penelitian. Hal ini kerana ia mungkin boleh saja benar hari ini dan kemudian dinafikan esok. Sedangkan al-Qur'an adalah kalam Allah yang benar, yang tidak datang kepadanya kebatilan dari mana atau apa pun juga.
Kelapan:	Perlu mengambil kira makna pembendaharaan kata seperti yang digunakan semasa al-Qur'an diturunkan, dan perlu berhati-hati dengan perubahan yang berlaku kepadanya selepas beberapa kurun berlalu.
Kesembilan:	Tidak boleh kita menyimpang dari kebenaran lafaz al-Qur'an, walaupun ia bertukar kepada makna metafora, kecuali ada petunjuk dan tanda yang membolehkannya.
Kesepuluh:	Perlu diperhatikan <i>uslub</i> retorik atau aspek <i>balaghah</i> dalam al-Qur'an.
Ke sebelas:	Sesuatu lafaz al-Qur'an tidak terhad kepada satu makna sahaja dan tidak boleh menolak makna-makna selebihnya yang betul tanpa ditarikhkan terlebih dahulu.
Kedua belas:	Semua ayat al-Qur'an yang membicarakan topik yang sama mesti digabungkan, dan kita tidak boleh pasti bahawa apa yang diperkatakan mengenainya adalah fakta saintifik yang akan kekal seperti ini selama-lamanya. Banyak yang ditemukan oleh saintis, dan mereka berkata bahawa ia adalah fakta saintifik, dan ia kekal untuk masa yang lama, lalu datang sesuatu menyangkalnya dan menggoncang asasnya selepas itu.

Sehubungan itu, perlu kita tahu bahawa fakta-fakta yang diperoleh manusia bukan sesuatu yang konklusif, sedangkan hakikat ayat-ayat al-Qur'an adalah muktamad selama-lamanya.

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

### Perbezaan Tafsir 'Ilmi dan I'jaz 'Ilmi

Wujud salah faham dan kekeliruan seputar perbahasan *Tafsir 'Ilmi* dan *I'jaz 'Ilmi* (إعْجَازٌ عِلْمِي). Ramai kalangan pengkaji ilmu Tafsir menganggap *Tafsir 'Ilmi* adalah *I'jaz 'Ilmi* dan begitu juga sebaliknya. Mereka meletakkan kedua-duanya dalam satu perbahasan tanpa membezakannya. Ini seperti yang dilakukan oleh Fadhl Hasan 'Abbas (1999) dan al-Rumi (2005). Kekeliruan ini perlu diambil perhatian serius dan diberi solusi pencerahan tentang perbezaan kedua-dua istilah ilmu tersebut. Yusuf al-Qaradhawi (2006) adalah antara ilmuan yang memberikan penekanan terhadap perkara ini apabila beliau mengkhususkan satu sub tajuk khusus bagi menyatakan perbezaan *Tafsir 'Ilmi* dan *I'jaz 'Ilmi*.

Ruang lingkup *Tafsir 'Ilmi* adalah terlalu luas, manakala *I'jaz 'Ilmi* pula lebih khusus dan mendalam skop perbincangannya. Bukanlah setiap *Tafsir Ilmi* itu adalah *I'jaz Ilmi*, akan tetapi setiap *I'jaz Ilmi* itu memang menggunakan metode *Tafsir Ilmi* (Al-Qaradhawi, 2006).

*I'jaz* (إعْجَازٌ) secara ringkas bermaksud sesuatu yang melemahkan sesuatu yang lain. Dalam ertikata *I'jaz al-Qur'an* (إعْجَازُ الْقُرْآنِ) pula, ia bermaksud aspek kemukjizatan al-Qur'an yang melemahkan manusia untuk mendatangkan serupa dengan al-Qur'an. Ia adalah apa yang ada pada al-Qur'an hingga dapat melemahkan sesiapa saja yang mencabar, menentang dan enggan mempercayainya serta menjadi mukjizat Nabi s.a.w. hingga akhirat. Kemudian istilah *I'jaz al-Qur'an* ini menjadi satu ilmu yang khusus membahaskan kehebatan al-Qur'an sebagai mukjizat agung Nabi s.a.w. (Sarinah Yahya, 2016).

Maka *Tafsir 'Ilmi* adalah salah satu metode untuk mencapai tahap *I'jaz 'Ilmi*. Tanpa menggunakan metode *Tafsir 'Ilmi*, kemukjizatan al-Qur'an dari aspek saintifik dan ilmiah tidak dapat dibuktikan. Inilah titik kekeliruan yang selalu menyebabkan ramai yang tergelincir dalam menjelaskan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an berkaitan alam semesta.

### Metodologi Penyelidikan Tafsir 'Ilmi

Trend pentafsiran al-Qur'an mengalami perubahan demi perubahan. Dari sejak zaman Rasulullah s.a.w. sebagai mufassir pertama bagi ayat-ayat Allah s.w.t., kemudian diteladani oleh para Sahabat r.a. Seterusnya diwarisi oleh para Tabi'in dan Tabi' al-Tabi'in r.a. Sehinggalah hari ini, model dan acuan Tafsir al-Qur'an berubah menurut zaman. Ini seterusnya memanifestasikan paradigma Tafsir al-Qur'an yang beranjak maju menyelusuri perubahan waktu dan melangkaui sempadan turunnya al-Qur'an. Kemudian bermulalah aliran Tafsir al-Qur'an kontemporari yang dipelopori oleh para ulama timur tengah sehingga berkembang menuju ke Nusantara. Ini menghasilkan sebuah model bersandarkan kepada metode gabungan yang mantap dan diperakui benar dalam penyelidikan berkaitan dengan pentafsiran al-Qur'an berpandukan sumber-sumber yang diiktiraf sahih dan bebas dari penyelewengan.

Penyelidikan akademik dan ilmiah masa kini semakin mendapat perhatian. Masyarakat awam sudah cerdik menilai tahap dan kualiti sesuatu kajian ilmiah dan kesahan maklumat yang disampaikan, meskipun mereka bukan berlatar-belakangkan dunia akademik sepenuhnya. Pembangunan pesat segala kemudahan teknologi yang tinggi juga membantu penyaluran ilmu dan senang diakses serta disebarluaskan. Begitu juga penyelidikan bidang Pengajian Islam turut tidak ketinggalan mengalami perubahan yang baik ini. Pun begitu, di sebalik aspek positif, pasti wujud sisi negatif yang setentunya memberi impak yang kurang baik dan mencalar imej dunia akademik secara umum dan pengajian Islam secara khusus.

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Antara usaha yang perlu diteliti semula adalah menelusuri kembali sejarah penyelidikan dalam ruang lingkup agama Islam. Menjadi satu keperluan untuk membongkar penyelidikan Tafsir al-Qur'an sebagai asas utama bagi penyelidikan Pengajian Islam. Ayat-ayat al-Qur'an dijadikan panduan asas dalam menjelaskan perihal penyelidikan menurut perspektif Islam. Sejarah pentafsiran al-Qur'an kemudian ditelusuri melalui teks riwayat para Sahabat r.a. dan Tabi'in serta penulisan ulama masa kini.

### Saranan Penyelidikan dalam Al-Qur'an

Terma penyelidikan dalam al-Qur'an disebut dengan istilah "Tadabbur". Allah s.w.t. berfirman:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْكَانَ مِنْ عِنْدِنِي عَيْرُ اللَّهِ لَوْجَدُوا فِي هُوَ أَخْيَالًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Tidakkah mereka itu memerhatikan (dan memikirkan tentang) al-Qur'an? Kalaualah al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapat perselisihan yang banyak di dalamnya".

(Surah al-Nisaa', 4: 82)

Firman Allah s.w.t. lagi dalam ayat lain:

كُنْتُ أَنْزَلُنِي إِلَيْكُمْ بِرَوَاءَ أَيْمَانِي وَلَيَتَذَكَّرُ أَوْلُو الْأَلْبَابِ ﴿٣٨﴾

"(Al-Qur'an ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar".

(Surah Saad, 38: 29)

Juga firman Allah s.w.t.:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَفْفَالُهُمْ ﴿٤٧﴾

"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur'an? atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'an)?".

(Surah Muhammad, 47: 24)

Istilah *Tadabbur* al-Qur'an ini sering kurang diberikan perhatian mendalam. Padahal inilah kunci kepada penyelidikan Islam; iaitu menyelidik, mengkaji dan membongkar rahsia makna ayat-ayat al-Qur'an. Allah s.w.t. memberikan arahan dan galakan agar kita melakukan penyelidikan tentang al-Qur'an. Kitab suci ini mengandungi ilmu pengetahuan yang sangat banyak berkenaan dengan seluruh alam semesta. Ada yang kekal menjadi rahsia Allah yang tidak mungkin sampai ilmu manusia untuk mengetahuinya. Pendekatan penyelidikan ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an adalah pelbagai dan berkembang selaras dengan perubahan masa dan tuntutan keadaan sekeliling.

Allah s.w.t. sangat menekankan kita mengkaji dan meneliti apa yang ada sekeliling kita di dunia ini. Firman Allah s.w.t.:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

أَوْلَئِكُمْ كَمْ أَهْلَكَنَا مِنْ الظُّرُوفِ يَمْسُونَ فِي مَسَكِينَةٍ  
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذَّاتٍ أَفَلَا يَسْمَعُونَ ﴿٥٦﴾ أَوْلَئِكُمْ مَنْ أَنْسَقْنَا نُصُوفَ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْحَرَقَ  
فَنَخْرُجُ بِهِ زَرَّاعَاتٍ مُّلْكٌ مِّنْهُ أَغْنَمْهُمْ وَنَفْسُهُمْ أَفَلَا يَبْصُرُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan tidakkah menjadi petunjuk (pengajaran) kepada mereka betapa banyaknya Kami telah membinasakan umat-umat yang dahulu daripada mereka padahal mereka berjalan (menyaksikan kesan) tempat-tempat tinggal umat-umat itu? Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah). Tidakkah mereka mahu mendengar (nasihat-nasihat pengajaran)? Dan tidakkah mereka memerhatikan bahwasanya Kami mengarahkan turunnya hujan ke bumi yang kering-kontang lalu Kami menumbuhkan dengan air hujan itu tanam-tanaman yang daripadanya dimakan oleh binatang-binatang ternakan mereka dan mereka sendiri? Maka tidakkah mereka mahu melihat (dan memikirkan kekuasaan Allah melalui kejadian-kejadian itu)?".

(Surah al-Sajdah, 32: 26-27)

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menegaskan kepentingan kajian dan penyelidikan secara tersirat. Inilah maksud tadabbur al-Qur'an; iaitu memahami maksud sebenar ayat-ayat al-Qur'an. Segala kisah-kisah umat terdahulu yang tersebut dalam al-Qur'an diambil iktibar dan pengajaran serta dipetik sebagai data dalam penyelidikan. Seperti ayat yang telah disebutkan ini, data yang ada itu adalah fakta sejarah; sama ada didengar melalui jalan riwayat yang disampaikan melalui Nabi s.a.w., para Sahabat r.a. dan Tabi'in serta ulama muktabar, dan kemudian hanya kesannya sahaja yang dapat dilihat. Ataupun fakta yang dapat dilihat sendiri kewujudannya; khususnya tanda-tanda hidup yang ada di muka bumi ini. Tanpa sedar inilah "data" sebenar bagi penyelidikan Islam, lebih tepat dan kukuh kerana datangnya daripada al-Qur'an, kalam Allah s.w.t.

### Rekabentuk Dan Metodologi Penyelidikan Tafsir Al-Qur'an

Usaha pentafsiran al-Qur'an berkembang dari semasa ke semasa. Pada zaman penurunan al-Qur'an, kemudahan ilmu tafsir itu mudah diraih kerana mufassir pertama iaitu Rasulullah s.a.w. ada bersama para Sahabat r.a. untuk dijadikan rujukan utama dalam sebarang permasalahan berkaitan maksud ayat-ayat al-Qur'an. Tiada istilah atau nama khas bagi sesuatu ilmu tertentu yang dicipta kerana perhatian pada masa itu lebih terarah kepada menyebarkan dakwah dan memantapkan pegangan iman dan akidah Islam dalam jiwa umat Islam. Ini dicapai melalui kalam Allah dan pemahamannya serta juga penghayatan dan proses tadaburnya. Apabila kepesatan ilmu dan teknologi berkembang, sehingga bermulanya proses penulisan ilmu, barulah terbit istilah-istilah ilmu Islam. Ini tidak ketinggalan bagi ilmu Tafsir al-Qur'an. Dari sudut rekabentuk dan metodologi, penyelidikan Tafsir al-Qur'an sebenarnya merupakan asas metodologi penyelidikan yang utama bagi bidang Pengajian Islam.

#### (a) Rekabentuk Penyelidikan Tafsir Al-Qur'an

Pendekatan atau rekabentuk penghuraian tafsiran ayat-ayat al-Qur'an terbahagi kepada empat kategori; iaitu: *Tafsir Tahlili* (تحليلي) iaitu tafsir secara analisis, *Tafsir Mawdu'ie* ( موضوعي ) (مُوْضُوعِي) atau ringkas, dan *Tafsir Muqaran* (مقارن) atau perbandingan.

Berlainan dengan metodologi pentafsiran al-Qur'an, rekabentuk tafsir yang empat ini digunakan secara umum dan meluas dalam penulisan dan kajian tafsir al-Qur'an. Manakala metodologinya lebih menjurus kepada cara, metode, teknik dan jalan yang digunakan pentafsir al-Qur'an dalam rangka menuju objektif yang hendak dicapai dalam menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an. Ada mufassir

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

yang menghuraikan al-Qur'an mengikut tema akidah; maka ada yang menggunakan metodologi Ahli Sunnah wal Jama'ah, sebahagian yang lain mengikut metodologi Syi'ah atau Mu'tazilah atau Sufiyyah. Jalan yang digunakan adalah berlainan antara satu sama lain; iaitu gaya penghuraian tafsir al-Qur'an. Ada yang memulakan dengan nas al-Qur'an dulu, kemudian menjelaskan maksud perkataan, kemudian maksud nas secara ringkas. Selepas itu mula mengeluarkan huraian ayat secara lebih detil dan teratur mengikut tertib ayat. Ada juga yang mencampur adukkan antara penjelasan perkataan dan huraian terperinci. Sebahagian yang lain pula menghimpunkan ayat-ayat berlainan yang membicarakan suatu isu, kemudian mentafsirkan dan menghuraikannya tanpa mengikut tertib susunan mushaf. Manakala yang lain pula ada yang mendatangkan pelbagai pendapat para ulama dan mufassir yang lain serta membandingkannya untuk mencapai kesepakatan yang lebih bernalas (Fahd al-Rumi, 1413H). Inilah yang disebut dengan rekabentuk pentafsiran al-Qur'an; iaitu pendekatan dan gaya teknik umum dalam penghuraian ayat-ayat al-Qur'an. Berikut diperjelaskan lebih lanjut setiap rekabentuk penyelidikan tafsir al-Qur'an:

### (1) Tafsir Tahlili (تحليلي)

Perkataan "Tahlili" secara mudahnya bermaksud analisis. "Tafsir Tahlili" bermaksud pentafsiran al-Qur'an secara analisis; iaitu penelitian dan analisis mendalam terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Ia bertindak sebagai perincian keterangan dalam membongkar rahsia-rahsia makna al-Qur'an menurut kesesuaian tahap pemikiran mufassir. Analisis pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an ini dilakukan secara mendalam dan terperinci dari pelbagai persoalan, topik dan sudut, antaranya penerangan maksud kosa kata, nahu dan *i'rab*, bacaan *Qira'at* pada lafaz-lafaz yang tertentu, *balaghah* dan sebagainya. Huraian dari berbagai bidang yang berkaitan seperti aqidah, syari'ah dan hukum-hakam, akhlak dan lain-lain lagi juga turut diberikan (Fahd al-Rumi, 1413H, al-Khalidi, 1997 & Ja'far, 2007).

Maksud sesuatu lafaz pasti memiliki makna yang tersurat iaitu apa yang zahir dari maksud sesuatu ungkapan, ayat, atau percakapan. Dalam masa yang sama, ia juga mengandungi makna yang tersirat iaitu maksud sebenar mengikut konteks ayat, yang boleh difahami dengan mendalam jika diteliti dan dianalisis dengan cara yang betul. Huraian tersirat itu adalah berdasarkan pemahaman yang betul dan bukan penyimpangan dan tafsiran yang salah (Sarinah Yahya, 2016).

Dr Fahd al-Rumi (1413H) berpendapat bahawa corak *Tafsir Tahlili* adalah cara klasik dan yang paling lama bagi pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Ia merupakan gaya yang sering digunakan dalam kebanyakan penulisan Tafsir al-Qur'an sejak dulu hingga kini. Hanya yang membezakan penulisan tersebut adalah dari segi ringkas atau terperinci sahaja. Aspek trend dan metode penulisan yang menggunakan gaya *Tafsir Tahlili* ini juga berbeza.

Sebagai bukti wujudnya corak *Tafsir Tahlili* ini pada awal Islam sepetimana riwayat 'Abdullah bin Mas'ud r.a. yang menyatakan bahawa jika mereka belajar sepuluh ayat al-Qur'an, mereka tidak akan melepasinya ke ayat seterusnya sehingga mereka telah memahami ilmu dan amalan kesemuanya". Juga kalangan Tabi'in memperakui keadaan ini seperti yang dinyatakan oleh Abu 'Abdul Rahman al-Sulami. Mujahid juga pernah berkata bahawa beliau telah membentangkan bacaan dan hafalan al-Qur'an keseluruhannya di hadapan Ibnu 'Abbas r.a. sebanyak tiga kali bentangan dari awal surah al-Fatiha hingga akhir al-Qur'an, dan beliau berhenti pada setiap ayat lalu bertanya kepada Ibnu 'Abbas tentang ayat tersebut (Ibnu Taymiyyah, 1997 & Ibnu Kathir, 2000).

Ini menunjukkan secara tidak langsung asas corak kajian tafsir al-Qur'an secara *tahlili* ini telah lama wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan para Sahabat r.a. Cuma ianya tidak zahir sebagai satu rekabentuk pentafsiran al-Qur'an dan tidak dijadikan istilah satu ilmu ketika itu. Istilah ini hanya muncul dan dicipta oleh para ilmuwan pada zaman permulaan penulisan segala ilmu pengetahuan.

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

### (2) Tafsir Mawdhu'ie (موضوعي)

Rangkai kata "Tafsir Mawdhu'ie" secara jelas terdiri daripada dua perkataan; iaitu "Tafsir" dan "Mawdhu'ie". Ringkasan maksudnya secara istilah ialah pentafsiran al-Qur'an menurut tema atau tajuk.

*Tafsir Mawdhu'ie* pula mempunyai dua bahagian; iaitu:

1. Bicara satu surah al-Qur'an keseluruhannya dengan penjelasan matlamat dan objektif surah secara umum dan khusus. Juga penerangan hubungan antara tema-tema yang terdapat dalam surah tersebut sehingga nyata menyerlah penjelasan surah tersebut dengan mendalam.
2. Pengumpulan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan satu tema atau tajuk tertentu dan diletakkan di bawah satu tajuk yang sesuai, kemudian mentafsirkannya secara teratur dan tematik.

Jenis yang kedua lebih sering ditakrifkan sebagai *Tafsir Mawdhu'ie* yang dikenali pada masa ini (Hijazi, 1970 & al-Farmawi, 1984). Manakala jenis pertama boleh digelar sebagai "*Tafsir Mawdhi'ie*" (نفسير موضوعي) iaitu pentafsiran sesuatu tempat sahaja dalam al-Qur'an yang terletak dalam surah tertentu. Sedangkan *Tafsir Mawdhu'ie* lebih menjurus kepada sesuatu tajuk tertentu sahaja tanpa melihat kepada tempatnya secara fokus. Ia boleh saja terdiri daripada ayat-ayat daripada tempat atau surah berlainan, selagi mana masih membahaskan seputar tajuk yang dibicarakan ('Abd al-Sattar, 1991, al-Khalidi, 1997 & al-Ghazali, 1997). Metode tafsir ini adalah seperti yang berikut (al-Farmawi, 1984):

- i. Memilih satu tajuk yang disebutkan dalam al-Qur'an yang hendak dibahaskan.
- ii. Mengumpulkan ayat-ayat seputar tajuk tersebut sama ada Makkiyyah atau Madaniyyah.
- iii. Menyusun ayat-ayat tersebut mengikut susunan penurunannya ke atas Nabi s.a.w. dengan memandang kepada sebab nuzulnya juga.
- iv. Membentang hubungan ayat-ayat tersebut.
- v. Mencipta kesatuan tajuk yang dipilih itu dengan membangun satu huraian tajuk yang mantap; bersesuaian, kemas, saling melengkapi dan berkaitan antara satu sama lain.
- vi. Melengkapi huraian tajuk tersebut dengan mendatangkan hadis-hadis Nabi s.a.w. sekiranya perlu sebagai hujah atau penerangan lanjut.
- vii. Mengkaji ayat-ayat tersebut dengan kajian secara tematik, menyeluruh dan saling lengkap melengkapi serta zahir kesesuaianya antara umum dan khusus, mutlaq dan muqayyadnya, nasikh mansukhnya, sehingga bertemu kesemua huraian ayat-ayat tersebut pada satu titik pertemuan yang menjelaskan lagi kesatuan tajuk tersebut; tanpa wujud sebarang perselisihan atau perbezaan yang nyata.

Perbezaan *Tafsir Mawdhu'ie* dan rekabentuk tafsir yang lain menurut Dr Salah al-Khalidi (1997) ialah rekabentuk tafsir selain *Tafsir Mawdhu'ie* adalah dikategorikan sebagai *Tafsir Mawdhi'ie*. Ini menjadikan *Tafsir Mawdhu'ie* satu elemen yang berlainan daripada yang lain. Namun begitu, pada pandangan penulis, dalam membahaskan sesuatu tajuk menggunakan rekabentuk *Tafsir Mawdhu'ie*, ia tidak lari daripada ketiga-tiga rekabentuk yang lain itu.

Selain itu, sebahagian ulama antaranya Dr Muhammad Husayn al-Zahabi (2005) memasukkan satu lagi jenis *Tafsir Mawdhu'ie*; iaitu tajuk yang berkaitan sekitar 'Ulum al-Qur'an, seperti *Nasikh Mansukh*, *Gharib al-Qur'an*, *I'rab al-Qur'an*, *I'Jaz al-Qur'an* dan sebagainya. Antara ulama yang menulis tentang *Tafsir Mawdhu'ie* jenis ini adalah seperti:

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

- (1) Abu ‘Ubayd al-Qasim bin Salam (wafat 224H) dan Abu Ja‘far Ahmad bin Muhammad al-Nuhhas (wafat 334H) menulis tentang *Nasikh Mansukh* al-Qur'an.
- (2) Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Muslim bin Qutaybah (wafat 376H) menulis tentang *Musykil* dan *Gharib* al-Qur'an.
- (3) Abu ‘Ubayd al-Qasim bin Salam, Abu Bakar al-Sajastani (wafat 230H) dan al-Raghib al-Asfahani (wafat 502H) yang menulis tentang *Gharib* dan *Mufradat* al-Qur'an.
- (4) Muhammad bin Sa‘id al-Hufi (wafat 430H) dan Abu al-Baqā‘ ‘Abd Allah bin al-Husayn al-‘Ukbari (wafat 616H) yang menulis tentang *I‘rab* al-Qur'an.
- (5) Al-Rumani (wafat 374H), al-Khattabi (wafat 388H) dan Abu Bakar al-Baqillani (wafat 403H) yang menulis tentang *I‘jaz* al-Qur'an.

Ramai lagi para ulama yang menulis dan membahas tajuk-tajuk ‘Ulum al-Qur'an secara berasingan. Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa *Tafsir Mawdu‘ie* jenis ketiga ini dikira sebagai *Tafsir Mawdu‘ie* zaman tradisi lampau atau klasik. Manakala *Tafsir Mawdu‘ie* zaman kontemporari meluaskan ruang lingkup perbahasan dengan mengambil arah yang berlainan iaitu dengan memetik tema dan istilah yang terdapat dalam al-Qur'an kemudian menghuraikannya dan mengaitkan huraian tersebut kepada isu semasa persekitaran dan masyarakat melalui rekabentuk *Tafsir Mawdu‘ie* (Mohd Asmadi et. al., 2014 & Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015).

Walau bagaimanapun, penulis melihat pendapat tentang *Tafsir Mawdu‘ie* klasik tersebut kurang tepat. Perbahasan mengenai istilah-istilah dalam ‘Ulum al-Qur'an tidak ada kaitan dengan kesatuan tema dalam al-Qur'an. Ia hanya perincian ilmu tentang tajuk-tajuk ‘Ulum al-Qur'an bertujuan memberikan pemahaman yang betul mengenainya. Menurut Dr Ziyad al-Daghhamin (1995), skop yang digelar *Tafsir Mawdu‘ie* klasik – walau sumbangan ulama dalam bidang ini dipuji kerana ada kepentingannya – ianya tidak termasuk dalam ertikata *Tafsir Mawdu‘ie* yang sebenarnya. Ini kerana ia tidak memfokuskan kepada pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an, malah bukan juga mengupas perspektif al-Qur'an berkenaan sesuatu tajuk. Ia hanya merupakan kajian berkaitan al-Qur'an dan sebagai pelengkap kepada ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Qur'an atau ‘Ulum al-Qur'an.

Dari perbincangan jenis-jenis rekabentuk *Tafsir Mawdu‘ie* ini, ramai pula menganggap sejarah awal kemunculan istilah ini adalah dari sejak bermulanya penulisan *Tafsir Mawdu‘ie* Klasik tersebut. Namun berdasarkan hujah dan alasan yang disebutkan sebelum ini, apa yang nyata ialah istilah *Tafsir Mawdu‘ie* setentunya tidak tercipta seawal kurun kedatangan Islam. Akan tetapi babit pertama kemunculannya sudah ada semenjak zaman Nabi s.a.w. lagi dengan turunnya wahyu Allah. Akan tetapi tidaklah ia diberikan nama sebagai satu ilmu baru atau rekabentuk pentafsiran al-Qur'an. Sebagai contoh, riwayat ‘Abdullah bin Mas‘ud r.a. menceritakan bahawa apabila turun ayat:

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُم بِظَلَمٍ أُولَئِكَ هُمُ الْأَمْيَانُ وَهُم مُهْتَدُونَ ﴿٦﴾

“Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman”.  
(Surah al-An'aam, 6: 82).

Lalu para Sahabat r.a. merasa susah hati dan terbeban kerana salah faham akan makna(ظلم) “kezaliman” dalam ayat tersebut. Mereka lantas bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: Wahai Rasulullah, siapakah antara kami yang tidak menzalimi dirinya sendiri? Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: “Ia bukan yang kamu maksudkan (atau fahami). Tidakkah kamu pernah mendengar apa yang dikatakan oleh hamba yang salih (Luqman) melalui firman Allah:

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

وَإِذْ قَالَ لَقَمْنَ لَابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُمُهُ يَنْبِئُ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ  
عَظِيمٌ ﴿٣١﴾

“Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”.

(Surah Luqman, 31: 13)

Nabi kemudian menyambung sabda: ((إِنَّهُ هُوَ الشَّرِكُ)) “Bahkan ia (maksudnya) adalah syirik”.  
[HR al-Bukhari & Muslim]

Sungguhpun contoh ini seakan-akan tidak menampakkan sisi *Tafsir Mawdu‘ie* secara ketara, namun sudah cukup menjadi titik permulaan wujudnya rekabentuk tafsir ini pada zaman Nabi s.a.w. Hanya saja istilah *Tafsir Mawdu‘ie* itu tidak dinamakan sejak itu. Menurut Dr Mustafa Muslim (1997), istilah *Tafsir Mawdu‘ie* mula muncul pada kurun ke-14 hijrah, apabila ia dijadikan satu matapelajaran yang diwajibkan dalam silibus bidang Tafsir di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar, Mesir. Adapun babit permulaan jenis tafsir ini sudah mula wujud sejak zaman Nabi s.a.w. dengan adanya contoh pertanyaan dan kemesyikilan para Sahabat r.a. yang diutarakan berkaitan dengan pengertian sebenar sesuatu makna perkataan atau ayat al-Qur'an.

### (3) Tafsir Ijmali (إجماع)

*Tafsir Ijmali* pula ialah pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara ringkas sahaja. Pentafsiran ringkas ini adalah secara umum dan hanya fokus kepada menerangkan maksud sesuatu lafadz atau perkataan yang gharib atau yang ganjil dan kurang diketahui maksudnya. Ia diterangkan dengan bahasa yang mudah difahami. Contoh kitab tafsir yang menggunakan rekabentuk ini adalah seperti *Tafsir al-Jalalayn* (جلالين) (Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015).

### (4) Tafsir Muqaran (مقارن)

*Tafsir Muqaran* bermaksud perbandingan; iaitu membuat perbandingan selepas meneliti segala pendapat dan pentafsiran beberapa ulama tafsir, lalu dikenal pasti titik persamaan dan perbezaan. Kemudian pendapat yang nampak berbeza diharmonikan dan disesuaikan (Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015). Rekabentuk ini sering digunakan masa kini. Perbezaan pendapat yang didapati antara para ulama tafsir dalam menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an bukanlah *ikhtilaf tadhad* (اختلاف تضاد) atau perselisihan yang berlawanan; bahkan ia adalah *ikhtilaf tanawwu'* (اختلاف تنوع) bermaksud perselisihan pelbagai yang saling berkait dan menolong huraian antara satu pentafsiran dengan yang lain.

### (b) Metodologi Penyelidikan Tafsir Al-Qur'an

Metodologi pentafsiran al-Qur'an terbentuk daripada empat asas utama; iaitu:

- i. **Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an**; iaitu mentafsirkan ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an. Apa yang ringkas penerangannya pada suatu ayat, pada ayat lain diterangkan lebih lanjut. Misalnya firman Allah s.w.t.:


فَلَمَّا قَاتَلَ أَدْمُونَ رَبِّهِ كَمَّتْ قَنَبَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْوَابِ الْأَحَمِدِ ﴿٢٧﴾

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

“Maka Nabi Adam pun menerima beberapa kalimah daripada TuhanYa lalu Allah menerima taubatnya (dan juga taubat isterinya). Sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih”.

(Surah al-Baqarah, 2: 37)

ii. **Tafsir al-Qur'an dengan al-Sunnah.** Jika tidak didapati sebarang ayat al-Qur'an yang boleh mentafsirkan ayat yang lain, maka seorang mufassir hendaklah merujuk kepada Hadis Nabi s.a.w. Ini kerana Hadis berperanan menjelaskan lanjut ayat-ayat al-Qur'an, sebagaimana firman Allah s.w.t.:




“(Kami utuskan Rasul-rasul itu) dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan al-Zubur (Kitab-kitab samawi) dan Kami menurunkan kepadamu al-Qur'an supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir”.

(Surah al-Nahl, 16:44)

Antara contoh pentafsiran al-Qur'an menggunakan Hadis Nabi s.a.w. ini seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Ibnu Mas'ud r.a. berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: ((صلوة الوسطى صلاة العصر)) bermaksud: “Solat Wusta adalah solat ‘Asar”.

[HR al-Tirmizi]

iii. **Tafsir al-Qur'an dengan Pendapat Sahabat.** Jika tidak dijumpai tafsiran ayat al-Qur'an dari al-Qur'an sendiri, atau dari Hadis Nabi s.a.w., maka mufassir perlu merujuk kepada kata-kata para Sahabat r.a. Mereka menyaksikan sendiri peristiwa penurunan wahyu yang menjadikan mereka lebih tahu akan semua situasi dan tempat penurunan al-Qur'an. Mereka juga memiliki daya kefahaman dan kecerdasan akal yang tinggi. Antara para Sahabat yang masyhur memiliki ketajaman fikiran berkaitan Tafsir al-Qur'an adalah Ibnu 'Abbas r.a. Diriwayatkan Khalifah 'Umar r.a. bertanya para Sahabat tentang maksud ayat:



“Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (menakluki Mekah)”.

(Surah al-Nasr, 110:1)

Sebahagian Sahabat memberikan maksud zahir ayat tersebut sahaja iaitu Allah s.w.t. memerintahkan kita untuk mensyukuriNya dan memohon ampun kepadaNya apabila diberikan kemenangan. Sebahagian Sahabat yang lain hanya diam. Namun Ibnu 'Abbas telah memberikan pendapatnya dengan mengatakan bahawa itulah tanda ajal Nabi s.a.w. yang Allah beritahu kepadanya.

[HR al-Bukhari]

iv. **Tafsir al-Qur'an dengan Pendapat Tabi'in.** Sungguhpun para ulama berselisih pendapat dalam menjadikan kata-kata para Tabi'in sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Qur'an, namun majoriti cenderung menetapkannya. Hal ini kerana para Tabi'in setentunya menadah ilmu riwayat daripada para Sahabat r.a. Justeru peranan mereka tidak boleh diketepikan begitu sahaja, lebih-lebih lagi antara mereka itu terkenal belajar langsung di tangan para Sahabat.

## DEFINISI TAFSIR ‘ILMI

Keempat-empat asas metodologi Tafsir al-Qur'an ini dinamakan sebagai “*Tafsir bi al-Ma'thur*” (التفسير بالثور). Ia juga diberi pengiktirafan ulama sebagai “*Al-Mahnaj al-Amthal li Tafsir al-Qur'an*” (المهنج الأمثل لتفسير القرآن) bermaksud metodologi terbaik untuk dijadikan model utama dalam kajian tafsir al-Qur'an. Model atau metode ini telah digunakan oleh para ahli tafsir sejak dulu hingga kini.

Kemudian diikuti dengan metodologi kedua iaitu “*Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud*” (التفكير بالرأي المحمود) bermaksud pentafsiran al-Qur'an dengan ijihad akal yang terpuji. Ia adalah kaedah pentafsiran al-Qur'an yang terbina atas asas penelitian, pengeluaran rumusan dan pengajaran secara ijihad dan pandangan dari para ulama tafsir. Ia dilakukan dengan syarat dan adab tertentu yang perlu dipatuhi oleh para mufassir (Muhammad Zaghlul, 1999).

Dari sini, metodologi penyelidikan tafsir al-Qur'an berkembang mengikut aliran dan trend pemikiran ulama. Antara metode yang paling sering digunakan adalah seperti (Sarinah Yahya, 2003): Metode Tafsir *Lughawi* (لغوي): pentafsiran al-Qur'an dari sudut bahasa, Metode Tafsir *Fiqhi* (فقيهي): aspek hukum hakam dan Fiqh Islam, Metode Tafsir *Aqdi* (عقدي): segi akidah Islam, Metode Tafsir *Sufi Ishari* (إشاري): sudut Tasawuf Ishari, Metode Tafsir *'Ilmi* (علمي): aspek saintifik dan Metode Tafsir *Adabi Islahi Ijtima'iye* (أدبي إصلاحي اجتماعي) iaitu pentafsiran al-Qur'an berfokuskan kepada pemberaan masyarakat.

Kesemua metode penyelidikan Tafsir al-Qur'an ini secara asasnya menggunakan kedua-dua metode utama penyelidikan tafsir; iaitu Tafsir bi al-Ma'thur dan Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud.

### Model Autentik Penyelidikan Islam

Dari penjelasan rekabentuk dan metodologi pentafsiran al-Qur'an sebelum ini, maka dapat disimpulkan daripadanya sebuah model autentik dan dapat dipercayai serta kukuh bagi penyelidikan berkaitan al-Qur'an dan Pengajian Islam secara umum. Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor (3)

#### Tafsir Ijmali (إجمالي)

Tafsir Ijmali pula ialah pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara ringkas sahaja. Pentafsiran ringkas ini adalah secara umum dan hanya fokus kepada menerangkan maksud sesuatu lafadz atau perkataan yang gharib atau yang ganjal dan kurang diketahui maksudnya. Ia diterangkan dengan bahasa yang mudah difahami. Contoh kitab tafsir yang menggunakan rekabentuk ini adalah seperti Tafsir al-Jalalayn (Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015).

#### (4) Tafsir Muqaran (مقارن)

Tafsir Muqaran bermaksud perbandingan; iaitu membuat perbandingan selepas meneliti segala pendapat dan pentafsiran beberapa ulama tafsir, lalu dikenal pasti titik persamaan dan perbezaan. Kemudian pendapat yang nampak berbeza diharmonikan dan disesuaikan (Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015). Rekabentuk ini sering digunakan masa kini. Perbezaan pendapat yang didapati antara para ulama tafsir dalam menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an bukanlah *ikhtilaf tadhad* (اختلاف تضاد) atau perselisihan yang berlawanan; bahkan ia adalah *ikhtilaf tanawwu'* bermaksud perselisihan pelbagai yang saling berkait dan menolong huraian antara satu pentafsiran dengan yang lain.

#### (b) Metodologi Penyelidikan Tafsir Al-Qur'an

Metodologi pentafsiran al-Qur'an terbentuk daripada empat asas utama; iaitu:

i. **Tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an;** iaitu mentafsirkan ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an. Apa yang ringkas penerangannya pada suatu ayat, pada ayat lain diterangkan lebih lanjut. Misalnya firman Allah s.w.t.:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

**فَنَلَقَهُ آدُمٌ مِّنْ زَيْتٍ كَمَاتِ فَنَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْوَانِي الْحَاجِمُ** ﴿١٧﴾

"Maka Nabi Adam pun menerima beberapa kalimah daripada TuhanYa lalu Allah menerima taubatnya (dan juga taubat isterinya). Sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih".

(Surah al-Baqarah, 2: 37)

Perkataan "kalimah-kalimah" ditafsirkan dalam firman Allah dalam surah yang lain:

**فَالْأَرَبَّانَاتُ لَنَا أَنفُسُنَا وَلَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَلَمْ تَحْمِلْنَا الْكُوْنَنَ مِنَ الْخَسِيرِينَ** ﴿٢٣﴾

"Ya Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri kami sendiri. Dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami nescaya menjadilah kami orang yang rugi".

(Surah al-A'raaf, 7: 23)

ii. **Tafsir al-Qur'an dengan al-Sunnah.** Jika tidak didapati sebarang ayat al-Qur'an yang boleh mentafsirkan ayat yang lain, maka seorang mufassir hendaklah merujuk kepada Hadis Nabi s.a.w. Ini kerana Hadis berperanan menjelaskan lanjut ayat-ayat al-Qur'an, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

**إِلَيْنَا يَرْجِعُونَ وَلَنْ يَرْجِعُوا إِلَيْكُمْ إِنَّكُمْ تَسْتَأْنِيْنَ لِلنَّاسِ مَا نَرَى إِلَيْهِمْ وَلَمْ يَرَهُمْ**  
يَتَكَبَّرُونَ ﴿١٦﴾

"(Kami utuskan Rasul-rasul itu) dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan al-Zubur (Kitab-kitab samawi) dan Kami menurunkan kepadamu al-Qur'an supaya engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir".

(Surah al-Nahl, 16:44)

Antara contoh pentafsiran al-Qur'an menggunakan Hadis Nabi s.a.w. ini seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Ibnu Mas'ud r.a. berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: ((صلوة الوسطى صلاة العصر)) bermaksud: "Solat Wusta adalah solat 'Asar".

[HR al-Tirmizi]

iii. **Tafsir al-Qur'an dengan Pendapat Sahabat.** Jika tidak dijumpai tafsiran ayat al-Qur'an dari al-Qur'an sendiri, atau dari Hadis Nabi s.a.w., maka mufassir perlu merujuk kepada kata-kata para Sahabat r.a. Mereka menyaksikan sendiri peristiwa penurunan wahyu yang menjadikan mereka lebih tahu akan semua situasi dan tempat penurunan al-Qur'an. Mereka juga memiliki daya kefahaman dan kecerdasan akal yang tinggi. Antara para Sahabat yang masyhur memiliki ketajaman fikiran berkaitan Tafsir al-Qur'an adalah Ibnu 'Abbas r.a. Diriwayatkan Khalifah 'Umar r.a. bertanya para Sahabat tentang maksud ayat:

**إِذَا جَاءَ نَصْرًا لَّهُ وَالْفَتحُ** ﴿١﴾

"Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (menakluki Mekah)".

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

(Surah al-Nasr, 110:1)

Sebahagian Sahabat memberikan maksud zahir ayat tersebut sahaja iaitu Allah s.w.t. memerintahkan kita untuk mensyukuriNya dan memohon ampun kepadaNya apabila diberikan kemenangan. Sebahagian Sahabat yang lain hanya diam. Namun Ibnu 'Abbas telah memberikan pendapatnya dengan mengatakan bahawa itulah tanda ajal Nabi s.a.w. yang Allah beritahu kepadanya.

[HR al-Bukhari]

iv. **Tafsir al-Qur'an dengan Pendapat Tabi'in.** Sungguhpun para ulama berselisih pendapat dalam menjadikan kata-kata para Tabi'in sebagai salah satu sumber pentafsiran al-Qur'an, namun majoriti cenderung menetapkannya. Hal ini kerana para Tabi'in setentunya menadah ilmu riwayat daripada para Sahabat r.a. Justeru peranan mereka tidak boleh diketepikan begitu sahaja, lebih-lebih lagi antara mereka itu terkenal belajar langsung di tangan para Sahabat.

Keempat-empat asas metodologi Tafsir al-Qur'an ini dinamakan sebagai "Tafsir bi al-Ma'thur" (التفسير بالثأثر). Ia juga diberi pengiktirafan ulama sebagai "Al-Mahnaj al-Amthal li Tafsir al-Qur'an" (المنهج الأمثل لتفسير القرآن) bermaksud metodologi terbaik untuk dijadikan model utama dalam kajian tafsir al-Qur'an. Model atau metode ini telah digunakan oleh para ahli tafsir sejak dulu hingga kini. Kemudian diikuti dengan metodologi kedua iaitu "Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud" (الرأي المحمد) bermaksud pentafsiran al-Qur'an dengan ijihad akal yang terpuji. Ia adalah kaedah pentafsiran al-Qur'an yang terbina atas asas penelitian, pengeluaran rumusan dan pengajaran secara ijihad dan pandangan dari para ulama tafsir. Ia dilakukan dengan syarat dan adab tertentu yang perlu dipatuhi oleh para mufassir (Muhammad Zaghlul, 1999).

Dari sini, metodologi penyelidikan tafsir al-Qur'an berkembang mengikut aliran dan trend pemikiran ulama. Antara metode yang paling sering digunakan adalah seperti (Sarinah Yahya, 2003): Metode Tafsir *Lughawi* (لغوي): pentafsiran al-Qur'an dari sudut bahasa, Metode Tafsir *Fiqhi* (فقهي): aspek hukum hakam dan Fiqh Islam, Metode Tafsir *Aqdi* (عقدي): segi akidah Islam, Metode Tafsir *Sufi Ishari* (إشاري): sudut *Tasawuf Ishari*, Metode Tafsir *'Ilmi* (علمی): aspek saintifik dan Metode Tafsir *Adabi Islahi Ijtima'i* (أدبي إسلامي اجتماعي) iaitu pentafsiran al-Qur'an berfokuskan kepada pembaikan masyarakat.

Kesemua metode penyelidikan Tafsir al-Qur'an ini secara asasnya menggunakan kedua-dua metode utama penyelidikan tafsir; iaitu *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud*.

### Model Autentik Penyelidikan Islam

Dari penjelasan rekabentuk dan metodologi pentafsiran al-Qur'an sebelum ini, maka dapat disimpulkan daripadanya sebuah model autentik dan dapat dipercayai serta kukuh bagi penyelidikan berkaitan al-Qur'an dan Pengajian Islam secara umum. Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Ali (2015) berpendapat bahawa penyelidikan Islam tidak banyak berbeza dengan penyelidikan bidang lain dari aspek epistemologi. Ia merupakan satu proses pencarian penyelesaian kepada sesuatu isu atau persoalan yang dikaji dengan mengemukakan jawapan yang tepat, meskipun ia bukan bersifat muktamad. Proses pencarian penyelesaian ini melalui beberapa prosedur terancang yang bermula daripada tahap mengenal pasti pernyataan masalah, kepentingan dan keperluannya untuk dikaji yang boleh memberi kesan yang positif kepada individu, masyarakat, negara dan dunia keseluruhannya.

Namun, perbezaan antara penyelidikan Pengajian Islam dengan penyelidikan bidang lain tampak nyata pada dasar sandaran kepada sumber wahyu (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2015).

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

Penyelidikan Islam semestinya disertai dengan nas-nas al-Qur'an dan juga Hadis Nabi s.a.w. sebagai sandaran dan juga hujah. Al-Qur'an adalah kitab panduan utama dan terunggul bagi segala permasalahan umat Islam. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا أَخْلَقْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ ذَلِكَ اللَّهُ رَبِّنِي عَلَيْهِ تَوَكِّلُنَا  
وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿١﴾

*"Dan apa jua perkara agama yang kamu perselisihkan maka ketetapan hukumnya (terserah) kepada Allah. (Maka katakanlah wahai Nabi Muhammad kepada mereka): Yang demikian itulah Allah Tuhanmu, kepadaNyalah aku bertawakkal dan kepadaNya aku kembali".*

(Surah al-Shuura, 42: 10)

Peranan Hadith Nabi s.a.w. pula adalah sebagai penjelas lanjut ayat-ayat al-Qur'an. Sabda Rasulullah s.a.w.:

(أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْقُرْآنَ وَمِثْلَهُ مُعْنَهُ)

*"Sesungguhnya telah didatangkan kepadaku al-Qur'an dan seumpamanya bersamanya (iaitu hadis Nabi s.a.w.)".*

[HR Abu Dawud]

Justeru, rekabentuk penyelidikan tafsir al-Qur'an yang disebutkan sebelum ini sebenarnya saling berkait antara satu sama lain. Data-data yang diperoleh daripada tafsiran ayat-ayat al-Qur'an melalui metode utama tafsir al-Qur'an yang empat (al-Qur'an, al-Sunnah, kata-kata para Sahabat dan Tabi'in) atau metode *Tafsir bi al-Ma'thur* merupakan data primer bagi sesuatu penyelidikan. Manakala dapatan daripada pendapat ahli Tafsir berdasarkan ijihad dan pendapat akal melalui metode *Tafsir bi al-Ra'y* boleh dikira sebagai data sekunder. Namun selagi mana data sekunder itu didapati daripada kitab-kitab muktabar yang dipelopori oleh ulama Tafsir yang diiktiraf keilmuan dan kepakaran mereka dalam bidang Tafsir al-Qur'an, maka itu dikategorikan sebagai data primer. Ini kerana mereka menggunakan metode *Tafsir bi al-Ma'thur* dalam penulisan kitab tafsir mereka.

Al-Qur'an tidak diragukan adalah data primer yang dipelihara isi kandungannya oleh Allah s.w.t. daripada sebarang penyelewengan dan kesalahan. Ini termaktub dalam janji Allah s.w.t. melalui firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نُرِثُنَا الْذِكْرَ وَنَالَمُ حَفَظُونَ ﴿١﴾

*"Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Qur'an, dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya".*

(Surah al-Hijr, 15: 9)

Apabila seseorang pengkaji mencari solusi penyelesaian kepada permasalahan kajianya dari teks al-Qur'an, bererti dia mendapatkan data langsung daripada sumber primer. Sementara Hadis Nabi s.a.w. pula, walaupun memiliki rantaian sanad yang terdiri daripada para perawi kalangan Sahabat, Tabi'in dan orang-orang selepas mereka; namun ia boleh diiktiraf juga sebagai data primer. Ini kerana penentuan kesahihan data primer dari Hadis Nabi s.a.w. melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang tersendiri. Nabi s.a.w. juga tidak mengeluarkan kata-kata kecuali apa yang diilhamkan oleh Allah s.w.t., sebagaimana firmanNya:

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى ﴿١﴾

*"Dan dia tidak memperkatakan sesuatu menurut hawa nafsunya. Segala yang dikatakannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".*

(Surah al-Najm, 53: 3-4)

Menurut Shahir Akram Hassan (2013), data primer dalam penyelidikan Islam memiliki kedudukan tersendiri berbanding dengan data sekunder, lebih-lebih lagi jika kajian melibatkan hukum syari'at Islam. Dalam hal ini, data primer diperlukan bagi memastikan kesahihan dan kekuatan fakta yang membicarakan soal hukum tersebut. Data primer lebih jelas kerana asal sumbernya adalah al-Qur'an, manakala data sekunder pula lebih terbuka kepada kesilapan dalam fahaman maksud sebenar. Namun dalam konteks Hadis Nabi s.a.w., keuatannya sebagai data sekunder permulaannya dilihat dari sudut sumber. Ini dapat dilihat dari kaedah pengumpulan data hadis; iaitu para ulama hadis merujuk tulisan ulama hadis lain dalam mengenali seseorang perawi. Mereka juga berusaha semampu yang mungkin berjumpa dengan perawi bagi mengesahkan data sekunder yang didapati sebelum ini. Secara langsung, ini menjadikan data primer lebih kuat dan diyakini dan secara tidak langsung juga data sekunder tersebut juga boleh diiktiraf sebagai data primer kerana sumbernya berbalik kepada Rasulullah s.a.w. dan Allah s.w.t.

Jika dinisbahkan metode-metode ini dengan apa yang biasa diamalkan dalam metodologi lazim ciptaan barat, ia sama dengan metode deskriptif, analisis kandungan, pensejarahan dan pemerhatian dalam rekabentuk kajian kualitatif. Begitu pula teori metodologi penyelidikan masa kini terdapat metode gabungan atau *Mix Methode*, maka penyelidikan Islam juga mempunyai kaedah gabungan ini. Penyelidikan tafsir al-Qur'an masa kini menggunakan hampir kesemua rekabentuk dan metodologi yang telah diterangkan sebelum ini.

Nyata di sini bahawa di sebalik metodologi penyelidikan barat atau moden, sudah wujud lama metodologi penyelidikan Islam. Menurut Ahmad Sunwari Long (2014), metodologi penyelidikan barat berorientasikan kepada hanya satu bentuk iaitu "*human oriented*"; atau bersandarkan penerimaan akal manusia semata-mata apabila penyelidikan yang dilakukan adalah disebabkan usaha manusia dan manfaatnya juga ditujukan hanya untuk manusia. Manakala metodologi penyelidikan Islam lebih menjurus kepada menyandarkan kesemuanya kepada Allah s.w.t. atau "*God-oriented*". Ini menjadikan metodologi penyelidikan Islam lebih berbentuk "*Islamic world-view*" iaitu pandangan islamik secara menyeluruh. Ini bermaksud metodologi penyelidikan Barat lebih bersifat '*Aqli* atau penggunaan logik akal semata-mata, manakala penyelidikan Islam menggabungkan metodologi *Naqli* iaitu mengutamakan sandaran fakta kepada sumber autentik Agama Islam dan mengemudiankan '*Aqli* atau penggunaan pendapat akal yang juga setentunya masih tertakluk kepada sumber *Naqli*. Dengan erti kata yang mudah, metodologi penyelidikan Islam lebih mengutamakan fakta yang didokong oleh bukti kukuh. Dalam masa yang sama, isu permasalahan manusia tidak diketepikan, bahkan diselesaikan secara telus.

Dari huraian ini, asas metodologi penyelidikan Islam sebenarnya menggunakan rekabentuk dan metode pentafsiran al-Qur'an. Hal ini jelas dari sudut penggunaan ayat-ayat al-Qur'an, Hadis Nabi s.a.w. dan pendapat Sahabat r.a. serta para ulama dalam setiap langkah mencari solusi kepada penyelesaian permasalahan kajian yang dilaksanakan.

Permasalahan yang dihadapi manusia dan dunia secara keseluruhan memerlukan kepada jalan

## DEFINISI TAFSIR 'ILMI

penyelesaian. Ini dapat dicari melalui kajian dan penyelidikan yang mengkaji pelbagai sudut dan ruang isu permasalahan tersebut. Metodologi penyelidikan pula seharusnya berlandaskan kepada kaedah dan cara yang tertentu. Aspek ini mustahak bagi mendapatkan jawapan yang benar dan mantap. Justeru bagi permasalahan umat Islam sewajarnya diselidiki berlandaskan metode yang islamik dan bersumberkan data yang jelas benar daripada al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w. serta pendapat ulama muktabar. Panduan metodologi penyelidikan Islam ini sebenarnya telah wujud sejak sekian lama al-Qur'an diturunkan. Paradigma pentafsiran al-Qur'an beranjak giat dan maju sehingga terhasil sebuah model penyelidikan Islam yang tidak disedari kewujudannya. Maka wajar menjadi kewajipan kita semua untuk menyerlahkannya sebagaimana selayaknya.

Begitu juga dalam hal penyelidikan khusus *Tafsir 'Ilmi*, ia mempunyai tambahan metode yang lebih spesifik selain daripada yang telah disebutkan metode umum dan menyeluruh bagi semua jenis penyelidikan berkaitan *Tafsir al-Qur'an*.

### Metode Khusus *Tafsir 'Ilmi*:

Setakat ini kita dapat mengenalpasti *Tafsir 'Ilmi* sebagai satu trend atau aliran moden dalam pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an berkaitan *Kauniyyat*. Ini melihat kepada keperluan masa kini sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi. Seiring dengan trend ini, metode penulisannya juga perlu dititik beratkan untuk menghindari kekeliruan, salah faham dan penyelewengan tafsir ayat al-Qur'an secara saintifik.

Seperti yang dijelaskan juga sebelum ini, *Tafsir 'Ilmi* juga dikira sebagai *Tafsir bi al-Ra'y* iaitu tafsir dengan menggunakan akal fikiran; sama ada terpuji mahu pun tercela. Tertakluk kepada ketepatan syarat-syarat pentafsiran *al-Ra'y* dan juga tambahan syarat khusus bagi *Tafsir 'Ilmi*, metode penyelidikan dan penulisan *Tafsir 'Ilmi* perlu mengambil kira dua aspek syarat, iaitu (Saqa, 2010):

#### Pertama: Syarat Umum Penulisan Kajian Ilmiah

- i. Mengambil kira pengkhususan dan bidang kepakaran saintifik.
- ii. Menjelaskan langkah-langkah yang digunakan dalam pentafsiran.
- iii. Memerhatikan metodologi dalam pengumpulan dan analisis data.
- iv. Mengesahkan setiap langkah penyelidikan.

#### Kedua: Syarat Khusus Penulisan Kajian *Tafsir 'Ilmi*

Perlu memerhatikan lima aspek utama, iaitu:

- i. Dari segi bahasa dan *i'rab*.
- ii. Dari segi *dalahah* dan makna.
- iii. Dari segi kaedah Usul Fiqh dan Usul Tafsir.
- iv. Dari segi 'Ulum al-Qur'an
- v. Mengikut kaedah tafsiran yang terbaik (اتباع أحسن طرق التفسير).

## B A B 4

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

Umat Islam amat beruntung memiliki keistimewaan yang sangat hebat dengan al-Qur'an. Al-Qur'an berdiri atas asas yang sama dengan kitab-kitab samawi yang lain; iaitu dakwah kepada keimanan terhadap Allah s.w.t. dan memimpin manusia ke jalan yang benar. Akan tetapi, keistimewaan al-Qur'an terserah dengan kondisinya sebagai kitab yang terakhir diturunkan kepada rasul yang terakhir Nabi Muhammad s.a.w. yang membuatkan kita umat akhir zaman ini juga istimewa menumpang keistimewaan al-Qur'an. Oleh itu, sewajarnya al-Qur'an dijaga supaya tidak terjadi penyelewengan terhadap



Sumber gambar: Adobe Stock oleh waseefakhtar

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

ayat-ayatnya, sebagaimana berlaku kepada kitab-kitab terdahulu. Walau banyak cubaan musuh Islam untuk memutarbelitkan maksud ayat-ayat al-Qur'an, atau menimbulkan kesamaran darinya, atau memasukkan elemen-elemen yang tidak sepatutnya dalam memahami maksudnya; kesemua itu tidak akan berjaya merosakkan kesucian al-Qur'an. Hal ini dijanjikan Allah s.w.t. yang menjaga dan memelihara al-Qur'an dalam firmanNya:



"Sesungguhnya Kami lah Yang menurunkan Al-Quran, dan Kami lah Yang memelihara dan menjaganya".

(Surah al-Hijr, 15: 9)



Gambar seorang saintis Islam menulis dan menyelidik.  
Sumber: Adobe Stock oleh Kemal



Sumber gambar: Gambar stock Unsplash oleh Rizki Yulian

Sungguhpun begitu, cubaan demi cubaan terus saja dilakukan untuk menyeleweng al-Qur'an. Bukan saja ia terjadi di tempat turunnya wahyu dan sekelilingnya, malah turut melarat melangkaui masyarakat bukan Arab. Apa yang nyata zaman ini, percubaan tersebut dilihat menggunakan taktik dan strategi halus untuk menjayakan misi merosakkan akidah Islam. Yang lebih malang lagi, ia dilakukan oleh orang Islam sendiri kerana kurang menyedari kewujudan elemen atau unsur penyelewengan dalam pemahaman tafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Antara elemen tersebut ialah aspek "Dakhil" dan riwayat "Isra'iliyyat" serta penyelewengan tafsiran saintik al-Qur'an.

Perkataan "Dakhil" (دخل) berasal daripada kata akar "dakhala" (دخل), yang bermaksud "telah masuk". Maka "Dakhil" bermaksud sesuatu yang menyusup atau menyelinap

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

masuk ke dalam sesuatu yang lain. Biasanya "Dakhil" ini adalah sesuatu yang sangat asing yang boleh membawa maksud sesuatu yang tidak baik dan tidak diundang untuk memasuki ke dalam sesuatu yang lain, sama ada ke dalam badan, akal dan lain-lain. Dengan itu, ia menunjukkan kepada kerosakan, aib, celaan dan apa saja yang buruk. (Ibnu Manzur, 1999 & al-Raghib al-Asfahani, 1999).

Jika dikaitkan "Dakhil" ini dengan ilmu Tafsir al-Qur'an, ia membawa maksud apa-apa yang masuk ke dalam Tafsir al-Qur'an yang tidak disabitkan riwayatnya, atau disabitkan akan tetapi berlawanan dengan logik akal dan dikira sebagai pendapat yang rosak. (Ahmad al-Shahat Ahmad Musa, t.t.). Ia adalah riwayat-riwayat yang batil seperti *Isra'iliyyat* (إسرائيليات - موضوعات mawdu'ah) dan pendapat serta pandangan yang tidak baik terhasil daripada hawa nafsu atau ketaksuban pihak tertentu yang bertujuan untuk memburukkan imej Islam. (al-Khatib, 2010). Antara ulama yang mula-mula sekali menggunakan istilah "Dakhil" ini ialah Imam al-Suyuti (1998) yang menyebutkan: "...kemudian orang menulis Tafsir al-Qur'an dan meringkaskan sanad-sanad Hadith dan hanya menaqal kata-kata orang lain. Maka dari sini masuklah Dakhil dan bercampur sahih dengan yang tidak sah...". Kemudian ulama selepasnya turut menggunakan istilah "Dakhil" ini, walaupun tidak dapat dipastikan bahawa al-Suyuti menyebutnya sebagai satu istilah ilmu. ('Abd al-Qadir Muhammad al-Husayn, 2013).

### Kaedah Sahih Interaksi dengan Al-Qur'an

Proses berinteraksi dengan al-Qur'an memiliki kaedah dan syarat ketat yang telah digariskan oleh para ulama untuk memahami tafsiran sebenar ayat-ayat al-Qur'an. Kaedah dan syarat ini mesti ditepati bagi mengelak kekeliruan dan salah faham terhadap al-Qur'an. Ia berlandaskan ilmu yang sebenar dan kemudiannya diamalkan dengan betul. Gandingan ilmu dan amal menjadi konsep asas menyelami isi kandungan al-Qur'an. Dasar ini sebenarnya sudah menjadi sandaran utama dan amalan para salafussoleh sejak dulu lagi. Konsepsi para ulama dengan ilmu dan amal dalam memahami makna al-Qur'an merupakan satu-satunya kaedah yang tiada tandingnya untuk berinteraksi secara sahih dengan al-Qur'an.

Memasuki alam al-Qur'an untuk menyelami isi kandungannya memerlukan pematuhan syarat dan kaedah dalam ilmu tafsir. Para ulama tafsir telah sekian lama menggariskan panduan dan menyusun beberapa kaedah asas dan rinci untuk memahami tafsiran al-Qur'an. Artikel ini bermatlamat mengenal pasti kaedah berinteraksi dengan al-Qur'an. Kaedah tersebut menunjukkan kebitaran para ulama dalam ilmu tafsir al-Qur'an. Sungguhpun khazanah ilmu tafsir kaya dengan karya pelbagai genre, aliran dan orientasi pemikiran serta memiliki keistimewaan metode dan ciri khas dan tertentu, kesemuanya bukan sekadar pengulangan kepada kandungan kitab-kitab tafsir terdahulu, malah juga mempersempit pelbagai ciri keaslian dan pembaharuan (Siddiq Fadzil, 2019).

Namun di sebalik pembaharuan dan kepelbagaiannya ini, para ulama tafsir sedaya mereka utuh berpegang kepada kaedah asas dan cabang dalam menyelusuri tafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Lebih-lebih lagi aliran Ahli Sunnah wal Jama'ah yang terjamin kesahihan tafsiran al-Qur'an. Kaedah-kaedah tersebut setentunya dipetik daripada sunnah Nabi s.a.w. dan juga amalan para Sahabat r.a. berdasarkan kepada beberapa disiplin ilmu yang saling berkaitan antara satu sama lain. Dengan menepati kaedah, syarat dan kriteria tertentu ini akan dapat menghalang terjadinya kekeliruan dan salah faham dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an. Apatah lagi pada zaman mutakhir ini, begitu banyak informasi yang kurang tepat berkaitan dengan pemahaman al-Qur'an.

Kegiatan pentafsiran al-Qur'an tidak boleh menggunakan akal semata-mata tanpa merujuk kaedah yang telah dibentuk oleh ulama tafsir. Sekalipun wujud aliran tafsir menggunakan akal, namun prosedur penggunaannya masih tertakluk kepada ketetapan kaedah dan syarat agar penjelasannya

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

menepati kehendak kandungan atau konteks ayat (Khairuddin Said, 2015). Dalam hal ini, ilmu yang mantap dalam bidang berkaitan dengan tafsir al-Qur'an perlu ada bagi memberi kefahaman maksud ayat-ayat al-Qur'an yang boleh diraih dengan ilmu '*Ulum al-Qur'an*' dan ilmu '*Usul al-Tafsir*' serta ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan tafsir al-Qur'an. Berbekalkan ilmu itu juga perlu selari dengan amal yang terhasil daripadanya; baik dari sisi yang mengajar dan juga dari sisi yang menerima ilmu tersebut.

### 'Ulum Al-Qur'an dan Usul Al-Tafsir

Dua istilah ilmu ini seringkali disalahfaham sebagai satu cabang ilmu yang sama. Sebahagian berpendapat kedua-duanya satu istilah ilmu sama yang membincangkan perbahasan yang mesti diketahui oleh para ahli tafsir untuk dijadikan sandaran dalam mentafsir al-Qur'an (Hajah Sarinah, 2013). Namun jika diteliti lebih jauh, ilmu *Usul al-Tafsir* lebih fokus perbincangannya dalam menjelaskan maksud ilmu tafsir, perkembangan, hukum dan pembahagiannya secara terperinci serta usaha para *mufassirin* dalam penulisan tafsir al-Qur'an, metodologi dan penjelasan kitab-kitab tafsir zaman dulu dan kini. Juga penjelasan beberapa kaedah dan syarat mentafsirkan al-Qur'an. Manakala ilmu '*Ulum al-Qur'an*' pula adalah istilah ilmu yang umum sahaja, berbeza dengan istilah ilmu *Usul al-Tafsir* yang khusus membincangkan sebahagian besar perbincangan '*Ulum al-Qur'an*' yang ada kaitan secara langsung dengan tafsir dengan cara yang lebih mendalam (Haqqi, 2004). Ringkasnya, ilmu *Usul al-Tafsir* adalah ilmu tentang asas dan kaedah yang mengiringi langkah seorang mufassir dalam mentafsirkan al-Qur'an dan menjadi benteng dari kesalahfahaman sehingga menghasilkan pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan cara yang terbaik ('Imad 'Ali Husayn, 2006).

Kajian dan penulisan seputar kedua-dua cabang ilmu al-Qur'an ini berkembang sedikit ketinggalan dari penulisan kitab tafsir al-Qur'an. Penulisan berbahasa Arab berkaitan '*Ulum al-Qur'an*' yang dijadikan rujukan primer yang masyhur kalangan ilmuwan bidang tafsir ada tiga buah kitab iaitu "*al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*" oleh Imam al-Zarkashi, "*al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*" oleh Imam al-Suyuti dan "*Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*" oleh al-Zarqani. Sementara kitab berkenaan ilmu *Usul al-Tafsir* yang menjadi rujukan utama dalam bidang tafsir adalah seperti "*Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*" karya Ibnu Taymiyyah, "*Usul al-Tafsir wa Qawa'iduhu*" oleh al-Sheykh Khalid 'Abd al-Rahman al-'Akk dan banyak lagi karya tulisan lain. Menurut Prof. Dr Salman Harun (2017) terdapat sub topik dalam kitab *al-Burhan* dan *al-Itqan* membincangkan kaedah-kaedah tafsir secara eksplisit. Sebuah karya lain hasil Khalid bin 'Uthman al-Sabt (1997) bertajuk "*Qawa'id al-Tafsir*" telah menyusun kaedah-kaedah pentafsiran al-Qur'an sebanyak 280 kaedah beserta 100 sub kaedah dalam 29 bab perbahasan.

Apabila diteliti karya-karya penulisan kedua-dua ilmu ini, kesemuanya khas untuk kalangan bidang tafsir al-Qur'an. Oleh kerana itu penting untuk mengetengahkan satu model ilmu secara umum dan mudah yang boleh digunakan sebagai panduan oleh seluruh masyarakat Islam dalam berinteraksi dengan al-Qur'an. Model yang berkonsepkan amal dan ilmu ini wajar menjadi kaedah unggul untuk memahami maksud ayat-ayat al-Qur'an dan terhindar dari kesalahfahaman, kekeliruan dan penyelewengan.

### Amal dan Ilmu dalam Berinteraksi dengan Al-Qur'an

Al-Qur'an merekodkan gandingan amal dan ilmu secara tidak langsung dalam beberapa tempat ayat-ayatnya. Kebanyakan gandingan ayat tentang amal adalah bersama keimanan. Ini boleh dilihat dari ayat-ayat pernyataan untuk orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih, seperti firmanNya:

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

**إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَنَضْعِفُ أَجْرَهُمْ أَخْسَنُ عَمَلاً ﴿١٨﴾**

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya".

(Surah al-Kahfi, 18: 30)

Jika diteliti secara mendalam, iman seseorang itu terhasil daripada adanya aqidah yang membawa kepada kepercayaan, keyakinan dan keimanan terhadap keesaan Allah s.w.t. Kenyataan ini termaktub dalam firmanNya:

**فَأَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ لِذَنِيْكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلِلَّهِ يَعْلَمُ مُنْقَبِلَكُوْمُشَوِّلَكُوْ ﴿٦﴾**  
فَأَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

"Maka ketahuilah (wahai Nabi Muhammad) bahwa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah...".

(Surah Muhammad, 47: 19)

Juga firman Allah s.w.t.:

**شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلِكُ كَوْنُوْلَهُ وَأَوْلُو الْعِلْمِ قَلِيمًا بِالْقُسْطُطِ لَا إِلَهَ إِلَّاهُوْ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾**

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan adil dan bukti) bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu (berikrar dan mengakui juga bahawa) tiada tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

(Surah Aali 'Imraan, 3: 18)

Oleh kerana kepentingan beramal dengan ilmu itu, Allah s.w.t. mengingatkan orang-orang yang beriman agar menjauhi berkata-kata yang tidak benar melalui firmanNya:

**يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾ كَبُرُّ مُفْتَأَعَنَّ اللَّهَ أَنَّ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٤﴾**

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukannya? Sangat besar kebencian dan kemurkaan di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukannya".

(Surah al-Saf, 61: 2-3)

Dengan yang demikian, hal ini lebih dipandang serius apabila berbicara tentang al-Qur'an. Amal dan ilmu para Sahabat r.a. dalam proses berinteraksi dengan al-Qur'an dapat

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

dicontohi dan dijadikan asas utama. Seperti sebuah riwayat daripada Abu Abd Rahman al-Sulami yang menceritakan perihal para Sahabat r.a. penghafaz al-Qur'an bahawa apabila turun kepada mereka sepuluh ayat (atau diajarkan kepada mereka sepuluh ayat), mereka tidak akan meneruskan mempelajari ayat yang lain sehingga mereka mengetahui ilmu dan amal yang terkandung dalam ayat tersebut. Mereka berkata: "Kami mempelajari al-Qur'an, ilmu dan amal secara serentak" (Ibnu Taymiyyah, 1997 & Ibnu Kathir, 2000). Komentar dari Sheikh Khalid al-'Akk (1994) menyebutkan bahawa riwayat ini merupakan nas paling awal membuktikan wujudnya cara atau kaedah para Sahabat r.a. mempelajari dan memahami al-Qur'an. (Sarinah Yahya, 2018). Sebuah riwayat dari salah seorang Tabi'in r.a. iaitu Mujahid pula ada berkata: "Aku telah membentangkan mushaf ke atas Ibnu 'Abbas (maksudnya membaca, mempelajari dan mendalami al-Qur'an) sebanyak tiga kali bentangan; aku berhenti pada setiap ayat, lalu menanyakan beliau tentang ayat tersebut" (Ibnu Taymiyyah, 1997 & Ibnu Kathir, 2000).

Allah s.w.t. berfirman:

وَقَالَ الرَّسُولُ يَرَبُّ إِنْ قَوْمٍ أَنْجَدْ وَهَذَا الْقُرْءَانُ مَهْجُورٌ ﴿٢١﴾

"Dan Rasul berkata: "Ya Tuhan! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Qur'an ini (sesuatu) yang ditinggalkan (diabaikan)".

(Surah al-Furqaan, 25: 30)

Ibnu Kathir (2000) apabila mentafsirkan ini merumuskan bahawa antara sikap tidak acuh atau meninggalkan al-Qur'an adalah apabila dibacakan al-Qur'an, mereka membuat bising atau bercakap-cakap tentang hal lain sehingga tidak mendengarkannya, tidak mempelajari ilmu untuk memahami al-Qur'an dan tidak menghafaznya, tidak beriman dan tidak mengakui kebenarannya, tidak mentadabbur dan tidak memahaminya, tidak mengamalkan ajarannya dan tidak menjunjung tinggi perintahnya serta tidak menjauhi larangannya. Seterusnya mereka berpaling kepada selainnya yang berupa syair, komentar, lagu, permainan, perkataan dan lain-lain ('Abdullah Alu Syaikh, 2012). Jelas dari kata-kata Imam Ibnu Kathir ini menunjukkan peri pentingnya amal dan ilmu dalam memahami al-Qur'an dan tanpa kedua-duanya tergolong dalam kalangan manusia yang meninggalkan al-Qur'an.

Ilmu adalah sifat individu dan bukan sifat khusus bagi sesebuah masyarakat. Menurut Mohd Zaidi (2018) ilmu adalah suatu sifat yang menerangi diri seseorang. Meskipun sebuah masyarakat terbentuk daripada diri-diri manusia perseorangan, tetapi hakikatnya ia tidak bersifat dengan ilmu dan kefahaman. Gambaran perihal sebuah masyarakat itu berilmu adalah penyifatan yang bukan secara hakiki, akan tetapi hanya sebagai penggunaan secara metafora dengan kewujudan individu-individu yang berilmu dalam masyarakat tersebut. Dalam masa yang sama juga, ilmu menguasai diri seseorang individu tersebut dan mempengaruhi amalannya. Kisah Nabi Adam a.s. yang dirakamkan dalam al-Qur'an boleh dijadikan iktibar apabila Baginda dikurniakan ilmu namun masih saja Baginda alpa dan tergelincir sehingga melakukan sesuatu yang terlarang. Dari sini dapat difahami bahawa ilmu yang mantap dan kukuh diperlukan demi menghasilkan amal yang betul. Individu berilmu walaupun tidak mencerminkan sepenuhnya sebuah masyarakat berilmu secara hakiki, tapi dengan irungan amal yang sahih tetap berupaya membentuk sebuah masyarakat yang cemerlang.

#### Manhaj Amthal Berinteraksi dengan Al-Qur'an

Para ulama bidang tafsir telah sejak lama menyimpulkan secara muktamad bahawa *manhaj amthal*

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

atau metode yang layak dijadikan model utama dalam berinteraksi dengan al-Qur'an perlu dilengkapi dengan empat asas secara urutan. Al-Qur'an perlu difahami dari konteks ayat al-Qur'an juga sebagai tafsirannya yang awal. Jika tidak didapati tafsirannya dari ayat-ayat al-Qur'an yang lain, maka dirujuk kepada sunnah Rasulullah s.a.w. Jika tiada penjelasan dari sunnah, maka rujukan berpindah kepada kata-kata para Sahabat r.a. Sekiranya tiada riwayat dari mereka dijumpai, selanjutnya jalan terakhir adalah merujuk kepada kata-kata para Tabi'in r.a. (Ibnu Taymiyyah, 1997 & Ibnu Kathir, 2000). Empat syarat ini telah dipegang secara sepakat oleh para ulama. Kemudian para ilmuwan mutakhir menggunakan kepakaran ilmu masing-masing dengan menambah beberapa lagi syarat dan kaedah lain sehingga menghasilkan satu rangkuman kaedah yang unggul untuk berinteraksi dengan al-Qur'an.

Selain dari empat metode asas dan beberapa kaedah dan syarat tambahan seperti merujuk kepada ilmu dan kesusastraan Bahasa Arab serta konteks ayat, para ulama dulu dan mutakhir ini telah banyak mengkaji dengan lebih lanjut cara interaksi yang tepat dengan al-Qur'an. Ulama fasa terdahulu telah banyak membincangkan hal ini dalam skop bidang '*Ulum al-Qur'an, Usul al-Tafsir*' dan '*Qawa'id al-Tafsir*' sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Usaha ini masih diteruskan oleh generasi ulama masa kini, cuma ada yang menambah skop perbincangan atau lebih fokus membahaskan secara menyeluruh dengan penggunaan metode perbincangan yang lebih senang dan mudah difahami.

Antara ulama masa kini yang fokus membincangkan mengenai kaedah interaksi dengan al-Qur'an adalah seperti Muhammad al-Ghazali (2005) dalam kitabnya (*كيف نتعامل مع القرآن؟* Bagaimana Kita Berinteraksi dengan al-Qur'an?), Dr Yusuf al-Qaradhawi (2006) dengan tajuk (*كيف نتعامل مع القرآن العظيم؟*) dan Dr Solah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (2005) dengan karyanya (*مفاتيح ل التعامل مع القرآن* Kunci-Kunci Panduan Berinteraksi dengan al-Qur'an).

Kaedah-kaedah yang mereka utarakan lengkap dengan beberapa contoh kesalahan dan kekeliruan yang terjadi apabila tidak menepati kaedah tersebut. Karya al-Ghazali tentang bagaimana kita berinteraksi dengan al-Qur'an adalah asalnya wawancara ilmiah dan diskusi penuh kritis bersama Ustaz 'Umar 'Ubayd Hasanah dalam mengupas pelbagai isu untuk mengambil intisari kesedaran dari al-Qur'an menggunakan kaedah-kaedah ilmu yang tepat (Muhammad Rivai Batubara (Penterjemah), 1996). Skop perbincangan dalam karya diskusi ilmiah al-Ghazali ini sangat luas dengan melihat kepada pelbagai aspek berkaitan interaksi dengan al-Qur'an seperti diterangkan dalam jadual yang berikut:

**Jadual 3**  
**Skop Kaedah Interaksi dengan al-Qur'an Muhammad al-Ghazali**

No.	Skop Kaedah
1	Hafazan al-Qur'an di peringkat kanak-kanak
2	Peranan metode yang diwarisi dalam memahami dan berinteraksi dengan al-Qur'an
3	<i>Al-Sunan al-Kawniyyah</i> (peraturan-peraturan semulajadi) di dalam al-Qur'an
4	Berinteraksi dengan nas dari ruang reality kemunduran ummah
5	Fiqh: antara dalil al-Qur'an dan istilah fuqaha'

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

No.	Skop Kaedah
6	Fiqh Hadhari (Tamadun)
7	Pemikiran cetek dan pemikiran menyeluruh
8	Keabadian al-Qur'an
9	Kembali kepada hukum al-Qur'an secara beransur-ansur
10	Perbezaan aliran pemikiran ijihad
11	Mengetahui hukum llahi pada diri manusia dari segenap dimensi
12	Mukjizat ilmiah di dalam al-Qur'an
13	Krisis pemikiran bukan krisis manhaj
14	Despotisme politik dan cara perubahan dalam <i>khitab</i> al-Qur'an
15	Kefahaman istimewa terhadap ungkapan al-Qur'an
16	Pengasasan manhaj kembali kepada al-Qur'an
17	Interaksi dengan al-Qur'an sumber ilmu sosial dan kemasyarakatan
18	Contoh kekejaman politik dan kezaliman sosial
19	Tadabbur al-Qur'an memelihara kejatuhan tamadun
20	Antara keperluan <i>talaqqi</i> al-Qur'an dan interaksi dengan nas al-Qur'an
21	Penterjemahan makna al-Qur'an
22	Peranan Bahasa dalam mengetahui maksud nas al-Qur'an
23	Isu berkaitan pendapat dan akal
24	Al-Qur'an dan masa

(Sumber: Terjemahan kitab *Kayfa Nata'amal ma'a a-Qur'an* dengan beberapa pengubahsuaian dari penulis)

Tahap isi kandungan kitab al-Ghazali ini mungkin agak susah difahami oleh kalangan awam di rantau melayu. Oleh itu baki dua lagi penulisan yang berkaitan dilihat lebih bersesuaian untuk dirujuk. Dr Yusuf al-Qaradhawi (2006 & 2018) membahagikan kaedah interaksi dengan al-Qur'an kepada tiga bab utama. Dalam setiap kaedah interaksi utama ini, al-Qaradhawi telah menyusun dengan sebaiknya keterangan lanjut dalam pembahagian sub topik yang berkaitan dengannya. Keterangan dalam jadual yang berikut adalah tiga kaedah utama berinteraksi dengan al-Qur'an idea al-Qaradhawi:

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

**Jadual 4**  
**Tiga Kaedah Utama Berinteraksi dengan al-Qur'an Yusuf al-Qaradhawi**

No.	Kaedah Interaksi
1	Interaksi Hafazan, Tilawah dan Mendengar
2	Interaksi Pemahaman dan Pentafsiran
3	Interaksi <i>Ittiba'</i> (Mengikuti), Amal dan Dakwah

Sementara Dr Solah al-Khalidi (1994 & 2005) pula telah menyenaraikan sebanyak 27 kaedah secara terpisah dengan setiap kaedah diberikan pendekatan yang jelas. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti tertera dalam jadual yang berikut:

**Jadual 5**  
**Kunci Panduan Berinteraksi bersama al-Qur'an Dr Solah al-Khalidi**

No.	Skop Kaedah
1	Memandang al-Qur'an secara menyeluruh dan lengkap
2	Memerhatikan matlamat utama al-Qur'an
3	Meneliti tugas amali dan haraki al-Qur'an
4	Menjaga dan mengekalkan aura nas Qur'ani
5	Menjauhi perincian yang menghalang nur al-Qur'an
6	Mensucikan al-Qur'an dari Isra'iliyyat
7	Memasuki alam al-Qur'an tanpa apa-apa dakwaan pengetahuan terdahulu
8	Meyakini nas al-Qur'an secara mutlak dan menundukkan realiti yang bertentangan dengannya
9	Menghayati isyarat dan petunjuk halus nas al-Qur'an
10	Memerhatikan nas-nas al-Qur'an yang kaya dengan makna dan petunjuk
11	Menggunakan makna-makna al-Qur'an yang dipraktikkan oleh para Sahabat r.a.
12	Membebaskan nas-nas al-Qur'an daripada terikat dengan zaman dan tempat
13	Memerhatikan ruang lingkup dan skop realiti bagi nas-nas al-Qur'an
14	Mendepani perkara-perkara jahil dan salah

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

No.	Skop Kaedah
15	Meluaskan pentafsiran mengandungi sirah kehidupan para Sahabat
16	Merasakan bahawa ayat al-Qur'an ditujukan kepada kita
17	Memperbaiki <i>talaqqi</i> al-Qur'an
18	Mencatat inspirasi dan makna al-Qur'an untuk kegunaan masa depan
19	Menguasai dasar-dasar ilmu tafsir
20	Menggunakan ilmu pengetahuan moden
21	Sentiasa mengulang mempelajari al-Qur'an dan menambah makna
22	Memerhatikan kesatuan tema bagi sesebuah surah al-Qur'an
23	Mengikuti penggunaan al-Qur'an terhadap sesuatu istilah
24	Melangkaui kepelbagai pendapat antara para <i>mufassir</i> dan kembali kepada petunjuk al-Qur'an
25	Mengetahui para ahli tafsir dengan sebaik-baiknya
26	Menyusun langkah-langkah teratur dan sistematik dalam berinteraksi dengan al-Qur'an
27	Mempraktikkan hasil interaksi dengan al-Qur'an

(Sumber: Terjemahan kitab *Mafatih li al-Ta'amul ma'a al-Qur'an* dengan beberapa pengubahsuaian dari penulis)

Dari paparan jadual kaedah-kaedah ini dapat disimpulkan bahawa ilmu-ilmu yang mendalam berkaitan dengan tafsir al-Qur'an secara umum, dan ilmu '*Ulum al-Qur'an*' dan ilmu '*Usul al-Tafsir*' secara khusus, perlu ada dalam diri individu yang hendak berinteraksi dengan al-Qur'an dan seterusnya hasil interaksi itu diamalkan berpandukan kepada ilmu yang sahih.

### Beberapa Contoh Kekeliruan, Salah Faham dan Penyelewengan Tafsir 'Ilmi

*Dakhil* dan riwayat *Isra'iliyyat* juga terdapat di dalam pentafsiran saintifik ayat-ayat al-Qur'an dan telah lama wujud di dalam kitab-kitab tafsir. Fakta-fakta saintifik kebiasaannya memukau perhatian orang ramai, lebih-lebih lagi jika dikaitkan dengan ayat-ayat al-Qur'an. Ini menyebabkan kemaksuman Nabi s.a.w. dipersoalkan atas alasan penemuan ilmu sains sebagai hujah. Abu Syahbah (1408H) ada menyatakan bahawa kebanyakan kisah-kisah yang diriwayatkan berkenaan alam semesta adalah bercanggah dengan ketetapan yang zahir dan hakikat ilmiah yang telah diterima pakai oleh semua orang, seperti sfera bumi dan putarannya, berlakunya gerhana bulan dan matahari, dan sebagainya.

Mereka menyebut banyak perkara tentang gerhana matahari dan bulan, sebahagiannya benar dan sebahagiannya lagi tidak, tetapi mengaitkannya dengan kitab-kitab tafsir dan al-Qur'an. Perkara ini perlu dikaji semula kerana masih ada di zaman kita ini yang manafikan sfera bumi dan putarannya

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

serta sebab-sebab berlakunya fenomena ini. Mereka bercakap tentang gerhana, guruh, kilat, hukum graviti, dan sebagainya tidak diterima akal. Terdapat juga yang mengatakan tentang umur dunia tujuh ribu tahun, dan Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan di penghujung tahun ke enam ribu. Ibnu al-Jawzi menilai kata-kata mereka ini adalah *mawdu'* dan rekaan yang tidak diterima.



Sumber gambar: Unsplash oleh Max LaRochelle

وَسَيَّحَ الرَّعْدُ مُحَمَّدٌ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خَيْفَتِهِ وَرَسِّلَ الصَّوْعَقَ فِي صَبَبٍ  
 بِهَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَدِّلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ الْمَحَالِ ﴿١٣﴾

"Dan guruh bertasbih dengan memujiNya, (demikian pula) malaikat-malaikat (bertasbih) kerana takut kepadaNya. Dan Dia yang melepaskan petir lalu menimpa sesiapa yang dikehendakiNya. Mereka yang kafir itu membantah (*da'wah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam*) mengenai Allah (kewujudan, keesaan dan kekuasaanNya), padahal Dia sangat berat seksaNya".

(Surah al-Ra'd, 13: 13)

Tafsiran seperti ini jelas sangat menyeleweng dan bertentangan dengan ayat sebelumnya firman Allah s.w.t.:

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرَقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَشِّئُ السَّحَابَ الظَّالِمَ ﴿١٢﴾

"Dia yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menakutkan (dengan panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan), dan Dia jualah yang menjadikan awan tebal yang berat (mengandungi air)".

(Surah al-Ra'd, 13: 12)

Seterusnya Abu Syahbah menukilkan pandangan ilmu sains terhadap fenomena alam seperti guruh, kilat dan petir ini dengan membawakan nas karangan Dr Muhammad Ahmad al-Ghamrawi (1936) dalam kitabnya (*Sunnah Allah di Alam Semesta*).<sup>5</sup>

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI



Sumber gambar: Adobe Stock AI Generated oleh swillkitch

Jelas dari contoh-contoh ringkas ini menunjukkan penyelewengan tafsiran saintifik ayat-ayat al-Qur'an telah wujud sejauh lama. Hanya saja tafsiran yang batil itu bersandarkan kepada riwayat-riwayat yang tidak sahih, palsu dan tiada asas. Kemudian ia tidak berhenti begitu saja, malah turut berkembang seiring dengan kepesatan kemajuan ilmu sains. Antara contoh terkini penyelewengan *Tafsir 'Ilmi* seperti pentafsiran firman Allah s.w.t.:

وَلَذِقَ الْمُؤْمِنُ بِقَوْمٍ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذَبَّحُوا بَقْرَةً قَالُوا أَنَّا تَعْذِيزًا هُنَّ رُؤْبُرُ  
 قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿١﴾ قَالُوا أَوْعَدْنَا رَبَّكَ يُبَيِّنُ لَنَا مَا هِيَ  
 قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا يَحْرُمُ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَاقْعُلُوهُ  
 مَا تُؤْمِنُونَ ﴿٢﴾ قَالُوا أَوْعَدْنَا رَبَّكَ يُبَيِّنُ لَنَا مَا الْوَعْدُ فَقَالَ إِنَّهُ يُكَوِّلُ  
 إِنَّهَا بَقْرَةٌ صَفْرَاءٌ فَاقْعُلُوهُنَّا تَسْرِي لِظَّرِيبَتِ ﴿٣﴾ قَالُوا أَوْعَدْنَا رَبَّكَ يُبَيِّنُ  
 لَنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقْرَ تُشَبِّهُ عَلَيْنَا وَلَا إِنَّ شَاءَ اللَّهُ لَمْهَدِنَوْنَ ﴿٤﴾ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ  
 إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَذَلِيلٌ تُشَبِّهُ الْأَرْضَ وَلَا سَقَى الْحَرَثَ مُسَلَّمٌ لَا شَيْةَ فِيهَا قَالُوا  
 أَنْتَ جِئْتَ بِالْحِقْوَى فَذَبَّحُوهَا وَمَا كَأْدُوا يَفْعَلُونَ ﴿٥﴾ وَلَذِقْتُمُ نُفَسَّا  
 فَإِذْ رَأَيْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَا كُنْتُ تَكْنُونَ ﴿٦﴾ فَقُلْنَا أَضْرِبُوهُ بِعَصْبَهَا كَذَلِكَ  
 يُحِيِّ اللَّهُ الْمَوْتَىٰ وَيُحِسِّنُ كُمْ إِنَّمَا لَعْنَكُمْ نَعْقُلُونَ ﴿٧﴾

<sup>5</sup> Sila rujuk: Abu Syahbah, Muhammad. (1408H). *Al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir*. Cet. Ke-4. Kaherah: Maktabah al-Sunnah. Hlm. 295-302 & Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah. (2016). *Isra'iliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Terjemahan: Hasnan bin Kasan. Cet. Ke-3. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hlm. 401-404.

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

"Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya (yang ingin mengetahui siapakah pembunuhan seorang yang terbunuh di kalangan mereka itu). "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih seekor lembu." Lalu mereka berkata: "Adakah engkau hendak mempermain-mainkan kami?" Nabi Musa berkata: "Aku berlindung kepada Allah daripada termasuk dalam golongan orang jahil (yang mempermain-mainkan orang lain). Mereka berkata kepadanya: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami supaya Dia menerangkan kepada kami apakah (sifat) lembu itu?" Nabi Musa berkata: "Sesungguhnya Allah berfirman bahawa ia ialah lembu yang tidak terlalu tua dan tidak juga terlalu muda tetapi pertengahan antara itu. Maka buatlah apa yang telah diperintahkan kepada kamu." Mereka berkata lagi: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami supaya Dia menerangkan kepada kami apakah warna lembu itu?" Kata Nabi Musa berkata: "Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah lembu yang sangat kuning warnanya yang menyukakan orang-orang yang memandangnya." Mereka berkata lagi: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami supaya Dia menerangkan kepada kami bagaimana sebenarnya keadaan lembu itu kerana lembu itu masih samar bagi kami dan sesungguhnya kami insya' Allah akan mendapat petunjuk (untuk memperoleh lembu itu)." Nabi Musa berkata "Sesungguhnya Allah berfirman bahawa lembu itu ialah lembu yang tidak digunakan untuk membajak tanah dan tidak (digunakan mengangkat air) untuk menyiram tanaman, tidak cacat dan tidak berbelang." Mereka berkata: "Sekarang engkau (wahai Musa) telah memberi keterangan dengan benar." Maka mereka pun menyembelih lembu itu. Dan hampir-hampir sahaja mereka tidak dapat melaksanakan perintah Allah itu. Dan (ingatlah) ketika kamu (Bani Israel) membunuh satu jiwa lalu kamu tuduh-menuduh dalam perkara itu padahal Allah tetap menzahirkan apa yang kamu sembunyikan. Maka Kami berfirman: "Pukullah si mati itu dengan sebahagian anggota daripada lembu yang telah disembelih itu." Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati dan memerlukan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya supaya kamu memahaminya".

(Surah al-Baqarah, 2: 67 – 73)

Tantawi Jawhari (2016) pengarang kitab *al-Jawahir* yang dikatakan bermetodekan *Tafsir 'Ilmi* berpendapat bahawa ilmu menghidupkan dan memanggil roh diambil daripada ayat-ayat ini. Dari sini lahir ilmu roh di Amerika terlebih dahulu kemudiannya merebak ke Eropah (al-'Akk, 1994 , Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015).

Pendapat sebegini sangat menyimpang dan menyalahi kaedah serta syarat *Tafsir 'Ilmi*. Urusan roh adalah seratus peratus urusan milik Allah s.w.t. sahaja sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ مَنْ مُنْ أَمْرِرَىٰ وَمَا أُوتِيسَ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakanlah: "Roh itu adalah daripada urusan Tuhanmu dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja".

(Surah al-Israa', 17: 85)

Dr Fadhl 'Abbas (2016) juga mengkritik tafsiran Tantawi Jawhari ini dengan menyatakan rasa pelik terhadap beliau yang merupakan seorang ilmuwan yang cerdik dan memiliki asas akidah yang teguh, boleh mempercayai ilmu menghadirkan roh. Bukan setakat itu saja, malah Tantawi Jawhari mencampuradukkan fahaman itu dengan tafsir al-Qur'an dan mencela umat Islam kerana tidak mengambil berat serta terkebelakang daripada ilmu yang dipelopori oleh dunia Barat.

Contoh lain lagi dalam pentafsiran firman Allah s.w.t.:

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

**وَيَقْذِفُونَ بِالْغَيْبِ مِنْ مَكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٦﴾**

"... dan mereka pula melemparkan tuduhan palsu berdasarkan sangkaan terhadap kebenaran itu dari tempat yang jauh".

(Surah Saba', 34: 53)

Pengarang buku (*Aspek Saintik di dalam al-Qur'an*), Dr Salahuddin Khattab (t.th.) berkata: ialah: telefon, mobile, telegraf, televisyen, dan radio.

Maksudnya Allah ingin mengatakan bahwa al-Qur'an meramalkan kewujudan ciptaan moden ini. Sedangkan tafsiran yang sahih adalah sebagaimana yang dikatakan oleh Qatadah dan para Sahabat serta Tabi'in yang lain bahawa sesungguhnya orang-orang kafir direjam dengan sangkaan; tidak akan ada kebangkitan, tidak ada syurga, tidak ada neraka, dan al-Qur'an menjawab kebohongan ini.

Contoh lain firman Allah s.w.t.:

**فَلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَىٰ أَنْ يَعْثُثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّنْ فُورٍ كُمْ أَوْ مِنْ تَحْتِ أَجْفَانِكُمْ**

"Katakanlah: "Dialah yang Maha Berkuasa untuk menimpakan kepada kamu azab dari atas kamu (seperti taufan dan lahar gunung berapi) atau dari bawah kaki kamu (seperti gempa bumi dan tsunami) ...".

(Surah al-An'aam, 6: 65)

Dr Salahuddin Khattab (t.th.) berkata: Seksaan dari atas kamu berlaku adalah bom yang turun dari pesawat, dari atas kepala, dan dari sesuatu ketinggian. Manakala seksaan dari bawah kaki menunjukkan kepada lombong dan kapal selam yang didirikan di dalam tanah atau di laut, dan sesiapa yang ingin membina sakannya melewati di atasnya, lalu meletup di bawah kakinya atau keretanya yang menyebabkan kebinasaan.

Contoh ini seolah-olah menyamakan kuasa manusia dengan kuasa Allah, sedangkan Allah s.w.t. menegaskan dengan firmanNya:

**يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذَا أَنْقَرْتُ زَلْزَلَةً أَسْأَعَهُ شَيْءًا عَظِيمًا ﴿١﴾ يَوْمَ تَرَوُنَهَا تَدْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرَضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَانِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سَكَرَى وَمَا هُمْ بِسَكَرَى وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾**

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. Sesungguhnya goncangan (gempa bumi) hari Kiamat itu adalah sesuatu yang dahsyat. Pada hari ketika kamu melihatnya (goncangan itu) setiap perempuan yang menyusukan anak akan melupakan anak yang disusukannya dan setiap perempuan yang mengandung akan gugurlah anak yang dikandungnya dan kamu akan melihat manusia dalam keadaan mabuk padahal mereka sebenarnya tidak mabuk tetapi azab Allah itu sangat berat".

(Surah al-Hajj, 22: 1 - 2)

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

Contoh penyelewengan pentafsiran saintifik al-Qur'an yang lain lagi seperti dalam firman Allah s.w.t.:

**إِنَّمَا مِثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمِائِنَ رَزْكِنَا مِنَ السَّمَاءِ فَاحْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ  
مَمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَمُ حَتَّىٰ إِذَا حَذَّتِ الْأَرْضُ رُحْرُها وَأَرْتَتْ وَطَنَ أَهْلَهَا أَنَّهُمْ  
قَدْرُونَ عَلَيْهَا أَنْتَهَا أَمْرَنَاهَا لَوْلَا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَانَ لَمْ يَعْنَ بِالْأَمْسِ  
كَذَلِكَ نَفَعَلُ الْأَرْيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١﴾**

"Sesungguhnya perumpamaan kehidupan dunia samalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit lalu tumbuhlah dengan suburnya (kerana air itu) berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan bumi, antaranya ada yang dimakan oleh manusia dan binatang ternakan, hingga apabila bumi itu sempurna keindahannya dan berhias (dengan berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan) dan pemiliknya yakin bahawa mereka dapat menguasainya (meni'mati hasilnya), (tiba-tiba) datanglah azab Kami pada waktu malam atau siang lalu Kami menjadikannya (binasa seperti) tumbuh-tumbuhan yang sudah dituai seakan-akan tidak pernah tumbuh sebelumnya. Demikianlah Kami menjelaskan satu-persatu tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi kaum yang (mahu) berfikir".  
(Surah Yunus, 10: 24)

Dr Salahuddin Khattab (t.th.) mengatakan bahawa ini adalah rujukan untuk membuat bom atom yang memusnahkan dunia.

Pendapat-pendapat seperti ini<sup>6</sup> sangat menyeleweng dari tafsiran sebenar ayat tersebut dan tidak menepati kaedah pentafsiran al-Qur'an secara umum dan syarat *Tafsir 'Ilmi* secara khusus.

Pada zaman akhir ini pula, dalam kecenderungan manusia bercelaru antara tuntutan kehidupan dunia dan amalan beragama serta kemajuan teknologi, segala perkara yang dikaitkan dengan ayat-ayat al-Qur'an dilihat seolah-olah betul, tanpa merujuk kepada kaedah yang sebenar. Masalah ini berada pada tahap yang sangat membimbangkan, lebih-lebih lagi sebaran secara meluas dan sukar dikawal di alam maya melalui media sosial. Ini seakan-akan menunjukkan semua orang memiliki mandat menyebarkan informasi berkaitan ayat-ayat al-Qur'an, walhal banyak yang menyeleweng dan sesat.

Terdapat banyak contoh ilmu dan maklumat berkaitan al-Qur'an, tafsir dan terjemahannya yang tersebar secara berluasa melalui media massa, medium dan modul perantara serta jaringan sosial dan juga aplikasi moden terkini. Kebanyakan maklumat ini berkisar tentang *al-I'jaz al-'Adadi* (kemukjizatan al-Qur'an berkaitan nombor dan angka)<sup>7</sup> dan fenomena kejadian alam serta makhluk, yang sebahagian besarnya menjadi isu kontroversial, bukan hanya di negara bermulanya isu tersebut, bahkan sehingga melewati luar negara dan juga seluruh dunia. Berikut diberikan beberapa contoh tafsiran saintifik yang salah dan menyeleweng;<sup>8</sup> iaitu:

### **Kejadian 11 September 2001**

Kejadian yang berlaku pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat terpahat dalam lipatan sejarah dunia dan diperingati saban tahun. Secara umum, kejadian ini boleh dianggap isu yang terbesar melibatkan kekeliruan pemahaman berkaitan ayat al-Qur'an yang tersebar melalui media massa di era globalisasi ini. Dilaporkan bahawa Dr Zaghlul Najjar tampil menerangkan kejadian runtuhan World Trade Center (WTC) di New York itu sudah termaktub di dalam al-Qur'an. Menurut kajian

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

beliau, kejadian tersebut seolah-olah digambarkan menerusi ayat ke-110 Surah al-Tawbah:

لَا يَرَأُلُّ بُنْيَنَهُمُ الَّذِي بَوَّأْرِسَةَ فِي قُلُوبِهِمْ لَا أَنْ تَقْطَعَ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّهُ عَلَيْهِ  
 حَكِيمٌ

"Bangunan (Masjid Dhirar) yang mereka bina itu sentiasa menjadi penyebab keraguan dalam hati mereka sehingga hati mereka itu hancur luluh (mati). Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

(Surah al-Tawbah, 9: 110)

Kajian ini mendapati beberapa fakta nombor dan angka ayat ini dengan kejadian runtuhan bangunan WTC tersebut. Fakta tersebut adalah seperti berikut:

Fakta Nombor	Kaitan dengan Kejadian
Ayat ke-110	Bangunan WTC (110 tingkat)
Juzuk ke-11	Tarikh kejadian (11 haribulan)
Surah ke-9	Bulan kejadian (September, bulan kesembilan)
Huruf terakhir ke-2001	Tahun kejadian (2001)

Pencerahan fakta ini bukan bermaksud menafikan kehebatan dan kemukjizatan al-Qur'an. Bahkan sebenarnya berusaha merungkaikan kekeliruan fahaman ini. Para ahli tafsir telah menerangkan dengan jelas bahawa ayat yang disebutkan ini adalah mengenai "Masjid al-Dhirar" (مسجد الضرار). Ini dijelaskan oleh ayat-ayat sebelumnya iaitu firman Allah s.w.t.:<sup>6</sup>

<sup>6</sup> Sila lihat contoh dan pendapat yang lain berkaitan *Tafsir 'Ilmi* yang batil dan sesat dalam: Al-Shiddi, 'Adil bin 'Ali. (2010). *Al-Tafsir al-'Ilmi al-Tajribi li al-Qur'an al-Karim Juzuruhu wa Tatbiqatuhu wa al-Mawqif Minhu*. Arab Saudi: Madar al-Watan.

<sup>7</sup> Kemukjizatan al-Qur'an berkaitan nombor dan angka ini bermaksud keseimbangan dan kesamarataan yang merangkumi semua perkara di dalam al-Qur'an; persamaan dan pengulangan angka, sama ada sesuatu perkara yang sama, atau berlawanan atau pun berkaitan antara satu sama lain. (Lihat: 'Abd al-Razzaq Nawfal. (1987). *Al-I'jaz al-'Adadi li al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Cet. ke-5. Muqaddimah).

Ilmu ini boleh juga diertikan dengan istilah "numerologi" yang bermaksud kajian tentang nombor-nombor yang dipercayai mempunyai pengaruh atau erti tertentu dalam kehidupan seseorang individu dan sebagainya. (Lihat: *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 1087).

<sup>8</sup> Antara contoh-contoh ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian penulis, kertas kerja seminar yang telah dibentangkan oleh penulis di beberapa seminar dan prosiding seminar. Lihat: Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). Kekeliruan Memahami Tafsir Ayat Al-Qur'an dan Terjemahannya pada Era Globalisasi: Pencerahan dan Solusi', *Al-Qur'an Al-Karim Mendepani Era Globalisasi*, Seminar Antarabangsa Al-Qur'an Al-Karim Era Globalisasi dalam Era Globalisasi. Fakulti Usuluddin, UNISSA. 11 - 12 September 2013. Hal. 187-206. Sarinah Yahya. (2018). Impak Penyebaran Riwayat Isra'iliyyat dalam Masyarakat Melayu Terhadap Pemahaman Tafsir Al-Qur'an. Dalam Zuraifah Zaini, Farah Nur Rashida Rosman, Sarinah Yahya (Ed.). *Diaspora Melayu Perkembangan dan Cabaran*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak. Hal. 209-220. Sarinah Yahya. *Amalan Berkaitan Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaras Standard Mufassirin Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Seminar Kefahaman Akidah dan Pemikiran Semasa 2019 (SEKAPES 2019). Pusat Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Fakulti Usuluddin & Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. 14-15 Ogos 2019M. Sarinah Yahya. *Konsepsi Ilmu dan Amal: Kaedah Bitara Berinteraksi dengan AL-Qur'an*. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-12 (KAIB 12). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. 11-12 Disember 2019.

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسَاجِدًا ضَرَارًا وَكُفُرًا وَتَرْقَابَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا  
 لَمْنَ حَارِبَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنَّا لَدُنَا أَلَّا حُسْنِي وَلَلَّهُ يَشَهِدُ  
 إِنَّهُمْ لَكَذِبُونَ ﴿١٦﴾ لَا تَقْنَمُ فِيهِ أَبْدَ الْمَسْجِدِ أَسِسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوْلَى يَوْمٍ أَحَقُّ  
 أَنْ تَقْوَمْ فِيهِ رِجَالٌ يَجْنُونَ أَنْ يَنْظَهِرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُظَاهِرِينَ ﴿١٧﴾  
 أَقْمَنَ أَسَسَ بُنْيَتَهُ عَلَى تَقْوَىٰ مِنْ أَنَّ اللَّهَ وَرَضُوْنَ حِيرَامَ مِنْ أَسَسَ  
 بُنْيَتَهُ عَلَى شَفَاعَرُوفٍ هَارِفًا هَارِبًا فِي نَارِ جَهَنَّمَ وَاللَّهُ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ  
 الظَّالِمِينَ

"Dan (antara orang-orang munafiq itu) ada yang membina masjid dengan tujuan menimbulkan kemudharatan (ke atas orang-orang Islam) dan (menguatkan) kekufturan (mereka sendiri) serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman dan juga untuk (dijadikan) tempat menunggu kedatangan orang-orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sejak dahulu. Dan mereka pasti akan bersumpah: "Kami tidak menghendaki melainkan kebaikan semata-mata." Dan Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya mereka adalah benar-benar orang-orang yang berdusta. Janganlah engkau ( wahai Nabi Muhammad) mendirikan sembahyang di dalam masjid (Dhirar) itu selama-lamanya. Sesungguhnya masjid (Quba') yang dibina atas dasar taqwa sejak hari pertama (dibina) adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri mereka dan Allah mengasih orang-orang yang suka membersihkan diri. Maka adakah orang yang membina bangunannya (masjid) atas dasar taqwa kepada Allah dan (untuk mencari) keredhaan Allah itu lebih baik ataukah orang yang membina bangunannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh lalu (bangunan itu) runtuh bersamanya ke dalam neraka Jahannam? Dan Allah tidak akan mengurniakan petunjuk kepada kaum yang zalim".

(Surah al-Tawbah, 9: 107 – 109)

Terdapat juga percanggahan fakta mengenai topik ini. Pada asalnya, ayat yang diambil untuk dikaitkan dengan kejadian 11 September tersebut ialah ayat ke-109 dan dinyatakan menyamai jumlah tingkat bangunan WTC yang runtuh itu. Akan tetapi, bilamana dikatakan bahawa jumlah tingkat bangunan itu bukan 109, malah berjumlah 110, lantas diubah pula fakta tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan di awal tadi. Juga terdapat beberapa fakta lain yang dikatakan bersamaan dengan kejadian serangan 11 September tersebut. Di sinilah bukti jelas menunjukkan betapa goyahnya pandangan ini, tidak berlandaskan kepada ilmu yang sebenar dan seolah-olah satu permainan terhadap al-Qur'an.

Majoriti ahli tafsir sepakat menyatakan bahawa ayat-ayat al-Qur'an itu menceritakan tentang strategi sekumpulan orang munafik membina sebuah bangunan sebagai tempat mereka menjalankan perancangan jahat terhadap kaum Muslimin. Mereka kemudiannya menamakan bangunan tersebut sebagai sebuah masjid bermaksud untuk mendatangkan mudarat kepada orang-orang Mukmin. Akhirnya, masjid tersebut dikenali dengan nama "Masjid al-Dhirar". Tujuan utama mereka juga ialah untuk memalingkan perhatian kaum Muslimin ketika itu daripada tertumpu kepada Masjid Quba' yang baru dibina (al-Sabuni, 1997).

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

### Gempa Bumi di Padang, Indonesia

Sebuah artikel di dada akbar<sup>9</sup> telah memaparkan satu tajuk yang mengaitkan kejadian gempa bumi di Padang, Sumatera, Indonesia pada 30 September 2009 menyamai tiga nas al-Qur'an. Tulisan artikel tersebut menyebutkan bahawa kebetulan waktu terjadinya musibah itu bersamaan dengan kaitan nombor surah dan ayat al-Quran, iaitu sebagaimana yang berikut:

- (1) Gempa pertama terjadi pada jam 17.16 petang menyamai ayat al-Qur'an dari surah ke-17 iaitu Surah al-Israa', ayat ke-16, iaitu:

وَلَا أَرِدُنَا أَنْ تُهْلِكَ قَرِيَّةً أَمْرَنَا مُتَرْفِهَا فَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقُولُ فَدَرَرْنَاهَا

تَدْمِيرٌ ۝

*"Dan jika Kami menghendaki untuk membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah Subhânu wa Ta'âlâ) tetapi mereka menderhaka dan melakukan maksiat di dalamnya maka pastilah berlaku ketentuan (azab Kami), lalu Kami musnahkan negeri itu sama sekali".*

(Surah al-Israa', 17: 16)

- (2) Gempa kedua menyusul pada jam 17.58 petang menyamai ayat al-Qur'an dari surah ke-17 juga, ayat ke-58, iaitu:

وَلَنْ مَنْ قَرِيَّةٌ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوْهَا فَأَقْبَلَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا

شَدِيدًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ۝

*"Dan tidak ada sesebuah negeri pun (yang penduduknya derhaka) melainkan Kami akan membinasakannya sebelum hari Kiamat atau Kami menyeksanya dengan azab yang berat. Yang demikian itu telah tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuzh)".*

(Surah al-Israa', 17: 58)

- (3) Gempa ketiga tejadi keesokan harinya di Jambi pada jam 08.52 pagi menyamai ayat al-Qur'an dari surah ke-8 iaitu Surah al-Anfaal, ayat ke-52, iaitu:

كَذَابٌ إِلَّا فَرْعَوْنُ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كُفَّارٌ وَإِنَّا يَنْهَايَنَا اللَّهُ فَأَخْذَهُمُ اللَّهُ بِمَا تُنْوِيهُمْ

إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

*"(Keadaan mereka) sama seperti keadaan Fir'aun dan pengikut-pengikutnya serta orang-orang yang terdahulu daripada mereka. Mereka mengingkari ayat-ayat Allah lalu Allah menyeksanya mereka disebabkan oleh dosa-dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi sangat berat sekaliannya".*

(Surah al-Anfaal, 8: 52)

Artikel tersebut seterusnya menyebutkan bahawa tiga ayat al-Qur'an itu berkisar mengenai azab Allah, kehancuran dan kematian serta kaitannya dengan hidup mewah dan derhaka.

Memang diakui kandungan maksud ayat al-Qur'an yang telah disebutkan itu adalah benar belaka. Walaupun penulis artikel tersebut mengatakan ia hanya kebetulan yang disampaikan oleh Allah s.w.t. ketika musibah sebagai peringatan, namun satu persoalan besar timbul dari pernyataan ini, iaitu

<sup>9</sup> Ibrahim Abdullah. (2009). "Waktu Gempa di Padang Menyamai 3 Nas al-Quran", Ruangan Agama, Berita Harian, Sabtu 10 Oktober 2009.

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

kenapa menggunakan format waktu 24 jam dan bukannya menggunakan sistem format 12 jam? Apakah jika kita ubah format waktu tersebut kepada jam 05.16 petang, kemudian lihat pada surah ke-5, ayat ke-16. Besar kemungkinan akan ada pendapat yang cuba mengutarakan fakta baru untuk menyamakkannya dengan kejadian tersebut. Hanya satu jawapan bagi persoalan ini iaitu kesemua fakta ini tidak berlandaskan ilmu yang benar.

### Fenomena Gulungan Awan di Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam

Satu fenomena unik telah berlaku di permukaan langit Negara Brunei Darussalam pada tanggal 13 Jun 2013. Kejadian tersebut dilihat berlaku di Daerah Belait dan dirakamkan seterusnya disebarluaskan dengan pantas melalui laman sosial Facebook, aplikasi WhatsApp dan sebagainya.



Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial dan akbar

Lalu didapati juga segelintir individu yang pantas menyebarkan satu ayat al-Qur'an yang kononnya berkait dengan fenomena ini. Ayat tersebut ialah:

يَوْمَ نَطَوْيِ السَّمَاءَ كَطْلَى السِّجْلِ لِلْكَثِيرِ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ حَقْقٍ تَعِيدُهُ  
وَعَدَّا عَلَيْنَا إِنَّا كَنَّا فَاعِلِينَ ۝

*"(Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran-lembaran kertas. Sebagaimana Kami telah memulai penciptaan pertama (suatu makhluk), begitulah Kami akan mengulanginya lagi. Itulah suatu janji ke atas Kami yang tentu akan Kami tepati, sesungguhnya Kami tetap melaksanakannya".*

(Surah al-Anbiyaa', 21: 104)

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

Penyebaran maklumat ini telah menyebabkan masyarakat memahami bahawa hari Kiamat akan datang tidak lama lagi, tanpa mereka menyedari kekeliruan dan salah faham telah berlaku. Akibat kurang ketelitian, masyarakat telah mempercayainya tanpa banyak soal. Ayat al-Qur'an yang dinyatakan itu memang benar menceritakan perihal kejadian langit semasa berlakunya hari Kiamat. Jelas perkataan (السماء) di dalam ayat itu bermaksud langit. Namun, kejadian fenomena yang berlaku di Daerah Belait itu bukan menunjukkan langit yang bergulung, bahkan awan (السحاب). Tambahan pula, al-Qur'an juga ada menyebutkan suasana kucar-kacir apabila berlakunya hari Kiamat yang datang mengejut dan secara tiba-tiba, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَكَيْنَ مِنْ إِيمَانِهِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَمُوْنُ عَلَيْهِا وَهُمْ عَنْهَا مُغْرِبُونَ  
 وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُ بِاللَّهِ إِلَّا وَمُشْرِكُونَ ۝ أَفَأَمْنُوا أَنْ تَأْتِيهِمْ عَذَابٌ  
 مِنْ عَذَابِ اللَّهِ أَوْ تَأْتِيهِمْ أَسْعَادٌ بَعْدَهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ۝

*“Dan berapa banyak tanda (kekuasaan Allah Subhânu wa Ta’âlâ) di langit dan di bumi yang mereka lalui (saksikan) sedang mereka berpaling daripadanya (tidak mahu memikirkannya). Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan (orang yang beriman itu pun) dalam keadaan mempersekuatkanNya (dengan yang lain). Maka adakah mereka merasa aman daripada didatangi azab Allah yang meliputi mereka atau didatangi hari Kiamat secara mengejut sedang mereka tidak menyadarinya”.*

(Surah Yusuf, 12: 105-107)

Firman Allah s.w.t. dalam ayat yang lain:

فَإِذَا جَاءَنَ الْصَّالَّةَ ۝ يَوْمَ يَنْزَلُ الرُّوحُ مِنْ أَخْيَهُ ۝ وَقُرْبَةٌ وَأَبْيَهُ ۝ وَصَرْجِبَهُ وَيَنْبِهُ ۝  
 لِكُلِّ أُمَّرِيٍّ مِنْهُمْ يَوْمَئِنْ شَانِ يَغْنِيَهُ ۝ وَجُوهٌ يَوْمَئِنْ مُسْفَرَةٌ ۝ صَالِحَةٌ مُسْتَبْشِرَةٌ ۝  
 وَجُوهٌ يَوْمَئِنْ عَيْنَاهُ بَاغِرَةٌ ۝ اُولَئِكَ هُمُ الْكُفَّارُ الْفَاجِرُ ۝

*“Maka apabila datang tempikan suara yang kuat (tiupan sangkakala yang kedua). Pada hari (ketika) seorang lari daripada saudaranya. Dan daripada ibu serta bapanya. Dan daripada isteri serta anak-anaknya. Kerana pada hari itu setiap mereka masing-masing mempunyai urusannya sendiri yang menyibukkan mereka. Pada hari itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri. Tertawa lagi gembira. Dan pada hari itu ada muka-muka yang penuh berdebu. Ditutupi oleh kegelapan dan kehinaan. Mereka itulah orang-orang kafir lagi derhaka”.*

(Surah 'Abasa, 80: 33-42)

Lantas, bagaimana mungkin, jika benar berlakunya hari Kiamat, orang ramai masih sempat merakamkan kejadian alam pada masa itu menggunakan peralatan canggih masing-masing dan seterusnya mengongsikannya pula dengan sesama rakan dan kenalan melalui perantaraan ciptaan era globalisasi ini?! Sesungguhnya, Allah sahaja yang Maha Mengetahui bila masa dan ketika berlakunya hari Akhirat. Allah s.w.t. berfirman:

وَتَبَارَكَ الَّذِي لَمْ يُكُنْ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بِنَهَا مَا وَعَنْهَا مَا لِلْأَسْعَادِ وَلِلْأَيْمَانِ  
 تُرْجَعُونَ ۝

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

“Dan Maha Agung Allah yang memiliki kuasa pemerintahan langit dan bumi serta apa yang ada di antara kedua-duanya, dan di sisiNya sahajalah pengetahuan tentang hari Kiamat dan kepadaNyalah kamu semua akan dikembalikan”.

(Surah al-Zukhruf, 43: 85)

Menurut satu kenyataan akhbar<sup>10</sup> yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca Negara Brunei Darussalam telah menjelaskan bahawa kejadian tersebut yang dinamakan “Morning Glory” merupakan sejenis fenomena cuaca yang dipanggil “Squall Line” (Garisan Badai atau hujan berangin rebut). Garisan badai selalunya disertakan dengan angin kencang yang mendadak. Pada masa kejadian tersebut, Brunei adalah di permulaan monsoon Barat Daya, dan berlakunya hujan berangin ribut adalah normal.

Kemudian, ada pula yang mengaitkan fenomena gulungan awan ini dengan ayat al-Qur'an yang lain, iaitu:

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرَقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَشِّئُ السَّحَابَ الشَّقَالَ ۝

*“Dia yang memperlihatkan kilat kepada kamu untuk menakutkan (dengan panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan), dan Dia jualah yang menjadikan awan tebal yang berat (mengandungi air)”.*

(Surah al-Râ'd, 13: 12)

Maklumat yang kedua ini menerangkan bahawa fenomena “Morning Glory” adalah suatu susunan awan-awan rendah yang tersusun sejajar dengan yang lain dan seringkali memanjang secara horizontal. Susunan awan ini merembat dengan kecepatan yang lebih besar dari kecepatan angin pada arah yang sama, dan menyebabkan perubahan tekanan hingga beberapa milibar. Fenomena ini juga dianggap sebagai visualisasi gelombang internel yang merembat di atmosfera.<sup>11</sup>

Selanjutnya diterangkan pula perkaitan fenomena yang terjadi di Brunei ini dengan ayat yang telah dinyatakan itu dari sudut berlainan, seperti mana kejadian 11 September 2001 yang telah diterangkan tadi. Maklumat tersebut berhujah dengan mengatakan bahawa Allah s.w.t. merakamkan ayat itu dengan nombor 12, sama dengan tanggal haribulan terjadinya fenomena itu iaitu 12 Jun 2013. Letak ayat itu pula terletak hampir di tengah-tengah Juzuk ke-13, yang mana pada masa berlakunya kejadian itu juga berada hampir di pertengahan tahun 2013, iaitu pada hujung bulan Jun.

Pernyataan ini tidak seharusnya dipercayai kerana amat jelas tidak masuk akal. Apakah istimewanya Brunei sehingga fenomena yang terjadi di dalam Negara ini telah tercatat di dalam al-Qur'an?! Fenomena tersebut jelas telah diberi nama oleh ahli pakar yang berkaitan. Ini bermaksud kejadian seumpamanya juga telah pernah berlaku di tempat dan negara lain serta pada masa dan waktu berlainan yang semestinya telah berlalu. Juga tidak mustahil akan berlaku lagi di masa akan datang.

<sup>10</sup> Media Permata. 13 Jun 2013.

<sup>11</sup> Petikan maklumat diambil daripada sumber internet yang tidak pasti kesahihan kandungannya. Lihat: “Awan Besar Bergulung Ditaqdiran Di Dalam Al-Qur'an”. <http://rahsia-rahsiabesardalamal-quran.blogspot.com/2013/06/awan-gulung-ditaqdiran-di-dalam-al.html>.



Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial

Memandangkan perkataan yang dipilih dalam bahasa Inggeris “sea” dan “land”, penulis mengandaikan “sea” adalah (البحر), dan “land” adalah (الارض). Jika merujuk kepada kitab “al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim” ('Abd al-Baqi, 1994), didapati bahawa (البحر) berjumlah 33 kali sebutan di dalam al-Qur'an, belum termasuk perkataan yang sama tetapi dalam bentuk muthanna dan jama' (bentuk dua dan ramai). Sementara perkataan (الارض) pula hanya berjumlah 12. Berkemungkinan fakta yang dikemukakan ini turut memuatkan satu lagi (الارض) tetapi bukan membawa maksud daratan, iaitu firman Allah s.w.t.:

إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلِ نَدْعَوْهُ إِنَّمَا هُوَ الْبَرُ الرَّحِيمُ ﴿٦﴾

“Sesungguhnya kami dahulu tetap menyembahNya, sesungguhnya Dia sangat melimpah kebaikan-Nya lagi Maha Pengasih”.

(Surah al-Tuur, 52: 28)

Oleh itu, walau ramai yang merasa kagum dengan *al-I'jaz al-'Adadi*, akan tetapi hakikatnya ia tiada faedah ilmu sedikit pun, sebagaimana diungkapkan Dr. Fadhl 'Abbas (1999) bahawa kesan yang timbul daripada *al-I'jaz al-'Adadi* ini sehingga menarik minat ramai, menyingkap kerahsiaan atau membuatkan kita lebih dekat kepada taraf akal semata-mata; yakni tiada sandaran kepada nas-nas dalil yang boleh diterima-pakai.

**Habl al-Warid** (ديرولا لبـح)

Satu informasi tersebar melalui rangkaian sosial seperti Facebook dan juga aplikasi komunikasi seperti WhatsApp berkenaan satu gambar yang dikaitkan dengan ayat al-Qur'an iaitu firman Allah s.w.t.:

وَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعْمَلُ مَا تُوْسِعُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿٦﴾

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI


### Kaitan Fakta Sains Modern dengan al-I'jaz al-'Adadi

Maklumat dari gambar yang tertera adalah salah satu contoh daripada kesekian banyak contoh lain yang memaparkan tentang kemukjizatan al-Qur'an dari segi nombor dan angka. Penulisan ini tidak akan membincangkan status kedudukan “al-I'jaz al-'Adadi” ini, mahu pun kebenaran fakta sains yang ada dalam maklumat yang disebarluaskan. Fokus utama hanya disasarkan kepada merungkaikekan kekeliruan yang timbul iaitu dari segi formula pengiraan dan kriteria pemilihan perkataan.

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

“Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat nadinya”.

(Surah Qaaf, 50: 16)



Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial

Persoalan timbul apabila tiada penerangan jelas dan terperinci diberikan mengenai maksud tafsiran ayat tersebut. Ini menyebabkan masyarakat tertanya-tanya dan mungkin juga memahaminya dengan fahaman tersendiri yang dikhuatiri wujudnya kekeliruan dan salah faham.

Ayat ini merupakan dalil mengukuhkan hujah ke atas keingkaran orang-orang kafir terhadap Hari Kebangkitan (al-Zuhayli, 1418H). Ia juga perkhabaran mengenai kekuasan Allah menciptakan manusia dan ilmu Allah meliputi segala sesuatu, sehingga mengetahui apa yang berlegar di benak fikiran dan lintasan perasaan mereka. Walaubagaimanapun, tiada balasan seksa dikenakan kepada pemikiran jahat yang tidak dilaksanakan dengan tindak tanduk sepermata sabda Nabi s.a.w.:

((إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ بِخَلْقِهِ لَأَمْتَيْ عَمَّا حَدَّثَتْ بِهِ أَنفُسُهَا، مَا لَمْ شَكَّلْنَاهُ بِأَوْ تَعْمَلْنَاهُ))

Sesungguhnya Allah s.w.t. mengampuni apa yang dibisikkan oleh perasaan umatku, selagi perkara itu tidak diucapkan atau dilakukan.

[HR al-Bukhari & Muslim]

Kebanyakan mufassir terdahulu bersikap waspada dalam metodologi penafsiran mereka terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Juga kerana perkembangan dan pengetahuan ilmu sains serta kaitannya dengan ayat al-Qur'an belum begitu pesat dan kurang dipelopori. Sehinggalah permulaan zaman moden yang lebih menyasarkan kepada metodologi pembaikan ummah dan tamadun sejagat (المنهج الأدبي الإصلاحي الاجتماعي)، barulah ulama tafsir giat menerokai rahsia tersirat di sebalik ayat-ayat al-Qur'an.


Sebagai contoh, Abu Hayyan al-Andalusi (2005) menafsirkan ayat tersebut dengan maksud “lebih dekat dengan urat lehernya daripada segi mengetahui segala hal keadaan setiap orang dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada ilmu Kami (Allah s.w.t.)”. Ibnu Kathir (2000) pula mengatakan bahawa para malaikat Allah sentiasa berada bersama-sama manusia lebih dekat

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

dekat daripada urat lehernya. Orang yang menafsirkan dengan menta'wil bahawa yang lebih dekat itu adalah ilmu Allah, maka ia berusaha agar tidak mesti adanya *hulul* atau *ittihad*; iaitu keyakinan bahawa Allah menempati jasad seseorang. Sementara al-Maraghi (1998) pula menukilkan huraian tafsir bagi ayat tersebut dengan maksud Kami (Allah s.w.t.) lebih tahu tentang bisikan manusia dan keadaan yang tersembunyi atau tidak tersembunyi kerana itu adalah urusan Allah. Oleh itu, Allah lebih tahu daripada kamu tentang urat leher, kerana urat leher itu ditutupi oleh lapisan-lapisan daging, sedangkan ilmu Allah s.w.t. tidak ditutupi oleh sesuatu pun.

Beberapa ahli tafsir zaman moden telah cuba menafsirkan maksud sebenar ayat ini dari perspektif berlainan. Ada yang memberikan definisi "*Habl al-Warid*" (حبل الوريد) sebagai urat-urat yang tersebar di tubuh manusia. Ibnu 'Aashuur (1997) memberikan pengertiannya sebagai pembuluh darah di jantung manusia. Betapa pun, ia lebih bermaksud menggambarkan sesuatu yang menyatu dalam diri manusia sehingga sangat dekat pada diri seseorang itu. Bahkan, pembuluh darah itu kendati sangat dekat kerana ketersembunyiannya, manusia tidak merasakan kewujudannya dalam dirinya. Demikian juga halnya dengan kewujudan Allah melalui pengetahuanNya tentang hal dalam manusia itu, maka ia tidak dapat merasakannya.

Justeru, maksud ayat ini boleh ditafsirkan bahawa Allah amat mengetahui apa yang dibisikkan oleh hati setiap manusia daripada urat leher atau pembuluh darah jantungnya sendiri. Ia merupakan satu kiasan betapa Allah Maha Mengetahui keadaan diri manusia sekalipun yang paling tersembunyi. Ini menepati firman Allah s.w.t.:



*"Dan jika engkau menyaringkan suara (ketika berzikir atau berdoa) maka sesungguhnya Dia mengetahui rahsia dan yang tersembunyi (dalam hati)".*

(Surah Taahaa, 20: 7)

Tafsiran-tafsiran yang telah dinyatakan ini, walaupun zahirnya mengandungi banyak pengertian, namun sebenarnya boleh disatukan kesemuanya. Pendapat yang banyak dalam kalangan ulama tafsir bagi menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an seperti ini bukan bermaksud perbezaan pandangan, malah lebih bermaksud kepelbagaian pendapat yang boleh menolong menguatkan intipati tafsiran sebenar ayat tersebut, selagi mana tidak bercanggah dengan syara'. Apa yang sebenarnya ditakuti, sepertimana contoh ayat yang dibawakan ini, disebarluaskan tanpa ada huraian dan penerangan tentang penafsirannya. Kiasan yang diberikan ayat itu tidak dapat difahami bahawa Allah menyatu dengan diri manusia, kerana itu sebagaimana telah diterangkan sebelum ini bahawa Ibnu Kathir (2000) memberikan maksud "*Kami*" dalam ayat tersebut sebagai para malaikat dan maksud apa yang "lebih dekat" itu ialah ilmu Allah s.w.t., demi mengelakkan pendapat "*hulul*" atau penyataan Allah dalam diri manusia.

Sekarang timbul pula amalan masyarakat berdasarkan pemahaman al-Qur'an yang salah disebabkan tidak mengikut ilmu yang sahih dan dikaitkan pula dengan *Tafsir Ilmi*, seperti mengaitkan semua perkara dalam kehidupan seseorang dengan fakta nombor yang kemudiannya dengan hasil nombor itu dirujuk ke dalam al-Qur'an. Hasil rujukan dari al-Qur'an itu seterusnya dirumuskan terdapat kaitan dengan diri individu tersebut secara peribadi, seperti yang tertera di dalam gambar yang tersebar di media sosial ini:

Daripada tarikh lahir Anis,  
Juzuk diri Anis adalah Juz 5.  
Ni contoh cara pengiraan Juzuk Diri.  
Contoh: [04.10.1986]

---

04.10.1986 (1+9+8+6=24)  
Hari: 4hb = 30  
Bulan 10 = 24  
Tahun 24 = 30  
30+24+30=84  
=84-19  
=65-30  
=35-30  
=5.  
= Juzuk 5.  
Surah An-Nisaa ayat 24-147  
Masa mula-mula kenal dengan Juzuk Diri ni, bukak je Juz 5 terus terpampang nama Anis kat situ 😊 (Surah An-Nisaa)  
Kat ayat pertama pun Allah dah tegur Anis tentang perihal masalah kehidupan Anis. Juz ni banyak berkisar masalah rumah tangga, nikah, cerai, rujuk, idah, naikah, mahar.. Semuanya perihal PERKAHWINAN ❤️  
  
"Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu. Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harita kamu secara bermikah, bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran denganannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah). Dan

Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial

Contoh-contoh sebaran melalui media sosial ini sudah cukup memberikan gambaran kepentingan menepati kaedah interaksi dengan al-Qur'an yang telah dibentuk oleh para ulama dan pakar bidang tafsir. Kaedah-kaedah tersebut tidak boleh ditandingi oleh kaedah sendiri ciptaan akal pemikiran semata-mata tanpa rujukan ilmu yang sepatutnya. Menepati kaedah yang betul sangat signifikan membuktikan kebitaran cara interaksi al-Qur'an yang sebenar.

Mutakhir ini keadaan menjadi lebih buruk berlaku dalam arena pendidikan dan akademik. Seperti yang kita tahu, dunia menghadapi musibah wabak Covid-19 sekitar suku akhir tahun 2019. Di sebalik kekecohan musibah global ini, ramai yang mencari hikmahnya, Masyarakat Muslim

### KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

Amalan seperti ini jelas bersalahan dengan kaedah sahih interaksi dengan al-Qur'an kerana tiada sandaran ilmu yang betul. Ia seolah-olah menjadikan al-Qur'an sebagai kitab tilik ahli nujum. Ini juga boleh dikategorikan sebagai "*Dakhil*" dalam ilmu tafsir al-Qur'an; iaitu apa-apa pendapat serta pandangan yang tidak baik terhasil daripada hawa nafsu atau ketaksuban pihak tertentu yang bertujuan untuk memburukkan imej Islam (Sarinah Yahya, 2016) seperti riwayat *Isra'iliyyat* dan *Mawdu'at* atau hadis-hadis palsu serta pendapat-pendapat batil dan menyeleweng. Ia layak digelar sebagai "*Dakhil*" dan "*Isra'iliyyat*" kerana melihat kepada bahayanya memesongkan perhatian umat Islam daripada al-Qur'an dan melalaikan mereka dari *mentadabbur*, menekuni pemahaman dan mengamalkannya berlandaskan ilmu yang betul serta mengambil 'ibrah daripadanya (Muhammad Husayn al-Zahabi, 2005).



Sumber gambar:  
Gambar stock Unsplash oleh Mostafa Meraji

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI


khususnya mula berbalik kepada ajaran Islam yang sebenar dengan meneliti ayat-ayat al-Qur'an dan juga Hadis Nabi s.a.w. yang berkaitan dengan wabak penyakit. Sungguhpun ini antara hikmah tersirat pandemik Covid-19, namun tidak semua menunjukkan kebaikan. Wujud penyelewengan dan salah faham dalam mengaitkan ayat-ayat al-Qur'an dengan wabak Covid-19 tanpa nas atau dalil syara'. Perkara ini juga merupakan penyelewengan dalam *Tafsir 'Ilmi* kerana dikaitkan dengan fakta saintifik.

Antara contohnya seperti dakwaan kewujudan "Corona" di dalam al-Qur'an, iaitu ayat:

وَقُرْنَ فِي بُيُوتِكُمْ وَلَا تَبْرُجْ إِلَيْهِ الْجَاهِلِيَّةُ الْأُولَى وَلَا قُمْنَ أَصْلَوَةُ  
وَإِذْ أَتَيْنَ الْرَّسُكَوَةَ وَطَعْنَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُنَهِّيَ عَنْكُمُ الْجُنُسَ  
أَهْلَ الْبَيْتِ وَنَظِيرُكُمْ نَطْهَرِيْاً ﴿٣٣﴾

"Dan hendaklah kamu sentiasa berada di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan perhiasan kamu (yang wajib ditutup) seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah dahulu, dan dirikanlah sembahyang, bayarlah zakat dan taatlah kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa kamu wahai 'Ahlulbait' dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya (daripada segala perkara yang keji)".

(Surah al-Ahzaab, 33: 33)



Sumber gambar:  
Gambar stock Unsplash oleh Mostafa Meraji

Kalimah (قُرْن) di dalam ayat tersebut walaupun bermaksud "Dan hendaklah kamu sentiasa berada di rumah kamu", akan tetapi sebenarnya ia adalah arahan dan teguran yang ditujukan kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. dan berkaitan dengan ayat-ayat sebelumnya. Ini juga merujuk kepada ilmu sebab nuzul ayat. Huruf nun (ن) bukanlah huruf asal kalimah tersebut. Ia adalah huruf gantinama yang ditujukan kepada isteri-isteri Nabi. Kalimah asal adalah (قُرْن) dan kalimah dalam ayat tersebut adalah berbentuk suruhan (قُرْن). Jelas tiada kaitan apa pun dengan virus "Corona".

Contoh sesat yang lain lagi ialah dakwaan yang mengatakan surah al-Muddaththir keseluruhannya adalah tentang Covid19. Juga dakwaan secara khusus dua ayat di dalam surah tersebut adalah berkenaan dengan Covid19, iaitu ayat 26 dan 30:

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR 'ILMI

○ Dakwaan Saqr kepanasan penyakit Covid19

سَاصْلِيْلُو سَقَرَ

"(Disebabkan kekufurannya itu) Aku akan memasukkan dia ke dalam neraka Saqr".


(Surah al-Muddaththir, 74: 26)

○ Dakwaan angka 19 merujuk kepada Covid19

عَلَيْهَا قِسْعَةُ عَشْرَ

"la dikawal oleh sembilan belas (malaikat)".

(Surah al-Muddaththir, 74: 30)



Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial

Contoh kesesatan *Tafsir 'Ilmi* yang lain lagi mengatakan bahawa virus Covid-19 tertulis di dalam al-Qur'an iaitu firman Allah s.w.t.:

فَإِذْ سَلَّمَنَا عَلَيْهِمُ الْطَّوْفَانَ وَالْجَرَادَ وَالْقَمَلَ وَالْعَسَافَادَعَ وَالْدَّمَاءَ إِنَّمَا يُنَهِّيَ مَعَصَلَتِي  
فَأَسْتَكْرِرُ وَأَكَوْأُ فَوْقَمَا جُنُّ مِينَ ﴿٧٧﴾

"Maka Kami hantarkan kepada mereka taufan (banjir besar), belalang, kutu, katak dan darah (air berubah menjadi darah, tiap-tiap satu bala itu selama tujuh hari) sebagai bukti-bukti yang nyata tetapi mereka masih menyombongkan diri dan mereka ialah kaum yang berdosa".

(Surah al-A'raaf, 7: 133)



Bukti Kebenaran Virus Corona Ternyata Tertulis dalam Alquran, Ini Hewan yang Dilarang Dalam Hadits

Sumber gambar: Sebaran aplikasi media sosial

## KEKELIRUAN, SALAH FAHAM DAN PENYELEWENGAN DALAM TAFSIR ‘ILMI

Maka menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan kalimah suci Allah dan tafsirannya daripada dicemari penyelewengan moden ini dengan mengambil pengajaran daripada petikan kata-kata Muhammad Husayn Al-Zahabi (2005): “Sejak dahulu lagi, terdapat orang-orang yang bercita-cita membuat tipu helah tentang Islam dan menghancurkannya seboleh mungkin dengan pelbagai cara. Antara wasilah yang penting bagi mencapai cita-cita yang jahat itu adalah dengan mentakwilkan al-Qur'an dalam bentuk yang tidak sahih, bertentangan dengan kehendak al-Qur'an yang menjadi sumber cahaya dan ia berterusan hingga hari ini. Oleh itu, lahir manusia pada kurun ini yang mentakwilkan al-Qur'an di luar daripada takwilan yang sebenar, mencorakkannya mengikut kesesuaian hawa nafsu mereka, dan mengikut kehendak diri mereka. Mereka memasukkan pemikiran-pemikiran yang negatif dalam takwilan dan anggapan yang kotor. Takwilan itu diterima oleh sebahagian orang awam yang tertipu, namun golongan yang mendapat perlindungan daripada Allah terhadap agama dan pemikiran, pasti menolaknya mentah-mentah” (Zulkifli & Muhammad Mukhlis, 2015).

## KESIMPULAN

Metode *Tafsir Ilmi* masih memerlukan penyelidikan yang berterusan untuk ia kekal menjadi trend pentafsiran al-Qur'an kontemporari yang diterima tanpa mengenepikan trend tafsir klasik. Dalam rangka usaha ke arah itu, syarat, kaedah dan kriteria sahih *Tafsir Ilmi* perlu dipatuhi agar tidak menundukkan ayat-ayat al-Qur'an kepada kehendak tafsiran saintifik. Al-Qur'an wajib diikuti, bukan sebaliknya memaksa pentafsirannya mengikut penemuan ilmiah. Al-Qur'an kekal sebagai kitab hidayah yang mengandungi pelbagai ilmu dan ‘ibrah pengajaran untuk manusia. Perbezaan *Tafsir Ilmi* dan *I'jaz Ilmi* juga perlu dititikberatkan agar metode *Tafsir Ilmi* tidak bercelaru walaupun kedua-duanya saling berkait rapat. Di samping itu, penyemakan berterusan perlu ditingkatkan dan mengawal ketat penulisan *Tafsir al-Qur'an Saintifik* demi menjaga kesucian Kalam Allah daripada dicemari elemen-elemen yang tidak sepatutnya.

Kepesatan penciptaan pelbagai peralatan berteknologi canggih sentiasa berubah dan semakin meningkat serta bertambah baik dari semasa ke semasa. Paparan contoh yang telah dikemukakan hanya sebahagian kecil daripada beratus atau mungkin beribu maklumat ilmu berkaitan al-Qur'an yang disebarluaskan melalui perantara ciptaan era globalisasi ini. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa orang-orang yang mengemukakan perkara ini sewenang-wenangnya mencetuskan isu tanpa bersandarkan kepada ilmu yang sebenar. Juga menunjukkan mereka itu mempunyai terlalu banyak masa terluang untuk membuat perkara yang belum tentu kesahihan dan manfaatnya. Oleh itu, tanggungjawab bukan hanya digalas oleh para ilmuwan dan agamawan pakar dalam bidang ilmu sebegini untuk merungkaikan kekeliruan dan memperbetulkan salah fahaman, malah juga masyarakat Islam secara keseluruhannya turut sama bertanggungjawab mengenalpasti kesahihan maklumat yang disebarluaskan, lebih-lebih lagi ianya melibatkan ayat-ayat al-Qur'an. Jalan penyelesaian juga telah lama tersedia untuk dijadikan panduan menuju pemahaman tafsir al-Qur'an dan terjemahannya dengan betul. Tinggal hanya menggunakan akal fikiran yang dianugerahkan Allah kepada kita untuk sama-sama mengkaji dan menyelidik adakah maklumat dan ilmu yang didapat merupakan bukti kemukjizatan al-Qur'an, atau pun ianya satu pembohongan dan dusta permainan ciptaan musuh-musuh Islam.

Ini juga menunjukkan bahawa zaman kini berhajat kepada keperluan penerbitan yang mengetengahkan tafsiran saintifik ayat-ayat al-Qur'an dengan memastikan kesahihan metodologi pentafsiran secara *Tafsir Ilmi*. Juga dihasratkan usaha memasukkan integrasi ilmu naqli dalam kurikulum pendidikan, terutama dalam mata pelajaran berkaitan sains agar nilai *Tafsir Ilmi* itu dapat dimanifestasikan dengan jayanya dalam semua tahap pendidikan sehingga ke peringkat global.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

<sup>12</sup> Antara contohnya sila lihat: Muh. Naim Madjid. (2020). “A Lesson from Corona Virus Disease 2019: Exploring the Science in the Book of Signs”. *Proceedings of the 4th International Conference on Sustainable Innovation 2020 – Social, Humanity, and Education (ICoSIHESS 2020)*. Advances in School Science, Education and Humanities Research, volume 518. Atlantis Press. <https://www.atlantis-press.com/article/125951392.pdf>. T. Khenenou, S. Laabed, O. Laabed. (2020). “Did the Quran Mention COVID-19 Pandemic? Medical and Sanitary Prophylaxis of this Disease”. *Journal of Medical Biomedical and Applied Sciences* 8 (4), 375-377. <https://scholarworks.wmich.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1067&context=religion-pandemic-doctrine>. Abdul Rashid Agwan. (2020). “Probable mention of a Covid-19 like pandemic in the Quran”. <https://muslimmirror.com/eng/probable-mention-of-a-covid-19-like-pandemic-in-the-Quran>. Baback Khodadoost. (2021). Al-Muddathhir of the Quran Linked to the Covid -19 and Spanish Flu Pandemics: Circumstantial Evidence. *Journal of Quranic Sciences and Research*. Vol.2. No. 2 (2021) 17-34. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jqs/article/view/9514/4732>.

## B I B L I O G R A P H Y

- Al-Qur'an al-Karim.
- Ibnu 'Aashuur, Muhammad al-Tahir. (2000). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Beirut: Muassasah al-Tarikh.
- 'Abbas, Fadhl Hasan & Sana' Fadl 'Abbas. (1999). *I'jaz al-Qur'an al-Karim*. Cet. 3. Jordan: Dar al-Furqan.
- 'Abbas, Fadhl Hasan. (1997). *Itqan al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Jordan: Dar al-Furqan.
- 'Abbas, Fadhl Hasan. (2016). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun Asasiyyatuhu Wattijahatuhu wa Manahiju fi al-'Asr al-Hadith*. Jordan: Daar al-Nafaa'is.
- 'Abd al-Baqi, Mu'lammad Fu'ad. (1994). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani. (2009). *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah 'Azza wa Jalla*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- 'Abd al-Sattar Fath Allah Sa'id. (1991). *Al-Madkhal ila al-Tafsir al-Mawdu'ie*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- 'Abd al-Qadir Muhammad al-Husayn. (2013). *Tamyiz al-Dakhil fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Majallah Jami'ah Dimisyqa li al-'Ulum al-Iqtisadiyyah wa al-Qanuniyyah. Jld. 29. Vol 3.
- Abu Dawud Sulayman bin al-'Ash'ath al-Azdiy. (2000). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyyah.
- Abu Hayyan al-Andalusi, Muhammad bin Yusuf. (2005). *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad. (1408). *Al-Isra'iiliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. (2016). *Isra'iiliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Hasnan Kasan (Penterjemah). Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi & Zulkarnain Zakaria. (2015). "Pendekatan Tafsir 'Ilmi dalam Penterjemahan Makna Ayat Kawniyat: Kajian Terhadap Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu". *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Hasan Al-Zayyat, Ibrahim Mustafa, Hamid 'Abd al-Qadir, Muhammad 'Ali al-Najjar, *Al-Mu'jam al-Wasit*. (t.t). Istanbul, Turki: Dar al-Da'wah.

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2015). *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sunwari Long. (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-'Akk, Khalid 'Abd al-Rahman. (1994). *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduhu*. Beirut: Dar al-Nafaa'is. Cet. 3.
- Alu Syaikh, 'Abdullah bin Muhammad. (2012). *Lubaab al-Ta'wil min Ibn Kathir*. M. 'Abdul Ghoffar & Abu Ihsan al-Atsari (Penterjemah). Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Amin Maulana & Zulkifli Hj Mohd Yusoff. (2009). "Pengajaran al-Quran di Nusantara: Satu Imbasan Sejarah". *Khazanah al-Quran dan al-Hadith Nusantara*. Ed. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faizal Ahmad Shah. Malaysia: Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya.
- 'Arjun, Muhammad al-Sadiq Ibrahim. (1989). *Al-Qur'an al-'Azim Hidayatuhu wa I'jazuhu fi Aqwal al-Mufassirin*. Cet. 2. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Ash-Shabuni, Muhammad Ali. (2020). *Shafwatut Tafasir, Tafsir-Tafsir Pilihan*. Penterjemah: KH. Yasin. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyyah.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (2021). *Mukjizat al-Qur'an Huraian dan Kupasan Terkini*. Mohd Fauzan bin Abdullah (Penterjemah). Melaka: Rabbani Books & Media.
- Al-Daghamin, Ziyad Khalil Muhammad. (1995). *Manhajiyat al-Bahth fi al-Tafsir al-Mawdu'ie li al-Qur'an al-Karim*. Amman: Dar al-Bashir.
- Dzulkifli Abdul Razak. (2020). *Sains untuk Manusia*. Malaysia: IIUM Press dan Majalah Sains.
- Ensiklopedia Pendidikan Sains dalam al-Quran*. (2005). Malaysia: Emedia Publication.
- Al-Fanisan, Sa'ud bin Abdullah. (1997). *Ikhtilaf al-Mufassirin Asbabuh wa Atharuh*. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-I'lam.
- Al-Farmawi, 'Abd al-Hayy. (1984). *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdu'ie Dirasah Manhajiyah Mawdu'iyah*. Cet. 3. t.p.: t.p.
- Al-Fayyumi, Ahmad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn 'Ali. (1987). *Al-Misbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1988). *Jawahir al-Qur'an wa Duraruhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. (1996). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Qur'an*. Muhammad Rivai Batubara (Penterjemah). Cet. 2. Malaysia: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Nahwa Tafsir Mawdu'ie li Suwar al-Qur'an al-Karim*. Cet. Ke-3. Kaherah: Dar al-Shuruq.

- \_\_\_\_\_. (2001). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_. (2005). *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an?*. Cet. 7. Kaherah: Nahdhat Misr.
- \_\_\_\_\_. (2021). *Mutiara-Mutiara al-Quran*. Mohd Nur Azuan Mohd Nasir, Muhammad Mu'izz Abdullah & Lasafarudi Lahadi (Penterjemah). Abdul Rauf Baharuddin (Editor). Melaka: Rabbani Books & Media.
- Hajah Sarinah binti Haji Yahya. (2013). *Al-Dirasat al-Qur'aniyyah fi al-Manahij al-Thanawiyyah fi Sultanat Brunei Darussalam*: Dirasah Muqaranah. Tesis Ph.D. Malaysia: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hajah Sarinah binti Haji Yahya, Yusfariza binti Yussop & Artini binti Haji Timbang. (2015). Pengajian Bidang Tafsir di Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam: Analisis Silibus dari Sudut Menepati Maqasid Al-Qur'an dan Kehendak Kontemporari. Dalam Esam El-Tigani Mohamed Ibrahim, Raudlotul Firdaus Fatah Yasin (peny.). *Revelation and Science in the 21st Century*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (2017). *Tafsir al-Azhar*. Juzuk 5. Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Haqqi, Muhammad Safa' Sheiykh Ibrahim. (2004). *'Ulum al-Qur'an min Khilal Muqaddimat al-Tafsir*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Hijazi, Muhammad Mahmud. (1970). *Al-Wahdat al-Mawdu'iyyah fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- 'Imad 'Ali 'Abd al-Sami' Husayn. (2006). *Al-Taysir fi Usul al-Tafsir*. Mesir: Dar al-Iman.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1975). *Siri Tafsir Darussalam* (1). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama. (1986). *Siri Tafsir Darussalam* (114). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Ja'far, 'Abd al-Ghafur Mahmud Mustafa. (2007). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun fi Thawbihi al-Jadiid*. Kaherah: Dar al-Salaam.
- Jami'ah al-Madinah al-'Alamiyyah. (2009). *Al-Dakhil fi al-Tafsir*. t.t.p.: t.p.
- Jawhari, Tantawi. (2016). *Al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Salam. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Juzay al-Kalbi, Abu al-Qasim Muhammad bin Ahmad. (1995). *Al-Tashil li 'Ulum al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Dewan*. Edisi ke-4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Khairuddin Said. (2015). *Gerbang Usul Tafsir*. Johor Bahru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

- Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman. (2000). *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Khalidi, Solah 'Abd al-Fattah. (1992). *Al-Bayan fi I'jaz al-Qur'an*. Cet. 3. Amman: Dar 'Ammar.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Al-Tafsir al-Mawdu'iye Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- \_\_\_\_\_. (2000). *I'jaz al-Qur'an al-Bayani wa Dala'il Masdaribi al-Rabbani*. Amman: Dar 'Ammar.
- \_\_\_\_\_. (2005). *Mafaatih li al-Ta'amul ma'a al-Qur'an*. Cet. 4. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- \_\_\_\_\_. (2006). *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Cet. 2. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- \_\_\_\_\_. (1994). *Panduan Bergaul Dengan Al-Quran*. Muhammad Ichsan (Penterjemah). Malaysia: Penerbitan Kintan Sdn Bhd.
- Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an, Badan Litbang & Diklat Kementerian Agama RI. (2016). *Penciptaan Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an dan Sains*. Republik Indonesia: \_\_\_\_\_.
- Madhat Hafiz Ibrahim. (1993). *Al-Isharat al-'Ilmiyyah fi al-Qur'an al-Karim*. t.t.p.: Maktabah Gharib.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadhl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. (1999). *Lisan al-'Arab*. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1998). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Muhammad Thalib (Pent.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofa Ismail. (2016). *BicaraWara Sains Islam Menerobos Kerdipan Sejarah dan Falsafah Sains yang Mengubah Dunia*. Malaysia: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd. & Inspirasi Media.
- \_\_\_\_\_. (2017). Keajaiban Alam dan Ayat al-Kauniyyah. Dalam Azizan Baharuddin & Norkumala Awang. (Penyunting). *Al-Qur'an & Sains Pemetaan Rintis Penyelidikan*. Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM.
- Mazlan Ibrahim. (2002). *Sejarah dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy*. Malaysia: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mazlan Ibrahim. (2007). "Perkembangan Ilmu Tafsir di Alam Melayu Sehingga Abad ke-20". *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Ed. Farid Mat Zain, Shah Alam, Malaysia: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Afandi Mat Rani. (2012). Fatwa Kontemporari dan Sains. Dalam Pisol Maidin (Peny.). (2012). *Kesepadan Agama dan Sains*. Malaysia: Penerbit UiTM Universiti Teknologi MARA.

- Mohd Asmadi Yakob, Abd Rahman Md Arshad & Abd Rashid bin Zainal. (2014). *Implementasi Hukum Qurani.: Pelaksanaan Hukum Berdasarkan Ayat-Ayat al-Qur'an dalam Kehidupan Moden*. Malaysia: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Mohd Radhi Ibrahim. (2023). *Integrasi Ilmu Menurut Epistemologi Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Redwan Yasin. (2014). "Sains dan Islam: Memanfaatkan Sains bagi Memartabatkan Islam". [www.majlisilmu.gov.bn/kertas\\_kerja/kertas\\_kerja\\_2014/Sains%20dan%20Islam.pdf](http://www.majlisilmu.gov.bn/kertas_kerja/kertas_kerja_2014/Sains%20dan%20Islam.pdf)
- Mohd Yusof Hj Othman. (2014). Sains Islam: Mengimbau Zaman Silam, Meneroka Masa Depan. Dalam: Khalijah Mohd Salleh (Peny.). (2014). *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zaidi bin Ismail. (2018). *Aqal, Ilmu dan Pendidikan: Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Muhammad Alihanafiah Norasid & Mustaffa Abdullah. (2016). *Tadabbur al-Qur'an Sebagai Mekanisme Pembangunan Modal Insan Rabbani: Sorotan Pemikiran Sa'id Hawwa'*. Dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Selamat Amir (Ed.). *Tadabbur Al-Quran Isu dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian al-Quran, Universiti Malaya.
- Muhammad Muhammad Zaghlul. (1999). *Al-Tafsir bi Al-Ra'y Qawa'iduhu wa Dhawabituhu wa A'lamuhu*. Damsyik: Maktabat al-Farabi.
- Muhammad Nur Lubis. (2002). *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Quran di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Muhammad Nur Lubis. (2009). "Ristaan Penulisan Mushaf al-Quran al-Karim dan Tafsirnya di Negara Brunei Darussalam". *Khazanah al-Quran dan al-Hadith Nusantara*. Ed. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faizal Ahmad Shah. Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mujahid bin Jabr, Abu al-Hajjaj. (1989). *Tafsir Mujahid*. Tahqiq: Dr Muhammad 'Abd Al-Salam Abu al-Nayl. Mesir: Dar al-Fikr al-Islami al-Hadithah.
- Munirah @ Monika Abd Razzak. (2021). *Tafsir 'Ilmi dalam Pengajian Tafsir. Dalam Khadher Ahmad & Selamat Amir (Editor). Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir dan Hadis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. (2014). Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.
- Al-Musleh, 'Abd Allah bin 'Abd al-'Aziz. (2011). *Al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Qur'an al-Karim Hujjah wa Burhan*. Arab Saudi: Dar Jiyad.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. (2000). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Mustafa Muslim. (1997). *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdh 'ie*. Damsyik: Dar al-Qalam.

- Mustaffa Abdullah. (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Malaysia: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Najjar, Zaghlul. (2012). *Min Ayat al-I'jaz al-'Ilmiyy fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabat al-Shuruq.
- Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin & Wan Nasryudin Wan Abdullah. (2016). Pendefinisian Semula Istilah Tafsir 'Ilmi. *ISLAMIYYAT* 38 (2).
- Pusat Da'wah Islamiah. (1998). *Siri Tafsir Darussalam* (136). Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Kayfa Nata'amal ma'a al-Qur'an al-'Azim*. Cet. 5. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Al-Qattan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Cet. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2000). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad. (1412H). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ramli Awang, Zulkiflee Haron & Mohd Nasir Ripin. (2012). *Sains Tamadun Islam*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Rumi, Fahd bin 'Abd al-Rahman bin Sulayman. (1413H). *Buhuth fi Usul al-Tafsir Wa Manahijihi*. Riyadh: Maktabat al-Tawbah.
- \_\_\_\_\_. (1413H). *Usul al-Tafsir wa Manahijuh*. Riyadh: Maktabat al-Wahbah.
- \_\_\_\_\_. (1414H). *Manhaj al-Madrasah al-'Aqliyyah al-Hadithah fi al-Tafsir*. Cet. 4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- \_\_\_\_\_. (1420H). *Dirasat fi 'Ulum al-Qur'an al-Karim*. Cet. 8. Riyadh: Maktabah al-Taubah.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Ittijahat al-Tafsir fi al-Qarn al-Rabi' 'Asyar*. Cet. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sabt, Khalid 'Uthman. (1997). *Qawa'id al-Tafsir Jam'an wa Dirasah*. Arab Saudi: Dar Ibnu 'Affan.
- Al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (t.t.). *Safwat al-Tafasir*. Cet. 9. Mesir: Dar al-Sabuni.
- Sa'id Hawwa. (2017) *Al-Asas fi al-Tafsir*. Cet. 4. Kaherah: Dar al-Salam.
- Salim, Ibrahim ibn Hasan. (1993). *Qadiyat al-Ta'wil fi al-Qur'an al-Karim Bain al-Ghulat wa al-Mu'tadilin*. Beirut: Dar Qutaibah.
- Salman Harun. (2017). *Kaidah-Kaidah Tafsir*. Jakarta: PT Qaf Media Kreativa.
- Al-Samarqandi, Abu al-Layth Nasr bin bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim. (2010). *Bahr al-'Ulum*. (t.p.).
- Saqa, Marhaf 'Abd al-Jabbar. (2010). *Al-Tafsir wa al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Qur'an al-Karim Dhawabituhu wa Tatbiqatuhu*. Damsyik, Syria: Dar Mohammad al-Amin
- Sarinah Yahya. (2003). "Manhaj Muhammad Sayyid Tantawi fi Kitabihi Al-Tafsir Al-Wasit li Al-Qur'an Al-Karim". Tesis Sarjana. Universiti Jordan..

\_\_\_\_\_. (2016). "Pemahaman Tafsiran Tersirat dari Tersurat Wasilah Tadabbur Al-Qur'an Menerusi Corak Tafsir Tahlili". dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Selamat Amir. *Tadabbur Al-Quran: Isu dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_. (2018). *Tadabbur al-Qur'an Istilah Qur'ani Yang Terabai: Usaha Universiti Islam Sultan Sharif Ali dalam Pemerkasaannya*. Dalam Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pemikiran, Falsafah, Dakwah dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_. (2019). Amalan Berkaitan Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaras Standard Mufassirin Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Seminar Kefahaman Akidah dan Pemikiran Semasa 2019 (SEKAPES 2019). Pusat Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Fakulti Usuluddin & Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. 14-15 Ogos 2019M.

\_\_\_\_\_. (2019). *Konsepsi Ilmu dan Amal: Kaedah Bitara Berinteraksi dengan Al-Qur'an*. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-12 (KAIB 12). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Shahir Akram Hassan. (2013). *Penerapan Kaedah Pengumpulan Hadith dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. (2019). *Tadabbur Al-Qur'an Pengenalan, Surah Al-Fatiyah, Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq, Surah Al-Naas, Ayat Kursi, Surah Al-Baqarah 284-286*. Brunei: UNISSA Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

\_\_\_\_\_. (2019). Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Ar-Ra'iq*. Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Vol. 2. No. 2 (December 2019).

Selamat bin Amir. (2016). Elemen Saintifik dalam Al-Qur'an: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia.

Al-Shiddi, 'Adil bin 'Ali. (2010). *Al-Tafsir al-'Ilmi al-Tajribi li al-Qur'an al-Karim Juzuruhu wa Tatbiqatuhu wa al-Mawqif minhu*. Arab Saudi: Madar al-Watan.

Siddiq Fadzil. (2019). Pengantar. Dalam Rosli Mokhtar. *Tadabbur Wahyu Ringkasan dan Ulasan Al-Tahrir Wa Al-Tanwir Karya Ibn 'Ashur*. Kuala Lumpur: Ilham Books.

Sulaiman Noordin. (1993). *Sains, Falsafah dan Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Syanqiti, Muhammad al-Amin ibn Muhammad ibn al-Mukhtar al-Jakni. (1995). *Adwa' al-Bayan fi Idhah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1999). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Cet. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin 'Abd al-Halim. (1997). *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Tirmizi. Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. (2000). *Al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy

Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.

Al-Zahabi, Muhammad Husayn. (2005). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Iran: Avand Daanesh.

Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Jar Allah Mahmud bin 'Umar bin Muhammad. (2001). *Tafsir al-Kashshaf 'an Haqa'iq Ghawamidh al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil wa Wujuh al-Ta'wil*. Tahqiq: 'Abd al-Razzaq al-Mahdi. Cet. 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah. (2001). *Al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim. (2004). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Syria: Dar al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Tafsir Al-Munir*. Juz 1, 3 & 30. [Surah al-Fatiyah – Surah al-Baqarah]. Persatuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia and Publication (Penterjemah). Selangor: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2016). *Tafsir Al-Munir: Aqidah, Syari'ah, Manhaj*. Abdul Hayyie al-Kattani, Mujiburrahman Subadi & Ahmad Ikhwani (Penterjemah). Indonesia: Gema Insani.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2013). *Tafsir Al-Wasith*. Terjemahan: Muhtadi, dkk. Jakarta: Gema Insani.

Zulekha Yusoff & Pisol Maidin. (2012). Perkembangan Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam. Dalam Pisol Maidin (Peny.). (2012). *Kesepadan Agama dan Sains*. Malaysia: Penerbit UiTM Universiti Teknologi MARA.

Zulkifli Hj Mohd Yusoff & Muhammad Mukhlis Hj Mohd Yunus. (2015). *Kajian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.